



LAPORAN
TAHUNAN
2017



**Menjunjung
Amanah Rakyat
Mendepani
Masa Hadapan**

“

Marilah kita bersama-sama berusaha mengubah kedudukan kita pada masa yang akan datang, membentuk ekonomi kita dengan cara dan keadaan yang baharu... Kita semua mengaku berazam bukan sahaja hendak memperbaiki iktisad bumiputera, bukan sahaja hendak memberi peluang yang lebih luas kepada bumiputera dalam



Rasional Kulit Hadapan Laporan Tahunan MARA 2017

Visual reka bentuk kulit Laporan Tahunan MARA 2017 merujuk kepada pembangunan MARA selari dengan persekitaran global dan sentiasa berinovasi dari semasa ke semasa. Agenda pembangunan yang kompetitif berupaya membawa MARA ke tahap yang lebih tinggi kepada bumiputera serta negara amnya.

lapangan ekonomi, bahkan kita berazam juga bahawa perusahaan dan kemajuan yang kita akan capai dalam ekonomi bagi negara kita ini adalah sama dengan kemajuan yang telah dicapai oleh negeri yang lain yang telah berkemajuan di dunia”

Usul yang dikemukakan oleh Tun Abdul Razak dalam Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1965

Petikan dari buku MARA: Perjuangan Belum Selesai



KANDUNGAN

002 PERNYATAAN KORPORAT

003 MAKLUMAT KORPORAT

- 004 Pelan Strategik MARA 2016-2020
- 006 Majlis MARA
- 008 Ahli Majlis MARA
- 010 Perutusan Pengerusi
- 012 Ringkasan Maklumat Korporat MARA
- 013 Carta Organisasi
- 014 Pengurusan MARA
- 018 Pusat Pentadbiran MARA
- 020 Ringkasan Prestasi dan Kedudukan Kewangan MARA Berakhir pada 31 Disember 2017
- 022 Laporan Pengurusan

047 SEKTOR KEUSAHAWANAN

- 048 Pembangunan Usahawan
- 054 Pembangunan Industri
- 059 Pembangunan Infrastruktur
- 062 Pembiayaan Perniagaan
- 067 Glocal Link (M) Sdn. Bhd.
- 070 Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC)
- 071 Pusat Teknologi Industri Perabot (FITEC)

025 JABATAN KETUA PENGARAH

- 026 Perancangan Strategik
- 030 Perundungan
- 032 Komunikasi Korporat
- 035 Unit Penyelaras
- 037 Unit Urus Setia Majlis
- 038 Penyelidikan dan Inovasi
- 041 Audit Dalam
- 045 Unit Integriti

073 SEKTOR PENDIDIKAN

- 074 Pendidikan Menengah
- 080 Kemahiran dan Teknikal
- 085 Pendidikan Tinggi
- 088 GiatMARA
- 092 Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- 095 Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)
- 097 German-Malaysian Institute (GMI)
- 099 Penganjuran Pelajaran
- 102 Teknologi Kreatif & Multimedia
- 105 MARA Excellent Ventures (MEX)
- 106 UniMARA

141 PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK DAN PROGRAM MARA

- 142 Program Mobile Technical Service (MTS) di Institut Kemahiran MARA (IKM)
- 143 Program Insentif Inkubator GiatMARA/ GIATMARA
- 144 Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan
- 145 Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE)

107 SEKTOR PELABURAN

- 109 Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari
- 111 Kawalan Kredit
- 115 Industri Pengangkutan
- 116 Pelaburan MARA Berhad
- 118 Rural Capital Berhad
- 120 Asia Aerotechnic Sdn. Bhd.
- 121 MARA Incorporated Sdn. Bhd.
- 123 Harta Prima Realties Sdn. Bhd.
- 124 MARA Corporation Sdn. Bhd.

127 SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

- 128 Pembangunan Sumber Manusia
- 132 Pengurusan Kewangan
- 134 Pengurusan Aset dan Perolehan
- 136 Pengurusan Teknologi Maklumat
- 137 Binaan dan Selenggaraan
- 138 Pengurusan Risiko dan Inspektorat

147 TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 148 Yayasan Pelajaran MARA

153 PERISTIWA KORPORAT

157 PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN KORPORAT




01

Maklumat Korporat

- Pelan Strategik MARA 2016-2020
- Majlis MARA
- Ahli Majlis MARA
- Perutusan Pengurus
- Ringkasan Maklumat Korporat MARA
- Carta Organisasi
- Pengurusan MARA
- Pusat Pentadbiran MARA
- Ringkasan Prestasi dan Kedudukan Kewangan MARA Berakhir Pada 31 Disember 2017
- Laporan Pengurusan

PELAN STRATEGIK MARA 2016-2020



Organisasi Berteraskan Keusahawanan

Moto: Keusahawanan & Pendidikan Global
Nilai Bersama: Amanah rakyat





Majlis Amanah Rakyat (MARA) ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 melalui Akta Parlimen sebagai sebuah Badan Berkanun. Objektif utama penubuhan MARA adalah untuk membangunkan usahawan yang berjaya dan inovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti, menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan memudahkan sistem penyampaian kepada rakyat. Visi MARA ialah menjadi sebuah organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa seiring dengan Misi MARA untuk menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan terhadap penguasaan ekuiti bumiputera.

MAJLIS MARA

Majlis MARA ialah badan tertinggi dalam struktur organisasi MARA yang berperanan untuk merangka dasar-dasar seiring dengan visi dan misi MARA. Ahli Majlis dilantik oleh Menteri dengan tempoh keahlian bagi setiap lantikan pertama adalah selama dua (2) tahun. Ahli Majlis terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dengan ahli-ahli lain tidak kurang daripada lima (5) orang dan tidak lebih daripada sembilan (9) orang yang mana sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai awam.

Kewajipan dan Kuasa-Kuasa Majlis

Majlis MARA berkewajipan untuk memaju, menggalak, memudah dan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Malaysia khususnya di kawasan luar bandar antaranya seperti berikut:

- i. menjalankan segala usaha, khususnya pembangunan perusahaan komersial dan perindustrian yang berfaedah dan bersesuaian termasuk pembuatan, pemasangan, pemprosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk, penyelidikan dan latihan;

- ii. mempromosikan aktiviti melalui penubuhan atau bantuan kepada individu/badan-badan yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti tersebut termasuk bantuan kewangan;
- iii. menjalankan aktiviti secara gabungan dengan individu, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau pihak lain sebagai ejen mengurus bagi pihaknya atau sebaliknya;
- iv. membeli, menjamin tanggungan kerugian atau dengan menggunakan cara lain bagi memperoleh saham dan sekuriti kepada mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain, dan untuk menjual, memegang atau mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, saham dan sekuriti sedemikian atau sebaliknya melupuskan atau berurusan dengannya; dan
- v. menubuhkan, mengendalikan dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah, perlu atau berkaitan pelaksanaan fungsi ini.

JADUAL MESYUARAT MAJLIS MARA TAHUN 2017

BIL.	MESYUARAT MAJLIS	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Ke-437 [Edaran]	21 Januari 2017	11
2.	Khas Ke-438	31 Januari 2017	10
3.	Ke-439 (Bil.3 Tahun 2017)	16 Februari 2017	9
4.	Ke-440 [Edaran]	21 Februari 2017	11
5.	Ke-441 (Bil.5 Tahun 2017)	27 Februari 2017	10
6.	Ke-442 [Edaran]	8 Mac 2017	11
7.	Khas Ke-443	16 Mac 2017	8
8.	Ke-444 (Bil.8 Tahun 2017)	29 Mac 2017	10
9.	Ke-445 (Bil.9 Tahun 2017)	18 April 2017	9
10.	Ke-446 [Edaran]	25 April 2017	11
11.	Ke-447 (Bil.11 Tahun 2017)	18 Mei 2017	8
12.	Ke-448 [Edaran]	19 Mei 2017	11
13.	Ke-449 [Edaran]	8 Jun 2017	11
14.	Ke-450 [Edaran]	21 Jun 2017	11
15.	Ke-451 [Edaran]	3 Julai 2017	11
16.	Ke-452 [Edaran]	12 Julai 2017	11
17.	Ke-453 (Bil.17 Tahun 2017)	3 Ogos 2017	10
18.	Ke-454 [Edaran]	28 Ogos 2017	11
19.	Ke-455 [Edaran]	20 September 2017	11
20.	Ke-456 (Bil.20 Tahun 2017)	19 Oktober 2017	11
21.	Ke-457 [Edaran]	31 Oktober 2017	11
22.	Ke-458 (Bil.22 Tahun 2017)	12 Disember 2017	11
23.	Ke-459 [Edaran]	13 Disember 2017	11

Jumlah kehadiran penuh ialah sebelas (11) orang.

AHLI MAJLIS MARA

Bahagian II Perkara 3(3) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966

Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut yang akan dilantik oleh Menteri:

- a. seorang Pengerusi;
- b. seorang Timbalan Pengerusi;
- c. tidak kurang daripada lima [5] dan tidak lebih daripada sembilan [9] ahli lain yang mana daripada mereka tidak kurang daripada tiga [3] hendaklah terdiri dalam kalangan pegawai-pegawai awam.



**YBHG. DATO' DR. AWANG
ADEK BIN HUSSIN**

Pengerusi

Tempoh Pelantikan
01.9.2017 - 31.8.2019



**YBHG. DATO' AZHAR
BIN ABDUL MANAF**

Timbalan Pengerusi

Tempoh Pelantikan
24.4.2017 - 23.4.2019



**YBHG. DATUK BORHAN
BIN DOLAH**

Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan
Luar Bandar & Wilayah

Ahli - Tempoh Pelantikan
16.5.2017 - 15.5.2019



**YBHG. DATO' NIK AZMAN
BIN NIK ABDUL MAJID**

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri

Ahli - Tempoh Pelantikan
11.1.2012 - 10.1.2014
11.1.2014 - 10.1.2016
11.1.2016 - 10.1.2018



**YBHG. DATUK SITI ZAUyah
BINTI MD DESA**

Timbalan Ketua Setiausaha
Perbadanan (Dasar)
Kementerian Kewangan Malaysia

Ahli - Tempoh Pelantikan
14.4.2015 - 13.4.2017
14.4.2017 - 13.4.2019



**YBHG. DATUK DR. HAJI
YUSOF BIN HAJI YACOB**

Ahli - Tempoh Pelantikan
23.7.2009 - 22.7.2011
23.7.2011 - 22.7.2013
23.7.2013 - 22.7.2015
23.7.2015 - 22.7.2017
23.7.2017 - 31.12.2017



**YBHG. DATUK HAJI
ARISS BIN SAMSUDIN**

Ahli - Tempoh Pelantikan
02.2.2011 - 01.2.2013
02.2.2013 - 01.2.2015
02.2.2015 - 01.2.2017
02.2.2017 - 31.12.2017



**YBRS. ENCIK NAZIR HUSSIN
BIN AKHTAR HUSSIN**

Ahli - Tempoh Pelantikan
02.8.2013 - 01.8.2015
02.8.2015 - 01.8.2017
02.8.2017 - 01.8.2019



**YBHG. PROFESOR EMERITUS
DATO' DR. ABU AZAM
BIN MD YASSIN**

Ahli - Tempoh Pelantikan
21.8.2013 - 20.8.2015
21.8.2015 - 20.8.2017
21.8.2017 - 20.8.2019



**YB DATUK HAJI JOHAN
BIN ABD. AZIZ**

Ahli - Tempoh Pelantikan
29.10.2013 - 28.10.2015
29.10.2015 - 28.10.2017
29.10.2017 - 28.10.2019



**YBHG. DATUK HAJI MUSA
BIN HAJI SHEIKH FADZIR**

Ahli - Tempoh Pelantikan
04.9.2015 - 03.9.2017
04.9.2017 - 03.9.2019

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.



Sejak 51 tahun penubuhan, MARA telah berjaya mentransformasi bangsa dalam mendepani pelbagai cabaran. Untuk memantapkan lagi kemajuan sosioekonomi bumiputera, sebuah Kerangka Tranformasi MARA 2011-2020 telah digubal dan dilaksanakan. MARA boleh dikatakan telah berjaya mencipta legasi kecemerlangannya yang tersendiri bukan sekadar di dalam negara bahkan merentasi sempadan dunia.

Melalui pelbagai program dan inisiatif, MARA sejak dahulu lagi telah menyumbang kepada pembentukan 70% masyarakat kelas menengah dan kelas atasan bumiputera. Peningkatan agregat pendapatan purata kelas menengah ini menyokong kepada peningkatan Status Sosioekonomi (SES) bumiputera dan seterusnya menjadi pemangkin atau *catalyst* pembangunan negara pada hari ini. Inisiatif-inisiatif yang mempunyai impak lebih besar terus dilaksanakan supaya lebih banyak syarikat dan individu bumiputera dinaik taraf daripada *local champion* kepada *global champion*.

Melalui sektor keusahawanan, MARA sangat komited dalam membangunkan usahawan yang berwibawa terutamanya dalam lima (5) bidang fokus iaitu pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)/usahawan negara, memperluas akses kemudahan pembiayaan perniagaan, membangunkan usahawan lepasan IPMa, pemantapan syarikat usahawan korporat dan transformasi usahawan luar bandar. Oleh itu, pendekatan secara holistik telah dilaksanakan dengan lebih kompetitif melalui penawaran ekosistem keusahawanan yang menyeluruh meliputi pembangunan modal insan, sistem sokongan yang lengkap seperti khidmat nasihat, penjenamaan dan program-program pembangunan serta fasiliti perniagaan lain seperti pembiayaan dan premis perniagaan.

Bagi mengukuhkan pembangunan modal insan bumiputera, MARA melalui sistem pendidikan dan latihannya telah memperkasa pelbagai program pendidikan untuk melahirkan lebih ramai bumiputera berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi tinggi. Kita percaya keupayaan bumiputera dalam bidang keusahawanan untuk jangka masa 50 tahun akan datang adalah melalui keusahawanan berteraskan teknologi (*technopreneur*). Pada masa akan datang, inilah yang akan membezakan kelebihan bumiputera dalam bidang keusahawanan berbanding usahawan lain. Selain itu, Institusi Pendidikan MARA turut memainkan peranan dalam memenuhi tuntutan industri yang memerlukan tenaga pakar yang bukan sahaja mahir dan kompeten tetapi turut dilatih dengan teknologi terkini.

Langkah MARA memperkenalkan strategi pembangunan secara terangkum (*embedded*) terbukti merupakan satu mekanisma efektif dalam mengukuhkan pembangunan kapasiti dan pengupayaan organisasi secara menyeluruh sehingga ke hari ini. Penekanan dari aspek pelaburan turut menjadi keutamaan MARA dalam memperkasa ekonomi bumiputera. Melalui strategi memantapkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat, aspek ini telah memperkuuh pendapatan syarikat serta mampu meningkatkan jumlah ekuiti sekali gus mengurangkan kebergantungan syarikat. MARA turut memperkuuh pemilikan aset bukan kewangan bumiputera melalui pemerkasaan institusi-institusi harta tanah seperti pelaburan harta tanah bagi membangun dan memperoleh harta tanah komersial dan industri.

Jelas sekali bahawa kejayaan-kejayaan MARA memenuhi keterangkuman ketiga-tiga misi korporat MARA dalam usaha memartabatkan sektor keusahawanan, pendidikan dan pelaburan. Kejayaan-kejayaan MARA selama lebih 50 tahun penubuhannya ini juga ditunjangi oleh barisan kepimpinan dan kekuatan jenteranya yang didokong oleh warga kerja yang sentiasa komited dan bekerja kuat untuk memperkasakan agensi ini.

MARA sememangnya aktif dan agresif dalam meningkatkan keupayaan intelektual warga kerja melalui pelbagai latihan kepimpinan dan pembangunan profesional. MARA juga sentiasa memastikan warga kerjanya memiliki integriti yang tinggi melalui peningkatan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan, pengukuhan nilai-nilai integriti dan memiliki kekuatan moral yang ampuh. Manakala, kewujudan Unit Audit Negara dan penempatan dua (2) orang pegawai dari Jabatan Audit Negara (JAN) dilihat amat bertepatan dengan hasrat MARA untuk memperkasa organisasi ini dari segi pengukuhan dalaman di samping membantu meningkatkan integriti dan akauntabiliti warga kerja MARA di semua pusat pentadbiran MARA.

Semua transformasi dan strategi yang telah digerakkan oleh MARA melambangkan kesungguhan MARA dalam memikul amanah yang telah diberikan demi mengangkat martabat nusa dan bangsa.




YBHG. DATO' DR. AWANG ADEK BIN HUSSIN

Pengerusi MARA

RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT MARA

Pengerusi**YBhg. Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin****Ketua Pengarah****YBhg. Dato' Azhar bin Abdul Manaf****Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan)****Zulfikri bin Osman****Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)****YBhg. Dato' Mohamed Roseli bin Dol****Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan)****Abdul Rashid bin Mohd Said
(menjalankan tugas)****Pengarah Kanan (Pelaburan)****YBhg. Datin Junaidah binti Abdul Majid****Setiausaha Majlis****Soffian bin Haji Mustafa****Juruaudit Dalam****Bahagian Audit Dalam MARA****Alamat Berdaftar****Ibu Pejabat MARA
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur****Juruaudit Luar****Ketua Audit Negara****Alamat Laman Web****www.mara.gov.my
Tel: 03-2613 2000**

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN MARA



**YBHG. DATO'
MOHAMED ROSELI
BIN DOL**

Timbalan
Ketua Pengarah
(Pendidikan)

**ZULFIKRI
BIN OSMAN**

Timbalan
Ketua Pengarah
(Keusahawanan)

**YBHG. DATO' AZHAR
BIN ABDUL MANAF**

Ketua Pengarah

**YBHG. DATIN
JUNAIDAH BINTI
ABDUL MAJID**

Pengarah Kanan
(Pelaburan)

**ABDUL RASHID
BIN MOHD SAID**

Pengarah Perancangan
Strategik
Menjalankan tugas
Timbalan
Ketua Pengarah
(Khidmat Pengurusan)



**ABD HAMID
BIN H.J. AHMAD**

Pengarah
Pendidikan Tinggi

**ROHAYAH BINTI
MOHD ZAIN**

Pengarah
Infrastruktur
Komersial

**RABIATUL
ADAWIYAH
BINTI ISMAIL**

Pengarah
Perundangan

**ABDUL AZIZ
BIN HASSAN**

Pengarah
Pembangunan
Usahawan

**RAZLAN BIN
SAMSURI**

Pengarah
Sumber
Manusia

MAHZAN BIN TEH

Pengarah
Kemahiran
dan Teknikal

**MOHD SALLEH BIN ABDULLAH**Pengarah
Penganjuran
Pelajaran**MOHD ZAKI BIN JALI**Pengarah
Kewangan**KAMARUZAMAN BIN JAFFAR**Pengarah
Pendidikan
Menengah**KAMARUDDIN BIN AHMAD**Pengarah Binaan
& Selenggaraan**ZULKARNAIN BIN ZAKARIA**Pengarah Kawalan
Kredit**MOHD DIAH BIN ABAS**Pengarah Pelaburan
& Pembangunan
Subsidiari**SITI AMINAH BINTI ABD KADIR**Pengarah
Pengurusan Risiko
& Inspektorat**DR. AHMAD SABRI BIN KASSIM**Pengarah
Komunikasi
Korporat**DR.SHAHRIZIN BIN ABDUL SARHADAT**Pengarah
Teknologi Maklumat**ZAHARI BIN AZIZ**Pengarah
Pembayaan
Perniagaan**NOR UYON BINTI SHOIB**Pengarah
Teknologi Kreatif
& Multimedia**RAMLI BIN DERAMAN**Pengarah
Audit Dalam



**RIZAL EFFENDI
BIN RAZALI**

Pengarah
Pengurusan Aset
dan Perolehan



**AMIR HASSAN
BIN ABDUL WAHID**

Ketua Unit
Penyelidikan
& Inovasi



**ABD LATIF
BIN OSMAN**

Ketua Unit
Integriti



**SOFFIAN BIN
MUSTAFA**

Setiausaha
Majlis



**ZARINA BINTI
MD SIDEK**

Ketua Unit
Audit Negara



**FATIMAH BINTI
MAT GHANI**

Ketua Unit
Penyelaras



**YBHG. PROF. DATO'
DR. MAZLIHAM BIN
MOHD SU'UD**

Presiden/ Ketua
Pegawai Eksekutif
Universiti Teknikal
MARA Sdn. Bhd.



**YBHG. DATO'
AHMAD NAZIM BIN
ABDUL RAHMAN**

Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan
Pelburuan MARA
Berhad



**YUSOFF BIN
MD SHAHIR**

Pengarah Urusan
German-Malaysian
Institute



**ABDUL RAHMAN
BIN MOHD SAAD**

Ketua Pegawai
Eksekutif
Pusat Pembangunan
Reka Bentuk Malaysia
Sdn. Bhd.



**JAMAL NASIR
BIN OTHMAN**

Ketua Pegawai
Eksekutif
GIATMARA Sdn. Bhd.



**HAJI ZAKARIAH
BIN MD SAM**

Ketua Pegawai
Eksekutif
Yayasan Pelajaran
MARA



**MOHD ROSLAN
BIN ISMAIL**

Ketua Pegawai Operasi
Asia Aerotechnic
Sdn. Bhd.

**ZAHRAIL AFFENDY
BIN MOHAMED**

Ketua Pegawai Operasi
MARA Liner Sdn. Bhd.

**KHAIRUL ANUAR
BIN MOHD JAIS**

Ketua Pegawai Operasi
MARA Excellent
Ventures Sdn. Bhd.

**ROHIZAL BIN
MOHD RADZI**

Ketua Pegawai Operasi
UniMARA Sdn. Bhd.

**MAHADIR BIN
IBRAHIM**

Ketua Pegawai Operasi
Rural Capital Berhad

**ZAIRUL AMRI BIN
ADAM**

Ketua Pegawai Operasi
MARA Aerospace &
Technologies Sdn. Bhd.



**KHAIRUL AZIZI
BIN ISMAIL**

Ketua Pegawai Pelaburan
MARA Incorporated
Sdn. Bhd.
(Menjalankan tugas
Ketua Pegawai Eksekutif)

**MUHAMAD FAIZAL
BIN MOHAMAD NOR**

Pengurus Besar
Glocal Link (M) Sdn. Bhd.
(Menjalankan tugas Ketua
Pegawai Eksekutif)

**TUGIMON BIN
ABDUL HAMID**

Ketua Pegawai
Operasi F.I.T
Center Sdn. Bhd.
(Menjalankan tugas
Ketua Pegawai
Eksekutif)

NORDIN BIN AHMAD

Timbalan Presiden
Hal Ehwal Pelajar
Kolej Poly-Tech
MARA Sdn. Bhd.
(Menjalankan tugas
Ketua Pegawai
Eksekutif)

RAZALI BIN MAMAT

(Menjalankan tugas
Ketua Pegawai Operasi)
YPM Realties Sdn. Bhd.

PUSAT PENTADBIRAN MARA

	PUSAT	BILANGAN
PUSAT MARA DALAM NEGARA	1. Ibu Pejabat MARA * 2. Pejabat MARA Negeri 3. Pejabat MARA Daerah 4. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) 5. Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM) 6. Pusat Kepimpinan Pelajar (PUSKEP) 7. Kolej MARA (KM) 8. Institut Kemahiran MARA (IKM) 9. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) 10. Kolej Profesional MARA (KPM)	26 14 117 54 1 1 4 14 11 6 248
PUSAT MARA LUAR NEGARA	1. MARA United Kingdom (London) 2. MARA Amerika Syarikat (Washington D.C) 3. MARA Australia (Sydney) 4. MARA Jerman (Frankfurt) 5. MARA Rusia (Moscow) 6. MARA Indonesia (Jakarta) 7. MARA Ireland (Dublin) 8. MARA Mesir (Iskandariah)	1 1 1 1 1 1 1 1
	Jumlah Pusat MARA Luar Negara	8
	Jumlah Pusat MARA Dalam dan Luar Negara	256
SYARIKAT KOMERSIAL	1. Pelaburan MARA Berhad (PMB) 2. MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) 3. Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB) 4. Rural Capital Berhad (RCB) 5. MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. (MATSB) 6. MARA Corporation Sdn. Bhd. (MCSB) 7. Harta Prima Realties Sdn. Bhd. (HPR)	1 1 1 1 1 1 1
	Jumlah Pusat di Bawah Syarikat Komersial	7
SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	1. Asia Aerotechnic Sdn. Bhd. 2. Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (UniKL) 3. Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTM) 4. Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn. Bhd. (DDEC) 5. F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC) 6. MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX) 7. GIATMARA Sdn. Bhd. (GiatMARA) 8. MARA Liner Sdn.Bhd. (MLSB) 9. UniMARA Sdn. Bhd. 10. Technology Park Malaysia College Sdn. Bhd. (TPMC)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
	Jumlah Pusat di Bawah Syarikat Perkhidmatan dan Latihan	10

	PUSAT	BILANGAN
PERBADANAN DI BAWAH AKTA MARA SEKSYEN 25	Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	1
SYARIKAT DI BAWAH JAMINAN	German-Malaysian Institute (GMI)	1
SYARIKAT DORMAN	1. Institute Infotech MARA Sdn. Bhd. (IIM) 2. British Malaysian Institute (UniKL-BMI) 3. Malaysian France Institute (UniKL-MFI) 4. Kayu Sedia Sdn. Bhd Jumlah Pusat di Bawah Syarikat Dorman	1 1 1 1 4
SYARIKAT BERSEKUTU	1. Strand Aerospace Malaysia Sdn.Bhd. 2. Med Bumikar MARA Sdn. Bhd. (MBM) Jumlah Pusat di Bawah Syarikat Bersekutu Jumlah Keseluruhan Syarikat MARA	1 1 2 25
IPMa DI BAWAH SYARIKAT	1. Universiti Teknikal MARA (UniKL) 2. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) 3. Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) 4. German-Malaysian Institute (GMI) 5. Pusat GiatMARA** 6. Universiti MARA (UniMARA) Jumlah Pusat IPMa di Bawah Syarikat	12 8 1 1 245 1 268
JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT MARA	MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB) Jumlah Pusat di Bawah Syarikat MARA	21 21
	JUMLAH KESELURUHAN	570

Nota:

- * Bilangan ini termasuk 26 Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat MARA
- ** Bilangan ini termasuk 231 buah Pusat GiatMARA dan 14 Pejabat GiatMARA Negeri


RINGKASAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN MARA BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Berikut ialah data utama daripada Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan MARA bagi tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016:

Bajet Mengurus (RM Juta)


Bajet Mengurus yang diterima pada tahun 2017 berjumlah RM1,509.38 juta berbanding tahun 2016 sebanyak RM3,608.55 juta.

Geran Belanja Operasi tahun 2017 berjumlah RM1,509.38 juta berbanding RM1,593.63 juta pada tahun 2016.




Geran Kerajaan Untuk Operasi (RM Juta)

Jumlah Geran Kerajaan untuk operasi dilaporkan di Penyata Pendapatan Komprehensif 2017 berjumlah RM3,574.88 juta berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM3,769.55 juta.



Sumber Dalaman (RM Juta)


Sumber Dalaman MARA (pendapatan kendalian dan lain-lain pendapatan kendalian) berjumlah RM409.45 juta pada tahun 2017 berbanding RM362.26 juta pada tahun 2016.



Bajet Pembangunan (RM Juta)

Bajet Pembangunan yang diterima pada tahun 2017 berjumlah RM2,490.24 juta berbanding RM318.59 juta pada tahun 2016.

Penerimaan Bajet Pembangunan 2017 adalah termasuk Geran Program Penganjuran Pelajaran berjumlah RM2,000 juta.




Jumlah Perbelanjaan Aktiviti (RM Juta)


Jumlah Perbelanjaan Aktiviti MARA pada tahun 2017 sebanyak RM4,379.46 juta berbanding tahun 2016 sebanyak RM3,948.60 juta.

**Jumlah Pendapatan Komprehensif (RM Juta)**



Jumlah Pendapatan Komprehensif Tahun Semasa MARA pada tahun 2017 berjumlah RM97.55 juta berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM747.27 juta.

**Aset Semasa MARA (RM Juta)**

Aset Semasa MARA setakat 31 Disember 2017 berjumlah RM2,580.84 berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM2,078.51 juta.

**Aset Bukan Semasa MARA (RM Juta)**

Aset Bukan Semasa MARA berjumlah RM17,661.63 juta berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM18,239.69 juta.

**Aset Bersih (RM Juta)**

Aset Bersih MARA berjumlah RM9,266.53 juta berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM9,168.99 juta.

LAPORAN PENGURUSAN

Alhamdulillah, kesyukuran dipanjangkan terhadap Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya MARA terus menjana kecemerlangan bumiputera melalui pelbagai strategi dan inisiatif yang dilaksanakan ke arah membangunkan negara dan bangsa. Selaku sebuah agensi pembangunan sosioekonomi terutama dalam bidang keusahawanan, program berimpak tinggi telah dilaksanakan dalam ekosistem MARA secara efisien dan efektif selaras dengan keperluan masyarakat bumiputera selaku pemegang taruh (stakeholders) utama. Pengukuhan ekosistem MARA dipacu melalui tiga (3) paksi utama iaitu MARA Development, MARA Care dan MARA Invest melalui pendekatan secara integratif, inklusif dan *embedded* serta mengambil kira realiti ekonomi semasa juga faktor global yang kompetitif.

Pelaksanaan inisiatif dan program MARA ditunjangi oleh 570 pusat pentadbiran meliputi 343 Institusi Pendidikan MARA (IPMa), 14 buah Pejabat MARA Negeri (PMN), 117 buah Pejabat MARA Daerah (PMD), 8 buah pejabat MARA luar negara dan 25 syarikat subsidiari MARA. Semua ini digerakkan oleh 11,283 kekuatan anggota kerja yang komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Jentera pentadbiran ini berperanan untuk menggerakkan sektor keusahawanan, pendidikan dan pelaburan MARA yang disenergikan untuk mewujudkan ekosistem pembangunan keusahawanan dan modal insan yang komprehensif.

Penciptaan peluang kekayaan melalui program keusahawanan merupakan matlamat utama program pembangunan keusahawanan dan pendidikan MARA. Inisiatif ini digerakkan dengan memberi fokus kepada program berimpak besar dan bersifat *quick win* untuk menaiktarafkan usahawan dari tahap *local champion* kepada *global champion*. Pada tahun pentadbiran ini, melalui sektor keusahawanan seramai 53,857 orang usahawan telah dibangunkan melalui program keusahawanan MARA seperti MARA Entrepreneurial Integrated Training (MERIT), Business Advancement & Standard Development (BASE), Advanced Technology Entrepreneur Development (ADAPT) dan Pembangunan Usahawan Teknikal (PUTEK). Sementara itu, seramai 4,581 orang usahawan turut mendapat kemudahan pembiayaan perniagaan melalui skim pembiayaan seperti Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM) dan Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) dengan nilai keseluruhan melebihi RM396 juta.

Inisiatif bagi mengukuhkan kedudukan usahawan dalam pasaran turut digerakkan melalui pelbagai bantuan lain termasuklah menyediakan 7,399 lot ruang niaga serta khidmat nasihat dari aspek penjenamaan, peningkatan standard seperti pensijilan halal, Good Manufacturing Practice (GMP) dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP). Bagi membangunkan usahawan belia yang berdaya maju, kreatif dan progresif pula, penganjuran program-program seperti *Hair In Trend* (HIT) dan *MARA In Fashion* (MIF) dilaksana sebagai medium melahirkan usahawan dalam bidang *lifestyle*. Program ini juga terbukti telah menambah bilangan usahawan belia di luar bandar dan pada masa yang sama meningkatkan peluang pekerjaan.

Bagi meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang teknikal dan berteknologi tinggi, MARA telah memperkenalkan *Startup and Accelerator Edupreneur Model* (MSEAD) yang merupakan lanskap pembangunan keusahawanan komprehensif bagi melahirkan usahawan di Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Sinergi antara sektor pendidikan, keusahawanan dan pelaburan melalui kaedah *Embedded in Curriculum* serta berteraskan

kepada keperluan industri (*industrial demand*) menjadi *enabler* dalam mewujudkan teknousahawan terutama dalam bidang keperluan pada masa akan datang.

Sektor pendidikan MARA terus berkembang demi memenuhi keperluan guna tenaga negara melalui dua (2) laluan utama iaitu laluan Akademik dan laluan pengajian Teknikal dan Vokasional. Melalui laluan akademik, seramai 8,152 orang pelajar telah menamatkan pengajian di Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) dengan 1,443 orang hufaz telah berjaya dilahirkan melalui program Ulul Albab sejak diperkenalkan. Laluan ini juga turut melahirkan seramai 31,888 orang guna tenaga separa profesional dan profesional dalam bidang perdagangan, perakaunan, teknologi maklumat, *Agro-Business*, pengurusan, logistik dan kejuruteraan teknologi. Melalui laluan Teknikal dan Vokasional pula, MARA terus berperanan penting dengan melahirkan 42,796 modal insan bumiputera mahir dan separa mahir dalam pelbagai industri strategik.

Di bawah program Penganjuran Pelajaran, sebanyak RM2 billion telah diperuntukkan oleh MARA yang telah memberi manfaat kepada 52,035 pelajar melanjutkan pelajaran di dalam negara dan 8,516 pelajar ke luar negara. Fokus penajaan pelajar ke luar negara adalah dalam bidang-bidang berimpak tinggi serta melahirkan lebih ramai graduan bertaraf Doktor Falsafah dan profesional ke arah mewujudkan modal insan kelas pertama berteraskan perkembangan bakat keperluan negara. MARA turut berjaya menaja seramai 489 orang pelajar di *top 100* universiti terkemuka dunia di bawah program penajaan biasiswa perdana.

Sektor Pelaburan MARA terus menunjukkan prestasi cemerlang dengan mencatatkan pendapatan tahunan melebihi RM1.6 bilion iaitu 28% melebihi daripada sasaran asal. MARA turut mencatat pencapaian yang memberangsangkan apabila sektor ini telah meneroka pelbagai peluang pelaburan termasuk meningkatkan nilai tambah pelaburan ke atas aset. Selain itu, kutipan bayaran balik yang direkodkan oleh MARA adalah sebanyak RM810 juta meliputi pinjaman pelajaran, pembiayaan perniagaan serta sewaan premis perniagaan.



Demi meneruskan tanggungjawab pembangunan sosioekonomi masyarakat di luar bandar, MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB) terus menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan 1,957,533 penumpang direkodkan di 126 jaluan. Selain menyediakan perkhidmatan pengangkutan, MLSB turut menyediakan 18 bengkel penyelenggaraan yang dilengkapi dengan peralatan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih (MRO) bukan sahaja untuk kenderaan milik MARA bahkan juga kenderaan komersial yang lain.

Kejayaan perlaksanaan program dan inisiatif MARA pada hari ini adalah ditunjangi oleh Sektor Khidmat Pengurusan yang berperanan merekayasa organisasi secara keseluruhan. Program-program pembangunan kompetensi dan kerjaya serta penerapan aspek motivasi kepimpinan dalam kalangan warga kerja sentiasa diberikan fokus utama kerana sumber ini adalah aset penting dalam merealisasikan visi MARA. Pada tahun ini, sebanyak 4,882 program Pembangunan Staf MARA telah dilaksanakan. Selain itu, warga kerja MARA juga diberi peluang untuk mengikuti kursus jangka pendek di luar negara seperti kursus *Learning Technologies 2017* di United Kingdom, *Human Resource Development for Rural Development Countries* di India, *Global Educator Exchange 2017* di Kanada dan *The Overseas Human Resources and Industry Development* di Jepun.

Seramai 228 orang warga kerja MARA telah melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma melalui empat (4) program iaitu program pengajian separuh masa secara in-house, cuti belajar bergaji penuh (CBBP), pengajian luar kampus (PLK) dan cuti belajar tanpa gaji (CBTG). Malah, melalui program pembangunan kerjaya, MARA juga komited untuk melahirkan *Subject Matter Expert* (SME) untuk menambahkan kepakaran pendidik MARA dan warga kerja dalam bidang kritikal.

Kejayaan MARA mengungguli beberapa anugerah seperti Anugerah *Global Leadership 2017* bagi kategori *Leadership Excellence in Community Development*, Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS 2016 bertaraf 5 Bintang dan Sijil Audit Bersih Kali Ke-16 bagi Penyata Kewangan Tahun 2017 merupakan pengiktirafan yang diterima hasil daripada pemerkasaan budaya kecemerlangan dalam perkhidmatan untuk menjadikan MARA sebuah agensi yang unggul dalam mendepani masa hadapan.

MARA melangkah jauh ke hadapan melalui pelaksanaan Pelan Strategik MARA 2016-2020 dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan kehendak pelanggan. Kejayaan yang telah dikecapai oleh MARA pada tahun 2017 ini adalah bukti pelaksanaan perancangan, strategi dan inisiatif yang berkesan. Seluruh warga kerja dan subsidiari MARA akan terus bergerak seiring bagi mencartakan pembangunan negara bangsa yang berdaya maju, mampan dan kompetitif.



YBHG. DATO' AZHAR BIN ABDUL MANAF

Ketua Pengarah MARA

02

Jabatan Ketua Pengarah

- Perancangan Strategik
- Perundungan
- Komunikasi Korporat
- Unit Penyelaras
- Unit Urus Setia Majlis
- Penyelidikan dan Inovasi
- Audit Dalam
- Unit Integriti

PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian Perancangan Strategik (BPS) berperanan menjayakan misi, visi dan objektif MARA selari dengan agenda nasional seperti Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB), Transformasi Luar Bandar KKLW, Transformasi Nasional (TN 50) dan Rancangan Malaysia 5 Tahun (RMK). Peranan ini dilaksanakan melalui fungsi BPS seperti yang berikut:

1. Merancang dan Mengurus Permohonan Bajet Pembangunan MARA

Peruntukan Pembangunan MARA 2017	Jumlah Program/Projek Pembangunan MARA 2017
Peruntukan RM2,490,240,600 bagi melaksanakan 90 program/ projek pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> ▶ 8 sektor keusahawanan ▶ 78 sektor pendidikan ▶ 3 sektor khidmat pengurusan ▶ 1 sektor pelaburan

2. Menyelaras dan Memantau Pelaksanaan Projek/Program

di Bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK)

- 2.1 Menganalisis dan Memantau Maklumat SPPII
- 2.2 Memantau Pelaksanaan Projek/Program Pembangunan
- 2.3 Menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Fizikal Program/Projek Pembangunan MARA
- 2.4 Menyediakan Kajian Separuh Penggal (KSP)
Rancangan Malaysia ke-11



Lawatan ke Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Kuantan, Pahang

3. Memantau Pelaksanaan Program Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Mini Pusat Transformasi Luar Bandar (Mini RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC)



- 1,238 program telah diadakan melibatkan lebih 70,000 orang peserta di 59 buah Mini RTC.
- Program Desa Lestari melibatkan sepuluh (10) buah Koperasi Desa Lestari di bawah seliaan MARA telah menghasilkan pendapatan melebihi RM1.7 juta.
- Lebih 22,300 orang pengunjung mendapatkan perkhidmatan di sembilan (9) buah Pejabat MARA Daerah (PMD) yang ditempatkan di UTC.



Karnival Pendidikan MARA di RTC Pulau Pinang



1 & 2: Program Komuniti Ceria & Derma Darah yang berlangsung di RTC Pulau Pinang

4. Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan

4.1 Menyelaras Kajian Penilaian *Outcome*

Sebanyak empat (4) Kajian Penilaian *Outcome* (KPO) yang memfokuskan keberkesanannya program keusahawanan dan pendidikan MARA telah dilaksanakan seperti yang berikut:

- i. Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress (SPiKE)
- ii. Program MRSRM Ulul Albab Gemencheh
- iii. Program *Mobile Technical Services* (MTS)
- iv. Program Inkubator GiatMARA

KPO Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress (SPiKE) oleh Bahagian Pembiayaan MARA dan Program MRSRM Ulul Albab Gemencheh oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA telah mendapat tempat pertama dan kedua sempena sambutan hari Inovasi KKLW tahun 2017.

4.2 Pelaksanaan *Engagement* Ketua Pengarah MARA Bersama dengan Pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa)

Program *Engagement* Ketua Pengarah MARA bersama dengan pelajar IPMa merupakan satu inisiatif untuk memberikan kefahaman dan mendekati para pelajar yang sedang melanjutkan pengajian dalam sistem pendidikan MARA mengenai sejarah kewujudan MARA dan peranannya dalam membangunkan anak bangsa.



Program *Engagement* Ketua Pengarah MARA bersama dengan Pelajar IPMa Zon Tengah pada 6 Mei 2017 (Sabtu) bertempat di MARA-Japan Industrial Institute (MJII) Beranang



Program *Engagement* Ketua Pengarah MARA bersama dengan Pelajar IPMa Zon Timur pada 13 Mei 2017 (Sabtu) bertempat di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Kuantan

4.3 Transformasi MARA (TM) 2.0


TM2.0 telah dirangka dan merupakan fasa kedua proses transformasi yang bermula semenjak 2011 dengan berpaksikan 51 tahun perjuangan MARA dalam membangunkan masyarakat bumiputera. Dalam usaha memastikan kesinambungan mandat MARA sebagai agensi pembangunan sosioekonomi bumiputera, MARA telah memperkenalkan inisiatif dan program baharu sesuai dengan tuntutan semasa. Pada 21 Ogos 2017, Ketua Pengarah MARA telah menyampaikan amanat berkaitan aspirasi, falsafah dan prinsip TM2.0 MARA kepada warga kerja MARA.



Sesi *Engagement* bersama dengan pusat MARA & Sesi *Brainstorming* bersama dengan pegawai MARA berkaitan TM2.0

5. Penyelarasan dan Pengurusan Data

- i. Menyediakan dan menganalisis data korporat MARA
- ii. Menyedia serta memantau Laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
- iii. Menyediakan laporan tahunan
- iv. Menyelaras *data on demand*
- v. Menyediakan laporan *balance scorecard*
- vi. Menyelaras urusan parlimen



PERUNDANGAN

Bahagian Perundangan memfokuskan perkhidmatan Perundangan Korporat, Litigasi serta Pembelajaran dan Pembangunan warga kerja MARA ke arah peningkatan sistem penyampaian serta pemantapan kecekapan dan kemahiran terutamanya dalam bidang perundangan.

1. Perundangan Korporat

Perkhidmatan Perundangan Korporat merangkumi urusan penggubalan, semakan, penambahbaikan dokumentasi perundangan, kajian perundangan serta ulasan/nasihat perundangan

i. Penggubalan/Semakan Dokumentasi Perundangan

**Gubalan/Semakan
252 dokumen
perundangan**

- Perjanjian
- Memorandum
- Persefahaman
- Surat Cara
- 42 sektor khidmat pengurusan
- 134 sektor keusahawanan
- 38 sektor pelaburan
- 38 sektor pendidikan

ii. Nasihat Perundangan

**405 ulasan/pandangan dan
nasihat perundangan**

- 115 sektor khidmat pengurusan
- 162 sektor keusahawanan
- 106 sektor pelaburan
- 22 sektor pendidikan

iii. Kajian dan Semakan Semula Perundangan Semasa

**20 kajian perundangan
dan semakan semula
perundangan semasa**

- 6 sektor khidmat pengurusan
- 4 sektor keusahawanan
- 3 sektor pelaburan
- 7 sektor pendidikan

2. Litigasi

i. Tindakan Undang-undang Terhadap Peminjam Pinjaman Pelajaran MARA

**6,621 tindakan undang-undang terhadap peminjam/
penjamin pinjaman pelajaran MARA**

**RM 9.7 juta
bayaran balik
diperoleh**

- 4,346 Notis
- 918 Saman
- 965 Penghakiman
- 392 Pelaksanaan Penghakiman

3. Pembelajaran dan Pembangunan

10

program latihan perundangan
dan pemantapan warga kerja
MARA dan syarikat subsidiari

- Program Latihan Perundangan dan Pemantapan Staf
- Program Jalinan Korporat
- Program *Engagement*



Seminar Akta Syarikat bersama warga kerja dan anak syarikat MARA oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia



Kursus Litigasi anjuran Bahagian Perundungan bersama warga kerja MARA yang terlibat dengan tindakan penguatkuasaan

KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Komunikasi Korporat (BKOM) berperanan penting dalam meningkatkan imej dan jenama korporat MARA, penyampaian maklumat, pengurusan media dan krisis serta menggerakkan program tanggungjawab sosial. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan penyampaian dan penyaluran maklumat adalah sentiasa tepat serta berkesan sebagai agensi unggul yang berteraskan rakyat.

1. Media

Semua aktiviti dan penyaluran maklumat yang lengkap tentang peranan, dasar dan perkhidmatan MARA disampaikan dengan lebih efektif melalui media cetak dan media sosial kepada golongan sasaran.

Media Cetak	Media Sosial
Berita Media Cetak	2,368  266,591 likes
Laporan Khas/ Bual Bicara	7  10,080 followers
Pengumuman Radio & Rerayap TV	130  124,420 followers
Penulisan Berita	51  1,062,488 page views



Imej dan jenama korporat yang berimpak tinggi dijana melalui Majlis Rasmi MARA

2. Perhubungan Pelanggan dan Aduan

2.1 Demi meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan, saluran aduan rasmi MARA boleh dicapai melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam Bersepadu (SISPAA), media sosial dan media massa, telefon serta surat. Pada tahun 2017, sebanyak 121 aduan awam telah diterima dan menunjukkan pengurangan sebanyak 23% berbanding 2016.

Bil.	Kategori Penyelesaian	Peratus Penyelesaian	Jumlah Aduan
1.	1-5 Hari bekerja	51%	62
2.	6-10 Hari bekerja	38%	46
3.	11-15 Hari bekerja	11%	13
	Jumlah	100%	121

- 2.2 Kaunter Informasi MARA merupakan perkhidmatan barisan hadapan yang paling penting dalam merealisasikan kehendak dan harapan yang tinggi pelanggan-pelanggan utama MARA, bukan sahaja di Ibu Pejabat MARA tetapi di seluruh pusat pentadbiran MARA di dalam dan di luar negara. Seramai 76,528 orang pelanggan telah direkodkan melalui *Visitor Management System* (VMS) dengan purata pelanggan yang hadir berurusan seramai 319 orang sehari di Ibu Pejabat MARA.
- 2.3 Selain perkhidmatan yang diberikan melalui kaunter informasi, MARA *Call Centre* (MCC) juga berperanan dalam menawarkan penyelesaian secara menyeluruh bagi aduan, pertanyaan dan cadangan daripada orang ramai. Melalui Sistem *Customer Relationship Management* (CRM) di MCC, sebanyak 24,231 masalah pelanggan berjaya diselesaikan melalui perkhidmatan telefon.

3. Program Pembangunan Pelajar

MARA sentiasa komited dalam menjalankan program untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dan masyarakat setempat terutamanya di luar bandar. Sebanyak 208 program berbentuk khidmat masyarakat (CSR), *outreach* dan bimbingan kerjaya telah dilaksanakan di seluruh negara yang memberi manfaat kepada sejumlah 82,470 golongan sasar. Selain itu, program khidmat masyarakat (CSR) telah dianjurkan melibatkan 720 orang pelajar dan golongan asnaf yang dijalankan sepanjang tahun terutamanya di bulan Ramadan. Pelbagai bantuan disediakan antaranya membaiki rumah, pendawaian elektrik, bantuan persekolahan dan sebagainya. Program *outreach* pula membolehkan MARA berinteraksi secara terus dengan masyarakat setempat melalui program seperti Jelajah Pendidikan Bumiputera, Jelajah Luar Bandar, Karnival Teroka Ilmu dan sebagainya bagi mempromosi program pendidikan MARA dan Institusi Pendidikan MARA. Seramai 76,000 pengunjung telah mendapat informasi dan bimbingan yang disediakan secara langsung sepanjang program-program ini.



Pelajar-pelajar IPMa turut turun padang menjayakan program CSR Hati Emas yang telah memberi manfaat kepada lebih 80,000 golongan sasar

Dalam membimbing pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah ini, MARA juga melaksanakan program seperti seminar kerjaya, motivasi, *speedreading*, *mindmapping*, kepimpinan dan sebagainya yang melibatkan seramai 5,750 pelajar. Sebanyak 208 program pembangunan pelajar telah dilaksanakan di seluruh negara yang memberi fokus kepada keluarga berpendapatan rendah (B40). Hampir 86,700 golongan sasaran telah menerima manfaat daripada program-program yang telah dilaksanakan.

5,750 Peserta Seminar Kerjaya

208 ▶ Program Pembangunan Pelajar
▶ Fokus kepada B40

86,700 Penerima Manfaat



Karnival Pendidikan MARA mula diperkenalkan sejak tahun 2000 sebagai 'one stop centre' yang menawarkan peluang-peluang pendidikan dan latihan yang disediakan oleh MARA melalui IPMa, Universiti Awam dan IPTS yang mengambil bahagian

4. Karnival Pendidikan MARA

Karnival Pendidikan MARA (KPM) merupakan platform untuk mempromosikan peluang pendidikan yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan MARA (IPMa), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tajaan MARA dan Universiti Awam (UA). Seramai 370,000 orang pengunjung telah mengunjungi karnival ini di 14 lokasi di seluruh negara yang melibatkan 601 pempamer. KPM juga merupakan medium terbaik untuk meningkatkan lagi penyebaran maklumat mengenai aktiviti dan program-program MARA yang mana secara tidak langsung akan turut meningkatkan sistem penyampaian MARA kepada orang ramai.

UNIT PENYELARAS

Unit Penyelaras (UPL) diwujudkan sebagai sekretariat yang bertanggungjawab dalam memastikan keputusan dan arahan di peringkat Pengurusan Tertinggi MARA dapat disalurkan kepada semua Pusat Pentadbiran MARA.

Tugas dan peranan utama UPL ialah:

- i. Pengendalian mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Pengurusan MARA termasuk pembentangan prestasi dan perancangan oleh Pengurusan MARA dan Pengarah MARA Negeri;
- ii. Penyelaras dengan semua pusat pentadbiran MARA bagi memastikan semua perancangan yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi MARA dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;
- iii. Penyediaan dan pengemaskinian perwakilan kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan kepada Pengarah Bahagian/ Pusat selaras dengan Seksyen 7 dan Seksyen 11 Akta MARA;
- iv. Pengemaskinian Keahlian dan Terma Rujukan (*Term of Reference*) bagi Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan dan Ahli-ahli Pengurusan MARA;
- v. Penyelaras bagi semua maklum balas dan kertas kerja yang diperlukan oleh pihak Kementerian daripada Pengurusan MARA; dan
- vi. Penyediaan bahan-bahan dan laporan kajian terkini daripada sumber-sumber yang berwibawa untuk rujukan dan kegunaan Pengurusan Tertinggi MARA.

Inovasi yang dijalankan di UPL sepanjang 2017:

- i. Pengedaran dokumen Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA secara capaian atas talian iaitu *MyMesyuarat* Pengurusan melalui Portal MARAnet.sharepoint dan memuat turun dokumen dengan menggunakan *Window Surface Tablet* semasa mesyuarat bersidang;
- ii. Pengedaran dokumen Mesyuarat Jawatankuasa Pengarah-Pengarah MARA Negeri secara capaian atas talian iaitu *MyMesyuarat PMN* melalui Portal MARAnet.sharepoint dan memuat turun dokumen dengan menggunakan *Window Surface Tablet* semasa mesyuarat bersidang;
- iii. Mengakses dokumen Surat Perwakilan Kuasa secara atas talian iaitu *Perwakilan Kuasa* di Portal MARAnet.sharepoint dengan kerjasama Bahagian Perundungan (BUU), Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dan Bahagian Kewangan (BKW);
- iv. Mengakses jadual Mesyuarat Jawatankuasa secara atas talian iaitu *Jadual Mesyuarat* di Portal MARAnet.sharepoint;
- v. Mengakses Jadual *Townhall* bersama dengan Ketua Pengarah MARA secara atas talian iaitu *Townhall MARA* di Portal MARAnet.sharepoint;
- vi. Mengakses maklumat dan jadual Jawatankuasa Pengurusan MARA secara atas talian di Portal MARAnet.sharepoint; dan
- vii. Penubuhan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) di Unit Penyelaras MARA - Projek 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*).

Prestasi pelaksanaan mesyuarat di bawah Jawatankuasa Peringkat Pengurusan MARA bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

BIL.	MESYUARAT JAWATANKUASA	BILANGAN MESYUARAT
1.	Teraju MARA	21
2.	Pengurusan MARA	20
3.	Pengarah-Pengarah MARA Negeri	4
4.	Runding Harga	14
5.	Peraturan MARA	6
6.	Piawaian & Kos	8
7.	Hapus Kira	4
8.	Penyelarasan & Penemuan Audit	2
	Jumlah	79

Pembentangan Perancangan & Prestasi Pengurusan MARA 2017 dilaksanakan secara suku tahun iaitu melibatkan Bahagian, Subsidiari dan Pejabat MARA Negeri kepada Pengurusan Tertinggi MARA. Pembentangan Perancangan & Prestasi Pengurusan MARA 2017 adalah seperti yang berikut:

BIL.	PEMBENTANGAN KPI	BILANGAN
1.	Pengurusan MARA	3
2.	Pengarah-Pengarah MARA Negeri	3
	Jumlah	6



Sesi Pembentangan Prestasi Pengarah-Pengarah MARA Negeri

UNIT URUS SETIA MAJLIS

Unit Urus Setia Majlis berperanan untuk menyelaras keputusan-keputusan Majlis dalam memastikan program dan aktiviti yang dirancang selari dengan dasar serta polisi MARA.

Tugas dan peranan utama Setiausaha Majlis adalah:

- i. Melaksanakan Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat di bawah Jawatankuasa Majlis mengikut Akta MARA dan peraturan yang ditetapkan.
- ii. Mengurus setia dan menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan bagi mesyuarat-mesyuarat di bawah Jawatankuasa Majlis.
- iii. Bertindak sebagai saksi bagi pihak MARA pada semua dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara MARA dengan pihak ketiga.
- iv. Menyimpan meterai Majlis dan memastikan semua Surat Cara, Dokumen dan lain-lain instrumen dimeterai serta disimpan seperti yang diluluskan oleh Majlis.
- v. Menyelaras dan menguruskan keperluan-keperluan Pengurus dan Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dan peranan Majlis.



Mesyuarat Majlis MARA bertempat di Ibu Pejabat MARA

Prestasi pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa di bawah Majlis MARA bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

BIL.	MESYUARAT JAWATANKUASA	BIL. MESYUARAT
1.	Majlis MARA	23
2.	Lembaga Perolehan MARA 'A'	8
3.	Lembaga Perolehan MARA 'B'	22
4.	Dasar Perjawatan MARA	7
5.	Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional MARA	4
6.	Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana MARA	4
7.	Rayuan MARA	2
8.	Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan Tertinggi & Profesional) [1A]	2
9.	Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan Tertinggi & Profesional) [2A]	2
10.	Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan & Profesional) [3A]	4
11.	Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pelaksana) [4A]	2
12.	Rayuan Tatatertib dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pelaksana) [4B]	1
13.	Rayuan Tatatertib Bukan dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pelaksana) [5B]	1

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Unit Penyelidikan dan Inovasi MARA (UNI) ditubuhkan untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi MARA. Justeru, UNI telah melaksanakan beberapa program pembudayaan inovasi dan pembangunan profesionalisme kepada warga MARA termasuk anak syarikat MARA. Antara pembangunan profesionalisme modal insan sepanjang tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

- i. Bengkel Pengurusan Anugerah Inovasi MARA (AIM) 2017 (Penyelaras Inovasi Bahagian dan Pusat MARA)
- ii. Bengkel *Product Development & Prototype*
- iii. Bengkel *Refining Business Model & Revenue Model*
- iv. Bengkel Penulisan Paten dan *Pitching*

UNI berperanan mengukuhkan jaringan dengan rakan strategik tempatan dan global. Di samping itu, usaha ini adalah untuk meningkatkan proses pengkomersialan produk inovasi MARA. Antara pertandingan inovasi yang disertai oleh MARA adalah seperti yang berikut:

- i. Malaysia Technology Expo (MTE) 2017
- ii. Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2017
- iii. Anugerah Inovasi Negara 2017
- iv. Anugerah Harta Intelek Negara 2017
- v. PENCIPTA 2017 (The International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning)

Kejayaan MARA dalam Pertandingan Inovasi 2017

BIL.	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
1.	Malaysian Technology Expo (MTE) 2017	<ol style="list-style-type: none"> i. MRSM Kubang Pasu, PANDANUS MENGKUANG LEAVES, Pingat Emas Asian Youth Innovation Awards & Expo (Junior); Pemenang Anugerah CIIS Special Award (Chinese Innovation & Invention Society – Taiwan) ii. UniKL MIIT: SALT HERO: LEARNING CHEMISTRY MADE FUN, Pingat Emas: Asian Youth Innovation Awards & Expo (Junior); Pemenang Anugerah The Very Best Award AYIAE (Youth) – RM1,000 iii. MRSM Mukah: GULAGO: Pingat Emas Asian Youth Innovation Awards & Expo (Junior); Pemenang Anugerah The Best Award Kategori Asian Youth Innovation Awards & Expo (Junior) – RM300 iv. MRSM Terendak: TEMPERED PROOF MOUNTED BIN; Pingat Emas: Asian Youth Innovation Awards & Expo (Junior); Pemenang Anugerah The Very Best Award AYIAE (Youth) – RM1,000 v. GIATMARA Kepong, WEBBING TOOL, Pingat Perak: Innovation & Invention Awards vi. Kolej MARA Kuala Nerang: VISUALIZATION TEACHING AID, Pingat Perak: Innovation & Invention Awards vii. KKT Balik Pulau: CAR FOOT JACK, Pingat Emas: Asian Youth Innovation Awards & Expo (Youth); Pemenang Anugerah The Best Award Asian Youth Innovation Awards & Expo AYIAE (Youth): RM300


BIL.	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
		viii. UniKL MSI: ALAT PENGGULUNG SERBAGUNA : Pingat Perak: Asian Youth Innovation Awards & Expo (Youth) ix. KUPTM KL, EidenC , Pingat Gangsa: Innovation & Invention Awards x. GIATMARA Sandakan, Sabah, PENGETAR DARAH , Pingat Gangsa: Innovation & Invention Awards
2.	Anugerah Inovasi Negara 2017	MRSM JELI: Finalis (Kategori Sekolah), Projek GreenTech Bioplastics
3.	Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2017	i. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Pengurusan) - Projek Learning Outcome Attainment Measurement System (LOAMS) UniKL (Johan) ii. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Teknikal) Projek Kubixhome - KKTMM Sri Gading (Naib Johan) iii. Anugerah Kualiti Kecekapan Tadbir Urus (Tempat Ketiga) iv. Anugerah Kualiti Penilaian <i>Outcome</i> Terbaik - Spike (Johan) v. Anugerah Kualiti Penilaian <i>Outcome</i> Terbaik - MRSM Ulul Albab (Naib Johan)
4.	Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017	MRSM Jeli, Johan: Projek GreenTech Bioplastics
5.	PENCIPTA 2017 (The International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning)	UniKL Pemenang Gangsa Salt Hero: Virtual Lab For Simulating Chemistry Experiments With Salt

Perlindungan Harta Intelek MARA

Jenis Perlindungan	Bilangan	Kos
Patent	4	RM1,480.00



Direktori MARATEX 2017 yang merupakan kompilasi produk - produk finalis pertandingan MARATEX 2017



Kejayaan Program Inovasi MARA



Juara Anugerah Inovasi MARA 2017 Kategori Inovasi Sosial (i-Mtech Staf) Produk Kubixhome, KKTM SRI GADING



Juara Anugerah Inovasi MARA 2017 Kategori Inovasi Sosial (i-MTech Pelajar) *Lightweight Cement Board From Oil Palm Frond*, UniKL MICET



Juara Kategori Pembangunan Bahan (i-MEd BBM Staf) Produk-TRIM, MRSM TERENDAK



Juara Kategori Pembangunan Bahan (I-Med BBB Pelajar) Produk - X-Illusions V2.0 MRSM Tun Abdul Razak



Juara Kategori Penyampaian Perkhidmatan (i-MMA Staf) Produk - LOAMS UniKL MIIT



Unit Penyelidikan & Inovasi sebagai finalis AIM, Kategori i-IMMA Produk – Sistem i-MARATex



Finalis Anugerah Inovasi MARA 2017 bersama dengan Pengurusan MARA

AUDIT DALAM

Selaras dengan penstrukturian semula MARA dan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 tahun 2004, pelaksanaan audit telah diperkemas dan fungsi audit telah diperjelaskan dengan lebih terperinci. Bahagian Audit Dalam MARA (AUD) telah mengalami pelbagai perubahan, selain perkembangan dan penambahan aktiviti-aktiviti dalam organisasi MARA, AUD turut menyumbang kepada evolusi kaedah pengauditan yang lebih menjurus kepada pendekatan untuk membantu serta membimbing organisasi ke arah memastikan pelaksanaan tadbir urus korporat MARA berada pada landasan yang betul.

1. Aktiviti Pengauditan


Bil	Aktiviti	Pelaksanaan
1.	Pematuhan	61 buah pusat yang telah dilaksanakan audit pematuhan memperolehi markah purata 84%
2.	Prestasi	Empat (4) audit prestasi dalam mengkaji keberkesanan program-program MARA
3.	Mengejut	Pemeriksaan audit mengejut di 57 buah pusat MARA termasuk anak syarikat MARA.
4.	Siasatan	54% aduan menurun dari tahun 2016 iaitu sebanyak 13 kes berbanding enam (6) kes pada tahun 2017.



Pelaksanaan audit dalam membantu sesebuah organisasi mencapai matlamat melalui pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus

2. Audit Kendiri

Pelaksanaan Audit Kendiri melalui sistem PANTAU kepada semua 253 buah Pusat Pentadbiran MARA telah dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh tiga (3) bulan bermula pada 17 Januari 2017 sehingga 16 Mac 2017.





Pelaksanaan audit Indeks Akauntabiliti di Ibu Pejabat MARA

3. Indeks Akauntabiliti

Pengauditan audit Indeks Akauntabiliti kepada 26 bahagian di Ibu Pejabat MARA merupakan kesinambungan daripada Audit Kendiri melalui sistem PANTAU.

4. Rangkaian Kerjasama Strategik

Pemantapan perkongsian maklumat serta tambah nilai dalam pelaksanaan aktiviti audit melalui program dan rangkaian kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan seperti yang berikut:

- i. Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am, Kementerian Pertahanan Malaysia;
- ii. Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia;
- iii. Unit Audit Dalam, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE); dan
- iv. Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara.



Kolaborasi bersama Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am, Kementerian Pertahanan Malaysia



Knowledge Sharing bersama dengan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia



Engagement bersama dengan Unit Audit Dalam, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)



Engagement bersama dengan Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara

5. Seminar Pengukuhan Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti

Seminar Pengukuhan Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti dihadiri oleh 100 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Audit Dalam di semua agensi dan anak syarikat di bawah KKLW telah dilaksanakan pada 6 Disember 2017 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.



Seminar Pengukuhan Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti mampu memperkasakan pengetahuan dalam pelaksanaan tadbir urus korporat yang cekap

6. *Networking Dinner*

Networking Dinner bersama Ketua Audit Dalam di semua agensi dan anak syarikat di bawah KKLW telah diadakan pada 6 Disember 2017 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Program ini memberi ruang kepada semua Ketua Audit Dalam memberi pandangan dan bertukar-tukar pendapat berkaitan isu pengauditan dengan Pengurusan Tertinggi KKLW.



Networking Dinner bersama dengan Ketua-ketua Audit Dalam Agensi di bawah KKLW dan Anak Syarikat

7. Mesyuarat Ketua Unit Audit Dalam KKLW dengan Ketua-ketua Unit Audit Dalam Agensi dan Anak Syarikat (MEKADA)

Mesyuarat ini dilaksanakan bertujuan agar semua Ketua-Ketua Unit Audit Dalam KKLW sentiasa peka terhadap isu penyelewengan, salah guna kuasa dan membantu satu sama lain dalam meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam proses pangauditan terkini.



Mesyuarat Ketua Unit Audit Dalam KKLW dengan Ketua-ketua Unit Audit Dalam Agensi dan Anak Syarikat (MEKADA) Siri 2/2017

UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integriti di MARA. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti yang berikut:

- ▶ Tadbir Urus
- ▶ Pengukuhan Integriti
- ▶ Pengesanan dan Pengesahan
- ▶ Pengurusan Aduan
- ▶ Pematuhan
- ▶ Tatatertib

Pelaksanaan program integriti berdasarkan Indikator Keberhasilan Utama (KPI) Unit Integriti MARA bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti yang berikut:

Bil	Program/ Aktiviti	2017	2016
1.	Ceramah / Taklimat Integriti	33 Siri	42 Siri
2.	Program Wira Anti Rasuah (WAR)	8 Siri	3 Siri
3.	Kursus <i>Corruption Risk Management</i> (CRM)	-	1 Siri
4.	Kursus Peningkatan Integriti dan Pencegahan Rasuah Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pendidikan MARA (SPR IPMa)/ Program berkaitan SPR IPMa	10 Siri	8 Siri
5.	Seminar/ Kursus Peningkatan Integriti	6 Siri	7 Siri
6.	Ikrar Integriti Korporat (CIP)/ Ikrar Bebas Rasuah (IBR)	Pengurusan Tertinggi MARA	21 Pusat MARA 19 Subsidiari
7.	Lawatan Pematuhan	15 Siri	17 Siri
8.	Pengurusan Aduan	20 Aduan	31 Aduan
9.	Pengesanan dan Pengesahan	12 Kes	15 Kes

Impak daripada program integriti kepada pelajar, warga kerja MARA dan Subsidiari ialah berjaya meningkatkan pengetahuan berkaitan integriti dan mengurangkan kadar salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan serta secara langsung dapat melahirkan modal insan dan warga kerja yang berintegriti tinggi.

Bidang baharu/ inovasi yang diperkenalkan oleh Unit Integriti bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

1. Pewujudan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat MARA.
2. Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah oleh semua Pengurusan MARA dan Pengawal Pusat MARA serta Subsidiari.
3. Pelaksanaan Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH).

Kejayaan Unit Integriti



MARA berjaya menduduki tempat ketiga Kategori Tadbir Urus sempena Anugerah Inovasi KKLW 2017



Penganjuran Konvensyen Integriti MARA mampu melahirkan modal insan dan warga kerja yang berintegriti

Taklimat Integriti kepada Ketua Unit Kawalan Kredit Negeri



Ahli Pengurusan Tertinggi MARA turut menyempurnakan lafaz ikrar bebas rasuah dan polisi perlindungan pemberi maklumat dalam majlis pelancaran yang dianjurkan oleh Unit Integriti MARA

Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) dan Kempen 3J MARA

03

Sektor Keusahawanan

- Pembangunan Usahawan
- Pembangunan Industri
- Pembangunan Infrastruktur
- Pembiayaan Perniagaan
- Glocal Link (M) Sdn. Bhd.
- Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC)
- Pusat Teknologi Industri Perabot (FITEC)

SEKTOR KEUSAHAWANAN

Bil	Inisiatif	Sasaran 2017	Pencapaian 2017	Peratus (%)
1.	Pembangunan PKS/ Usahawan Negara	Membangunkan 15,610 orang usahawan	53,857	338.78%
2.	Memperluaskan Akses Kemudahan Pembiayaan Perniagaan	3,800 bilangan penerima pembiayaan	3,904	102.74%
3.	Membangunkan Usahawan lepasan IPMa	780 usahawan IPMa	1,481	189.87%


PEMBANGUNAN USAHAWAN

1. Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA/ MARA *Entrepreneur Integrated Training (MERIT)*


Program Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA (MERIT) ialah pakej latihan yang disediakan untuk usahawan bumiputera bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai keusahawanan mengikut keperluan pasaran semasa dengan adaptasi teknologi terkini. Pelaksanaan MERIT dibuat berdasarkan tiga (3) kategori program latihan iaitu Pioneer, Progressive dan Premier.







Bilangan Peserta Program PIONEER



Jumlah Perbelanjaan Program PIONEER (RM)





Bilangan Peserta Program PROGRESSIVE**Jumlah Perbelanjaan Program PROGRESSIVE (RM)****Bilangan Peserta Program PREMIER****Jumlah Perbelanjaan Program PREMIER (RM)**

2. Program Pembangunan Usahawan Teknologi Lanjutan/ *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*

Program ADAPT adalah program berpakej bagi melahir dan mengukuhkan usahawan di dalam bidang yang berasaskan kepada teknologi tinggi dan lanjutan. Program ini akan memberi peluang kepada bakal usahawan dan usahawan sedia ada untuk memperoleh teknologi daripada pembekal teknologi.



**233 orang
usahawan
RM1.53juta**

- Latihan keusahawanan dan perniagaan
- Latihan kemahiran dan teknikal (kerjasama dengan pembekal teknologi)
- Kajian pembangunan dan inovasi (RD & I)
- Geran pengkomersialan

Bilangan Peserta Program ADAPT**Jumlah Perbelanjaan Program ADAPT (RM)**

3. Program Peningkatan Dan Pembangunan Standard Perniagaan/ *Business Advancement and Standard Development Program (BASE)*

Program ini menyediakan kemudahan geran kepada usahawan bumiputera bagi membangunkan kapasiti dan keupayaan melalui kaedah perundingan perniagaan. MARA menyediakan tenaga profesional pembangunan perniagaan di dalam pelbagai bidang kepakaran dan industri yang berfungsi sebagai pemudah cara, pembimbing dan menyediakan khidmat nasihat perniagaan kepada usahawan-usahawan yang terlibat.

Bilangan Peserta Program BASE**Jumlah Perbelanjaan Program BASE (RM)**


**571 orang usahawan
RM4.08juta**

- Program Pembangunan Standardisasi Pengilang Bumiputera (PROGRESS)
- Program Peningkatan dan Pengembangan Pembangunan Syarikat (PROCEED)
- Program Transformasi dan Pemulihan

4. Program Pecutan Usahawan Baru (STAR)

Program Pecutan Usahawan Baru (STAR) adalah program inkubator perniagaan bagi melahirkan usahawan baru dalam kalangan lepasan pelajar institusi pendidikan, belia dan wanita. Program ini memberi peluang kepada golongan bumiputera yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan untuk memulakan perniagaan melalui sistem sokongan yang disediakan.


Bilangan Peserta Program STAR



**134 orang usahawan
RM3.72juta**

- Kesediaan Peribadi (Personal Readiness)
- Model Perniagaan (Business Model)
- Pelan Tindakan (Business Action Plan)
- Syarikat (PROTECT)

Jumlah Perbelanjaan Program STAR (RM)




5. Program Usahawan Teknikal (PUTEK)

Program Usahawan Teknikal (PUTEK) bertujuan untuk mewujudkan usahawan baharu dalam bidang teknikal iaitu yang berasaskan kepada kemahiran yang dimiliki.

86 orang usahawan RM4.47juta

- Kesediaan Peribadi (Personal Readiness)
- Model Perniagaan (Business Model)
- Pelan Tindakan (Business Action Plan)
- Syarikat (PROTECT)

Bilangan Peserta Program PUTEK



Jumlah Perbelanjaan Program PUTEK (RM)



Pembangunan Usahawan Melalui Kluster Perniagaan

Pada tahun 2017, MARA telah membangunkan usahawan mengikut kluster bidang perniagaan seperti yang berikut:

Bil.	Kluster	Bilangan Usahawan
1.	Gaya Hidup/Kreatif	2,064
2.	Makanan dan Minuman	2,052
3.	Kesihatan dan Kecantikan	1,719
4.	Automotif	1,609
5.	Teknologi Lanjutan	1,625
6.	Pembinaan	1,602
7.	ICT dan Multimedia	1,641
8.	Perkhidmatan dan Profesional	1,501

MARA terus menggiatkan usaha untuk melakukan transformasi ke atas usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang agar terus relevan dalam mendepani masa hadapan yang penuh mencabar. Sepanjang tahun 2017 pelbagai program telah dilancarkan seperti berikut:

i. HIT BARBER 2017

Program Hair In Trend “HIT BARBER” merupakan platform yang berupaya melonjakkan usahawan bumiputera dalam bidang *hairdressing* untuk meningkatkan kemahiran perniagaan sebagai pendandan rambut profesional. Seramai 20 peserta telah mengikuti program HIT Barber 2017 dan dua (2) peserta telah mengikuti kursus jangka pendek di London Barber School bagi memberikan pendedahan kepada mereka untuk mempelajari kemahiran mendandan rambut yang lebih kontemporari di samping membina kemahiran *interpersonal* termasuk kemahiran komunikasi dan hubungan pelanggan.



Program HIT BARBER MARA membantu melonjakkan kompetensi usahawan dalam bidang *hairdressing*

ii. MARA in Fashion 2017 (MiF)

MARA in Fashion (MiF) merupakan platform untuk mengetengahkan bakat-bakat pereka fesyen muda untuk berkarya dan menzahirkan rekaan dan produk yang mempunyai identiti sendiri di pasaran tempatan dan antarabangsa. MiF akan terus mengukuhkan strategi pembangunan usahawan fesyen melalui ekosistem yang terancang dengan meningkatkan nilai rekaan, kualiti jahitan dan melahirkan penjahit berkemahiran tinggi yang memenuhi piawai antarabangsa. Seramai 20 peserta telah mengikuti program MiF 2017 dan tiga (3) peserta telah dipilih untuk mengikuti kursus jangka pendek di St. Martins London.



Program MARA in Fashion (MiF) 2017 mengetengahkan bakat pereka fesyen tempatan

iii. Gate to Global

Program *Gate to Global* (GTG) merupakan pakej program pembangunan usahawan eksport Bumiputera yang bertujuan untuk membantu usahawan menembusi pasaran global. GTG adalah program yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama MATRADE dan SME Corp yang memberi fokus kepada usahawan dalam bidang makanan dan minuman (F&B), penjagaan diri dan kesihatan (*wellness*) serta *fast moving consumer goods* (FMCG). Bagi jangka masa panjang untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang, MARA mensasarkan 500 Stock Keeping Unit (SKU) baharu akan menembusi pasaran global dengan anggaran pertumbuhan eksport sebanyak RM30 juta bagi tempoh lima (5) tahun.




Program *Gate to Global* (GTG) membantu usahawan menembusi pasaran global

PEMBANGUNAN INDUSTRI


Tahun 2017 merupakan tahun penting bagi Bahagian Infrastruktur Komersial melaksanakan program-program yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, sekaligus menetapkan momentum dalam fasa pembangunan keusahawanan MARA. Selaras dengan tumpuan untuk memberi impak yang tinggi terhadap kedua-dua ekonomi modal dan ekonomi rakyat, program-program yang telah dirancang menekankan lagi komitmen MARA dalam memastikan pembangunan keusahawanan bumiputera terus menjadi agenda utama bagi memacu transformasi Malaysia menjadi negara maju dan inklusif. Konsep pembangunan industri mengikut kluster dirangka bagi memastikan *outcome* usahawan berjaya dan inovatif melalui program The Baron, MARA Integrated Smart Auto (MISA), Program Rantaian Nilai Industri (PRiN) dan PUTRA.

1. Program The Baron

The Baron ialah inisiatif MARA dalam meningkatkan bilangan usahawan korporat bumiputera yang memiliki ekuiti penting, memberikan mereka kuasa mentadbir dan seterusnya menerajui syarikat berpotensi maju. Program ini juga membantu meningkatkan penciptaan kekayaan (*wealth creations*) melalui peningkatan pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara.



Bilangan Peserta Program The Baron



Jumlah Perbelanjaan Program The Baron (RM)



Syarikat Gading Kencana Development Sdn. Bhd. merupakan penerima kemudahan The Baron



Syarikat Macro Marine Sdn. Bhd. juga merupakan antara penerima kemudahan The Baron

2. MARA Integrated Smart Auto (MISA)


Program Smart Auto mengintegrasikan usahawan pengeluar alat ganti, bengkel perkhidmatan, pelupusan dan pengedaran pengedara kenderaan bumiputera dengan menitikberatkan penampilan bengkel, penggunaan teknologi, perkhidmatan yang kompeten serta perlaksanaan amalan terbaik. Program ini dimantapkan lagi dengan kolaborasi antara MARA dengan Malaysia Automotive Institute (MAI) serta pemain industri utama NAZA Motor bagi memperkasakan kebolehupayaan usahawan bumiputera dalam industri automotif hiliran.

**7 buah syarikat
RM7 juta
36 bilangan pekerjaan diwujudkan**



Penerima kemudahan Smart Auto: 1. Syarikat Prowheels (M) Sdn. Bhd. 2. Syarikat Usaha Maju Auto Sdn. Bhd.

Bilangan Peserta Program MISA




Jumlah Perbelanjaan Program MISA (RM)



**7 orang usahawan
RM7.5juta
35 bilangan pekerjaan diwujudkan**

3. Program Pembangunan Rantaian Nilai Usahawan (PRiN)

Program PRiN adalah penambahbaikan bagi program yang seumpamanya dalam RMKe-10 iaitu Program Kemudahan Pengeluaran dan Perintisan (KPP) dan Program Pembiayaan Inkubator Teknologi Tinggi (PITT). Program ini akan membantu peningkatan skala IKS, Groombig dan lonjakan usahawan.


Bilangan Peserta Program PRiN**Jumlah Perbelanjaan Program PRiN (RM)**

Penerima kemudahan PRiN: 1. Syarikat Raza Holidays Sdn. Bhd. 2. Syarikat Hayat Global Sdn. Bhd.

4. Program Usahawan Muda (PUTRA)

Program PUTRA adalah inisiatif MARA bagi melahirkan usahawan kecil dinamik dari golongan belia atau generasi muda. Program ini difokuskan kepada pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang mahu memulakan perniagaan buat pertama kalinya (*start up*).

**1,231 orang usahawan
RM8juta
2,462 bilangan pekerjaan diwujudkan**

Bilangan Peserta Program PUTRA**Jumlah Perbelanjaan Program PUTRA (RM)**



Penerima kemudahan PUTRA

MARA juga melaksanakan program kerjasama dengan bank tempatan bagi menggalakkan pertumbuhan usahawan baharu dalam pasaran eksport. Selain itu, MARA juga menggiatkan usaha mewujudkan usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan dalam bidang IT melalui pembukaan MARA Digital.

i. Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)

Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) merupakan program kerjasama antara MARA dengan SME Corp. Malaysia, MATRADE dan Exim Bank. Objektif GEB adalah untuk meningkatkan keupayaan serta menambah bilangan usahawan bumiputera baharu dalam pasaran eksport melalui pakej bantuan bersepada untuk meneroka pasaran baharu, pemadanan perniagaan dan perluasan pasaran seterusnya boleh menyumbang kepada peningkatan jumlah eksport negara.

**9 orang usahawan
peruntukan RM27.02juta**

**45 bilangan pekerjaan
diwujudkan**



Program Galakan Eksport Bumiputera: 1. Syarikat Strand Aerospace Sdn. Bhd. 2. Syarikat Usaha Strategik Sdn. Bhd.

ii. Program Pembangunan MARA Digital



MENARA MARA

Tarikh Pembukaan	8 Disember 2015
Keluasan	13,000 sqf
Jumlah Lot	40 lot
Jumlah Usahawan	34
Jumlah Jualan 2017	RM14.95 juta

ANGERIK MALL

Tarikh Pembukaan	21 Julai 2016
Keluasan	17,863 sqf
Jumlah Lot	32 lot
Jumlah Usahawan	19
Jumlah Jualan 2017	RM1.49 juta



IPOH

Tarikh Pembukaan	12 Oktober 2017
Keluasan	4,694 sqf
Jumlah Lot	19 lot
Jumlah Usahawan	5
Jumlah Jualan 2017	RM185,058

KUANTAN

Tarikh Pembukaan	29 Oktober 2017
Keluasan	7,774 sqf
Jumlah Lot	19 lot
Jumlah Usahawan	4
Jumlah Jualan 2017	RM819,567

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Program pembangunan infrastruktur berperanan menyokong pembangunan ekonomi melalui penyediaan lot ruang niaga serta premis di persekitaran yang kondusif, lengkap dengan kemudahan dan terletak di kawasan yang strategik serta komersial. Penambahbaikan infrastruktur di Kompleks Industri MARA (KIM) bertujuan untuk memastikan usahawan memiliki pensijilan Mesti, Halal dan GMP ke arah menjadikan KIM sebagai sebuah Halal Park.

1. Pembangunan Projek

- i. Program Transformasi Perusahaan Industri Halal



- ii. Program Transformasi Usahawan Luar Bandar (TREnt)



Cadangan Konsep Pembangunan Semula Premis Perniagaan MARA di Bazar Bangi



2. Pembangunan Penyewaan

i. Penyewaan Premis Perniagaan dan Kutipan Sewa




**Jumlah Lot
Perniagaan MARA
7,399**

Bil.	Jenis Projek	Ruang Sewa Premis		
		Bilangan Projek	Bilangan Ruang Niaga	Pengisian Ruang Niaga
1.	Lot Komersial	172	1,440	1,076
2.	Arked	120	3,516	2,912
3.	Bazar	145	1,951	1,632
4.	Kawasan Industri MARA (KIM)	32	492	420
	Jumlah	469	7,399	6,040

Prestasi Kutipan Sewa Premis Perniagaan MARA

RM39,408,106



RM37,931,100

ii. Promosi Premis Perniagaan

Sepanjang tahun 2017, program promosi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Karnival Usahawan mengikut Negeri
- Bazar Ramadan 2017
- Pameran Kemerdekaan
- Pesta Buku & Persediaan Persekolahan




iii. Program Pembangunan *Standard Penyewa*



3. Selenggaraan Premis Perniagaan MARA

Jumlah Perbelanjaan Selenggaraan Premis MARA (RM)



Kerja-kerja Selenggaraan Premis Perniagaan MARA



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

Kemudahan pembiayaan perniagaan yang ditawarkan kepada usahawan adalah untuk meningkatkan tahap keusahawanan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Skim Pembiayaan yang ditawarkan terdiri daripada Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE), Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM) dan Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM).

1. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)

SPiKE ditawarkan kepada usahawan bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor bumiputera yang berwibawa. SPiKE menyediakan pembiayaan sehingga RM1,000,000 kepada kontraktor gred G1,G2,G3,G4 dan G5 dalam bidang binaan, bekalan, perkhidmatan dan elektrik.



**3,082
orang usahawan
RM328.2juta**

En. Nasarudin bin Sipon merupakan kontraktor yang menerima kemudahan SPiKE

2. Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)

SJUM merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program 'groom big' MARA. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersial kepada usahawan bumiputera yang terpilih. Kadar jaminan MARA adalah sehingga 80% daripada jumlah kelulusan yang diluluskan oleh bank panel. Manakala had pembiayaan yang ditawarkan oleh bank panel adalah sehingga RM5,000,000.

**34 orang usahawan
(keseluruhan)
RM17.4juta**

**1 orang usahawan
tahun 2017
RM200ribu**



YBhg. Dato' Sri Hj. Md Alias bin Hj. A. Rahman , Pengusaha Pasaraya D'One Mart yang beroperasi di Labuan, Sabah merupakan penerima kemudahan SJUM

3. Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)

SPiM adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada di bawah sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan. Skim ini meliputi kemudahan untuk SPiM (Pembiayaan kali pertama), SEMAi, OKU, DanaNITA dan Food Truck.

i. Pembiayaan Kali Pertama (SPiM)

873 orang usahawan RM49.38juta

ii. Pembiayaan Perniagaan Lepasan IPMa (SEMAi)

Kemudahan ini ditawarkan kepada semua pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Skim ini tidak memerlukan jaminan/cagarana. Had pembiayaan adalah RM50,000.



119 orang usahawan RM3.79juta

1. Azrina bt Ibrahim Wahyuni Beauty and Muslimah Spa menerima Kemudahan Skim SEMAi berjumlah RM37,000
2. Mohd Ramdan bin Pahrulrazi, Pengusaha Pusat Servis Tayar & Kenderaan Dans Auto menerima Kemudahan Skim SEMAi berjumlah RM25,000

iii. Pembiayaan Perniagaan Orang Kelainan Upaya (OKU)

Kemudahan ini menawarkan pembiayaan perniagaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Had Pembiayaan adalah sehingga RM50,000 dengan konsep Qardhu Hassan. Seramai 35 usahawan telah menerima kemudahan pembiayaan dengan jumlah kelulusan sebanyak RM974,000 pada tahun 2017.

35 orang usahawan RM974ribu



Raihanah binti Abdul Halim, Pau Halim Enterprise menerima Kemudahan Skim OKU berjumlah RM50,000



iv. Pembiayaan Mobilepreneur (*Food truck*)

Kemudahan pembiayaan ini disediakan bagi menggalakkan penyertaan belia menceburkan diri dalam perniagaan usahawan bergerak (mobilepreneur) khususnya dalam bidang makanan (food truck) sejajar dengan perkembangan industri perniagaan pada masa kini. Had pembiayaan adalah RM250,000 (Enterprise) dan RM500,000 (Sdn. Bhd.).



Penerima-penerima kemudahan pembiayaan *food truck* di Pejabat MARA Wilayah Persekutuan dan Pejabat MARA Negeri Sembilan

v. Pembiayaan Perniagaan DanaNITA (DanaNITA)

Skim Pembiayaan DanaNITA adalah pembiayaan khas kepada golongan wanita yang ditawarkan di bawah perluasan skop Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM). Sejumlah RM35 juta telah diperuntukkan kepada skim ini iaitu sebanyak RM5 juta adalah untuk pembangunan usahawan dan RM30 juta untuk pembiayaan perniagaan. Had pembiayaan adalah sehingga RM50,000.



Majlis Pelancaran Skim Pembiayaan DanaNITA pada 9 Mac 2017 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur




Syarikat Bonda Dot Com Enterprise merupakan penerima kemudahan DanaNITA




Puan Siti Rahmah binti Ghazali, Pemilik Syarikat H & SR Resources turut menerima kemudahan DanaNITA

Prestasi Kelulusan Pembiayaan MARA (RM)



Bilangan Penerima Pembiayaan



4,581 orang usahawan RM396.8juta

Kejayaan Bahagian Pembiayaan Perniagaan MARA

i. Anugerah Kualiti dan Inovasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) 2017

Sempena Hari Inovasi KKLW 2017 pada 30 Disember 2017, Bahagian Pembiayaan Perniagaan MARA telah dinobatkan sebagai Pemenang Tempat Pertama Anugerah Kualiti Dan Inovasi KKLW 2017 dalam Kategori Kualiti Penilaian Outcome Terbaik Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) dan meraih wang tunai berjumlah RM3,000 beserta sijil penyertaan.



Pemenang-pemenang Anugerah Inovasi KKLW 2017

GLOCAL LINK SDN. BHD

Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB) diwujudkan bertindak sebagai syarikat pemasaran am bagi mempromosi dan membangunkan produk atau perkhidmatan usahawan agar lebih berdaya saing dalam pasaran. Sepanjang tahun 2017, GLSB telah menyediakan platform secara virtual dan fizikal kepada usahawan melalui fungsi dan peranan GLSB dalam bidang IT dan telekomunikasi, pengurusan acara, pengiklanan, media, FMCG (*fast moving consumer goods*), *Business Advisory* (penasihat perniagaan) selain menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan iaitu polis bantuan.

1. Unit IT dan Telekomunikasi

Melalui Glocaltech, operasi perniagaan menumpukan kepada perkhidmatan produk telekomunikasi seperti telefon dan tablet daripada pelbagai jenama. Operasi ini melibatkan tiga (3) orang usahawan muda dalam bidang IT.



Glocaltech yang beroperasi di Menara MARA, Kuala Lumpur memberi tumpuan kepada perkhidmatan produk telekomunikasi

2. Mengurus MARA Digital Kuantan

Glocal Link telah dilantik sebagai pengurus MARA Digital Kuantan yang melibatkan 14 orang usahawan dalam bidang IT. MARA Digital Kuantan telah merekodkan kedatangan pengunjung seramai 10,000 orang setakat tiga (3) bulan beroperasi. Jumlah jualan setakat tiga (3) bulan beroperasi di MARA Digital@Kuantan adalah sebanyak RM819,567.



Operasi MARA Digital Kuantan di bawah seliaan Glocal Link melibatkan usahawan-usahawan dalam bidang IT



Perkhidmatan Teknologi dan Telekomunikasi yang disediakan oleh GLSB



Baju Korporat MARA dan anak syarikat MARA yang dibekalkan oleh Pride and Glory



Seminar LPG di KKT Kemaman pada 12 September 2017

3. Pembekal Peralatan Teknologi dan Telekomunikasi kepada Pengusaha, Swasta dan Agensi di Bawah Kerajaan.

- i. GLSB telah dilantik sebagai Distributor Managed Partner (DMP) bersama Ingram Micro yang bertanggungjawab mengedar produk dan latihan Microsoft kepada komuniti MARA.
- ii. INTEL melantik GLSB untuk mempromosikan produk terbaru, iaitu Joi kepada komuniti MARA.
- iii. Membekalkan peralatan IT kepada Agensi luar seperti Universiti Malaya, UNITAR, Pertubuhan Peladang Penang dan AKPK.
- iv. Membekal barang IT kepada agensi di bawah KKLW, seperti MARA, Rural Capital Berhad, Yayasan Pelajaran MARA, kakitangan MARA, Unikl, MRSMS dan GiatMARA.

4. Unit Pride and Glory

- i. Membekalkan baju korporat MARA dan anak syarikat MARA
- ii. Membekalkan beg dan set alat tulis

5. MARATV

- i. Menyediakan perkhidmatan produksi dan juga liputan berita mengenai acara-acara yang berlangsung di MARA sepanjang tahun.
- ii. Menyediakan platform pengiklanan menggunakan medium LED Billboard di Jalan Raja Laut, Jalan Tunku Abdul Rahman dan di dalam bangunan utama Medan MARA. Platform ini menjadi medium pengiklanan mampu milik kepada usahawan dan peniaga yang ingin memasarkan produk mereka.

6. Perkhidmatan Pengurusan Acara

Menguruskan program Makan Malam OISCA, Perasmian KIMAR dan juga Soft Launch Daganghub dan Eksopo Buku MARA.

7. Business Advisory

Program ini melahirkan serta menambah bilangan vendor bumiputera yang mahir dalam industri Gas Petroleum Cecair (LPG). Program ini juga dapat memberi peluang kepada vendor bumiputera yang berada di dalam sektor kimpalan untuk meningkatkan kemahiran kimpalan di dalam sektor LPG. Diharapkan program ini mampu meningkatkan peluang perniagaan untuk menjadi vendor bagi syarikat terkemuka seperti Petronas, BHP, Petron dan NGC Energy.



Program Pembangunan Usahawan LPG Fasa 1 (Perniagaan)



Program Pembangunan Usahawan LPG Fasa 2 (Pemasangan)

8. Unit *Fast Moving Consumer Goods* (FMCG)

- i. Kerjasama strategik antara GLSB dan NGC bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang Gas Petroleum Cecair (LPG), mengurangkan salah guna LPG subsidi dan pembekalan silinder C14 kepada golongan B40 dalam program "Sahabatku". Hasil kerjasama ini telah mewujudkan tiga (3) reseller dan seorang reseller telah mendapat PDA penuh untuk membuka gudang sendiri di Putrajaya.
- ii. Menempatkan produk usahawan melalui rangkaian kedai runcit dan pasaraya SEGI FRESH dan Mydin. Outcome daripada program ini ialah kapasiti usahawan Produksi Santan Asli meningkat mendadak dan membuka peluang pasaran yang lebih besar dan harga yang lebih rendah dari pesaing.

PUSAT PEMBANGUNAN REKA BENTUK MALAYSIA (DDEC)

1. Program Pra-Eksport - Peningkatan Keupayaan Eksport Tradex (TERAJU - MATRADE- DDEC)

Program TRADEX merupakan antara inisiatif pihak kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan syarikat bumiputera serta mempersiapkan para usahawan terpilih agar mampu mengeksport produk mereka serta bersaing di peringkat global. Antara aspek yang ditekankan dalam program ini ialah Penjenamaan, Pembungkusan, Pelabelan, Pensijilan dan Pengkomersialan.

5,516 orang usahawan

- Latihan & Perundingan
- Penjenamaan & Pembungkusan
- Reka Bentuk Industri
- Reka Bentuk & Binaan
- Pengurusan Acara



**20 orang usahawan
bidang makanan
dan minuman**

Program TRADEX adalah inisiatif untuk membawa usahawan syarikat bumiputera ke peringkat global

2. Program Pembangunan Usahawan

2.1 Projek Penambahbaikan Pembungkusan Produk Usahawan Bimbingan RISDA

90 orang usahawan

2.2 Program Pembangunan Usahawan Mok Cun

10 produk usahawan tempatan Jenama utama iaitu Mok Cun

2.3 Program Penambahbaikan Pembungkusan Produk Usahawan KPDNKK

25 orang usahawan tempatan

- Pengkomersialan produk
- Menaik taraf mutu pembungkusan

3. Kerjasama di antara DDEC dan Pihak Kementerian serta Agensi Kerajaan

115 orang usahawan tempatan

KPDNKK • RISDA

4. Peningkatan Produktiviti Melalui Inovasi

Mesin penyedut madu kelulut

Kerjasama dengan Persatuan Penternak Madu Kelulut Johor (JBees)

PUSAT TEKNOLOGI INDUSTRI PERABOT (FITEC)

FITEC ditubuhkan untuk membangunkan usahawan perabot bumiputera seiring dengan kemajuan teknologi dan senario pasaran semasa. FITEC menjadi medium dalam menguruskan projek pembekalan perabot dan pembinaan premis perniagaan menggunakan kabin dan kontena.

1. Program Latihan Pembangunan Usahawan Industri Perabot

Sebanyak 106 usahawan telah dilahirkan dan sebanyak 950 peluang telah diwujudkan di bawah program yang dilaksanakan oleh FITEC.

- Latihan Kemahiran Teknologi
 - Kursus Pembuatan Kabinet Dapur/ *Wardrobe*
 - Kursus Rekabentuk AutoCAD/CNC/ Sketch-up
 - Kursus Aluminium/ Perabot Metal
 - Kursus Pembuatan Sofa Moden/ Kusyen Kereta
 - Kursus Kemasianan
 - Kursus *Laminate Flooring/ Wall Paper*
 - Kursus Pengurusan – 5S/ Pengendalian Mesin/ Pengurusan Projek
 - Kursus Kejuruteraan Pembuatan Kabin

- Kursus Pembangunan Peruncitan

Pakej kursus peruncitan adalah menumpukan kaedah pengurusan syarikat, kewangan dan pemasaran produk kepada seramai 52 orang peruncit. Sebanyak lima (5) modul dilaksanakan kepada usahawan peruncit iaitu:

- Kursus Pengurusan Penjualan.
- Kursus Pengurusan Operasi Pejabat.
- Kursus Skil Runding Harga.
- Kursus Pengurusan Kewangan.
- Kursus Pembangunan Laman Web Perniagaan.

- Kursus Prateknikal Industri Perabot

Pelatih atau pelajar institusi juga diberikan kursus dan latihan untuk memberi pendedahan yang *hands-on* daripada pakar industri tentang industri pembuatan perabot. Antara pelatih institusi yang telah terlibat adalah Institut Kemahiran MARA, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Bidang kursus yang diikuti adalah:

- Kursus Pengenalan Industri Perabot.
- Kursus Kejuruteraan Pembangunan Produk dan Kualiti.
- Simposium Usahawan Muda Perabot Kebangsaan.



Kursus pembuatan perabot taman adalah antara latihan yang diberikan oleh FITEC



Simposium Usahawan Muda Perabot Kebangsaan pada 5 November 2017 di UPM

2. Program Pembangunan Vendor

Melalui program pembekalan perabot oleh usahawan vendor, FITEC memberikan konsultasi dalam pengurusan projek dan memantau kualiti produk usahawan untuk projek yang terlibat kepada usahawan yang terlibat. Nilai pembekalan perabot tahun 2017 oleh usahawan FITEC sebanyak RM10 juta melibatkan 34 projek melibatkan 67 orang vendor.

3. Program Pemasaran Usahawan

FITEC telah mewujudkan portal "Furniture Hotspot" iaitu sebuah platform antara penjual dan pembeli perabot berurusniaga secara atas talian. Sebanyak 55 syarikat telah mengiklankan 100 jenis produk kediaman, pejabat, perkhidmatan baik pulih dan lain-lain melalui portal tersebut. Pada 20-25 November 2017, FITEC telah mengadakan Karnival Perabot FITEC 2017 (KPF 2017) di Bangunan Medan MARA yang telah menarik lebih 30,000 orang pengunjung dan pembeli dengan nilai perolehan sebanyak RM400,000.



Penganjuran Karnival Perabot FITEC 2017 di Medan MARA berjaya menarik lebih 30,000 orang pengunjung

Kejayaan dan Pencapaian FITEC

- i. FITEC telah dilantik sebagai Pusat Bertauliah Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 (Pembuatan Perabot) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- ii. En. Muhammad Ismanizam bin Ithnain, Jurutera Pengujian Perabot FITEC telah dilantik sebagai Juruaudit teknikal oleh EPH-Dresden, sebuah syarikat Pengujian Perabot di German bagi menjalankan pengujian di negara-negara Asia Tenggara.

04 Sektor Pendidikan

- Pendidikan Menengah
- Kemahiran dan Teknikal
- Pendidikan Tinggi
- GiatMARA
- Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)
- German-Malaysian Institute (GMI)
- Pengajuran Pelajaran
- Teknologi Kreatif & Multimedia
- MARA Excellent Ventures (MEX)
- UniMARA

SEKTOR PENDIDIKAN

Bil	Inisiatif	Sasaran 2017	Pencapaian 2017	Peratus (%)
1.	Meningkatkan bilangan pelajar cemerlang berteraskan Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematics (STREAM)	7,000 orang pelajar lulusan SPMRSM	8,152 orang pelajar	116.45%
2.	Menaja pelajar ke 100 universiti terkemuka dunia dalam bidang berimpak tinggi	Penajaan 100 pelajar ke Top Universiti	489 orang pelajar	489%
3.	Menyediakan latihan/program separa profesional & profesional mengikut keperluan industri	Penyediaan 21,500 guna tenaga negara separa profesional dan profesional	31,888 orang pelajar	148.32%
4.	Memperluas latihan teknikal & vokasional (TVET & HTVET)	Penyediaan 32,500 guna tenaga mahir dan separa mahir	42,796 orang pelajar	131.68%

PENDIDIKAN MENENGAH

Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) ialah sebuah institusi pendidikan di bawah MARA. Misi MRSRM adalah untuk menyediakan pelajar bumiputera yang berpotensi tinggi dalam bidang sains dan teknologi serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan bersahsiah unggul. Selaras dengan agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera dan peningkatan golongan profesional, para pelajar yang bakal dilahirkan akan dapat memegang, menjaga dan mengurus kekayaan negara selain menjadi pemodal dan memberi peluang pekerjaan pada peringkat profesional atau separa profesional.



	2017	2016
Jumlah Keseluruhan Pelajar Di MRSRM	37,336	36,210
Jumlah Pelajar Tamat Tingkatan 5	8,152	7,342

Pada tahun 2017, dua (2) buah MRSRM baharu telah memulakan operasi iaitu MRSRM Semporna dan MRSRM Arau.

- i. MRSRM Semporna telah memulakan pengambilan pelajar tingkatan 1 seramai 59 orang pada 24 Julai 2017 yang ditempatkan sementara di MRSRM Tun Mustapha, Tawau. MRSRM Semporna melaksanakan program SPMRSM Ulul Albab dan menjadi MRSRM yang ke-5 melaksanakan program Ulul Albab.
- ii. MRSRM Arau, Perlis yang melaksanakan program SPMRSM Premier telah memulakan pengambilan pelajar pada 24 Julai 2017 iaitu seramai 177 pelajar tingkatan 1 dan 105 orang pelajar Tingkatan 4.

Bil.	Program	Jumlah MRSM
1.	SPMRSM PREMIER	26
2.	SPMRSM IGCSE	15
3.	SPMRSM BITARA	3
4.	SPMRSM SAINS KEUSAHAWANAN	1
5.	SPMRSM ULUL ALBAB	5
6.	SPMRSM TEKNIKAL	1
7.	SPMRSM IB MYP (<i>Candidate School</i>)	3
JUMLAH		54

Jumlah MRSM mengikut Program

Lokasi 54 MRSM Se-Malaysia



Pembangunan Kurikulum

MARA telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan pencapaian pelajar dalam bidang *Science, Technology, Religion, Engineering, Arts & Mathematics* (STREAM) bagi menghadapi cabaran dunia masa kini bagi melahirkan modal insan yang bersahsiah unggul, berautonomi, mempunyai kebolehpasaran global, bakal pemimpin yang berkesan dan mampu mencapai piawaian bertaraf dunia.

i. International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)

Tahun/ Perkara	2017	2016
Bilangan pelajar	2013 orang	1980 orang
Peratus pelajar mendapat minimum 6B	12.42 peratus	12.12 peratus
Bilangan pelajar mendapat 6 (A* & A)	44	67

ii. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Tahun/ Perkara	2017	2016
Gred Purata Maktab (GPM)	2.248	2.472
MRSM Terbaik Berdasarkan GPM	2017	
MRSM Tun Ghafar Baba	1.266	
MRSM Taiping	1.567	
MRSM Langkawi	1.616	

iii. Bilangan Huffaz

1,443 orang huffaz

Kejayaan Pelajar MRSM

1. *International Sustainable World (Energy, Engineering and Environment) Project Olympiad (I-Sweeep) 2017 Houston Texas, Amerika Syarikat 3-8 Mei 2017*

MRSM Langkawi

- i. Muhammad Adib bin Mohammad Aknoor
- ii. Muhammad Adam bin Mohammad Aknoor

Pencapaian: **Pingat Perak Bersama USD400.00**

MRSM Jeli

- i. Nurliana Ameera binti Mohamad Rohaizan
- ii. Noor Shaadah binti Abdullah Zawawi

Pencapaian: **Pingat Gangsa Bersama USD150.00**

MRSM Taiping

Wan Nur Adlina binti Wan Halim

Pencapaian: **Pingat Gangsa Bersama USD150.00**



2. Genius Olympiad 2017, 12-17 Jun New York, Amerika Syarikat

MRSM Langkawi

- i. Nizua Ilya Amirah binti Nizuaisham
- ii. Nur Faqihah binti Aminuddin

Pencapaian: **Pingat Gangsa**



3. *World Invention Creativity Contest (WICC)*
28-31 Julai 2018 Seoul, Korea Selatan

MRSM Kubang Pasu

- i. Ikmal Danish bin Mohd Nasir
- ii. Ku Ahmad Hazim bin Ku Adzman
- iii. Abdul Haziq Azim bin Abdul Malik

Pencapaian: **Pingat Perak**



4. Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN 2017)
18 Julai 2017

MRSM Jeli

- i. Nurliana Ameera binti Mohamad Rohaizan
- ii. Noor Shaadah binti Abdullah Zawawi

Pencapaian: **Pingat Emas - Kategori Pereka Cipta Muda Harta Intelek**



5. International Youth Robot Competition (IYRC)
2-5 Ogos 2017 Genting Highlands

MRSM Pasir Tumboh dan MRSM Taiping

- i. Mohammad Baihaqy bin Mohamed Shukri (MRSM Pasir Tumboh)
- ii. Mohammad Syahmi bin Shahrul Anuar (MRSM Taiping)

Pencapaian: **Grand Prize - Kategori Hockey Humanoid**

MRSM Merbok dan MRSM Pengkalan Chepa

- i. Aliff Nur Iman bin Che Sub (MRSM Merbok)
- ii. Muhamad Zulhanifa bin Abdul Razak (MRSM Pengkalan Chepa)

Pencapaian: **Pingat Emas**



MRSM Kota Kinabalu dan MRSM Pendang

- i. Bayrance Claudio (MRSM Kota Kinabalu)
- ii. Muhammad Aiman Rahimi bin Azizan (MRSM Pendang)

Pencapaian: **Pingat Perak**

6. Pertandingan Antarabangsa 19th International Robot Olympiad (IRO) 2017 Qinhuangdao, China
15-20 Disember 2017

MRSM Bentong, MRSM Pendang dan MRSM Kuching

- i. Intan Farhanah binti Rosman (MRSM Bentong)
- ii. Nur Afiqah Batrisyia binti Ros Hisham (MRSM Bentong)
- iii. Safurah binti Mohd Hazri (MRSM Pendang)
- iv. Batrisyia binti Mohd Razalee (MRSM Pendang)
- v. Yoel Shalom Anak Anding (MRSM Kuching)
- vi. Khairul Zakwan bin Ahmad (MRSM Kuching)

Pencapaian: **Kreatif: 1 Emas 1 Gangsa Robot In Movie: 1 Perak**



7. Pertandingan Projek Informatik Antarabangsa (INFOMATRIX) di Bucharest, Romania pada 27 April-3 Mei 2017

MRSM Kubang Pasu dan MRSM Langkawi

- i. Amir Hazim Zulhazim (MRSM Kubang Pasu)
- ii. Muhammad Khalis Irfan Khairudin (MRSM Kubang Pasu)

Pencapaian: **Pingat emas dalam kategori filem pendek menerusi karya bertajuk 'The Lost'**

- i. Muhamad Sohail Lal Lal Muhamad (MRSM Langkawi)
- ii. Muhamad Faris Izzuddin Mat Rodzi (MRSM Langkawi)

Pencapaian: **Pingat Gangsa melalui kategori robotik**



8. Majlis Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah 2017- ANGKASA

i. **Anugerah Koperasi Sekolah Terbaik**

Naib Johan Peringkat Kebangsaan - MRSM Kepala Batas Bhd

ii. **Koperasi Sekolah dengan keuntungan melebihi RM1 juta**

Tempat pertama - MRSM Kepala Batas Bhd

Tempat kedua - MRSM Kubang Pasu Bhd

iii. **Koperasi sekolah terbaik pada peringkat negeri**

Negeri	Pencapaian	Koperasi
Negeri Sembilan	Tempat ketiga	MRSM Kuala Klawang Bhd
Pulau Pinang	Tempat pertama Tempat ketiga	MRSM Kepala Batas Bhd MRSM Transkrian Bhd
Sabah	Tempat pertama Tempat ketiga	MRSM Tawau Bhd MRSM Kota Kinabalu Bhd
Kedah	Tempat kedua	MRSM Merbok Kedah Bhd

Pembangunan Profesionalisme

Sebanyak 92 kursus dan bengkel *functional* dan *generic* telah diadakan melibatkan 3,624 orang pendidik MRSM bagi memantapkan kompetensi mereka. Berikut adalah beberapa pengiktirafan dan kejayaan para pendidik MRSM:

i. Apple Distinguished Educator

- Dua (2) orang *Apple Distinguished Educator* (ADE) telah dilahirkan dalam kalangan guru MRSM iaitu:
- Mohd Hasbullah Nawawi bin Che Ismail
- MRSM Taiping (ADE *class of 2017*)
 - Aminuddeen bin Mohamad
- MRSM Kuala Krai (ADE *class of 2017*)



Penyertaan dua (2) orang guru MRSM dalam ADE Academy 2017 Asia-Pacific di Melbourne Australia pada 6-9 Julai 2017

ii. Microsoft Global Educator Exchange

Persidangan *Global Education Exchange* (E2) telah berlangsung di Toronto, Canada pada 21 hingga 23 Mac 2017 merupakan persidangan tahunan *Microsoft in Education* yang memberi pengiktirafan ke atas produk inovasi yang dihasilkan oleh pendidik. Mohammad Aliff bin Othman, guru subjek Geografi dari MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens telah memenangi kategori *Gamify Group Challenge* dan Puan Noor Emry Liana binti Daud, guru subjek Kimia di MRSM Gemencheh telah memenangi tempat kedua dalam kategori *Personalize Group Challenge*. Kedua-dua pendidik juga telah memperoleh *Microsoft Certified Educator* (MCE).



Pengiktirafan kepada inovasi yang dilakukan oleh pendidik ini melayakkan mereka memperolehi *Microsoft Certified Educator* (MCE)

iii. Apple Distinguished School (ADS)

MRSM Taiping merupakan sekolah awam pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan ADS daripada 400 buah sekolah di dunia yang telah mendapat pengiktirafan ini.



Penganugerahan ADS kepada MRSM Taiping pada 4 Mei 2017 semasa Majlis Penutup Apple Leadership & Learning Event di Sunway Resort

iv. Anugerah Penilaian Outcome Terbaik 2017

Bahagian Pendidikan Menengah telah mendapat tempat kedua bagi Anugerah Penilaian Outcome Terbaik 2017 anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi kajian bertajuk 'Keberkesanan Program Ulul Albab di MRSM Gemencheh'. Seterusnya mewakili KKLW pada peringkat Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL

Institut Kemahiran MARA (IKM) telah beroperasi selama lima (5) dekad dengan fokus untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kompetensi berasaskan industri serta teknousahawan yang berjaya sejajar dengan keperluan negara.

Sehingga kini, MARA melalui Bahagian Kemahiran dan Teknikal telah melahirkan 157,563

- ▶ *Global Marketable Competent Workforce*
- ▶ *Industrial Leader*
- ▶ *Technopreneur*
- ▶ *Excellent Students*
- ▶ *Meister Craftmen*



Inisiatif Akademik

1 Flexible Learning Massive Open Online Courses (MOOC)	2 ICGPA + GHOTS <ul style="list-style-type: none"> ▶ Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) ▶ Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri) 	3 Dual Certification Menggabungkan program sedia ada dengan program profesional dengan kerjasama bersama industri dan badan pertaulahan <ul style="list-style-type: none"> ▶ Gas + Gas Fitter Class 1 ▶ Welding + 6G/CSWIP 3.0/ NDT ▶ Electronic + CCNA/CCNP ▶ Water Supply & Sewerage + SKK A1/A3 	4 Socialized Learning Concept Proses pembelajaran melalui penglibatan bersama komuniti. Pendidikan bersepadu subjek pengajian am dan kemahiran insaniah. MJII - Keusahawanan KKT PJ - Bahasa Inggeris
---	--	---	---

Bagi memastikan kebolehkerjaan graduan, *Ensuring Employability Program* (EEP) melalui Diploma Industri dalam bidang *Manufacturing Engineering (Industrial Automation and Robotic)* dengan kerjasama UMW Training Centre (UTC) diperkenalkan di KKT Kuantan.

Tempoh pengajian bagi Diploma Industri ini adalah selama 2 1/2 tahun dan mengguna pakai kurikulum dan teknologi daripada UMW yang berasaskan industri 4.0.




2½ TAHUN



Kebolehpasaran Graduan Kemahiran dan Teknikal



Ekosistem Keusahawanan



Kejayaan Pada Peringkat Antarabangsa dan Nasional

1. Ikon TVET Malaysia

Tiga (3) orang graduan IKM dan KKTm telah berjaya memperoleh Anugerah Ikon TVET Malaysia semasa pelancaran TVET Malaysia pada 27 September 2017 bertempat di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam.



MOHD FARID BIN RAZALI

Ketua Pegawai Eksekutif

Mofara Global Sdn. Bhd.

KKTm Balik Pulau (2006 - 2008)

Jualan: RM150K setiap bulan



AHMAD NUR AL AQIB

BIN MOHD ZAMANHURI

Pemilik & Ketua Pegawai Eksekutif

OQR Resources

KKTm Rembau (2010 - 2013)

Jualan: RM100K setiap bulan



SUHAIDI BIN JAAFAR

Pengarah Operasi

Palm Fiber Sdn. Bhd.

Jualan: RM75K setiap bulan

2. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2017

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2017 telah membuktikan keunggulan kemahiran pelajar-pelajar KKTM, MJII dan IKM berbanding Institusi Latihan Kemahiran Awam yang lain. Keputusan rasmi pertandingan *WorldSkills Malaysia Belia* (WSMB) 2017 adalah seperti yang berikut:



Para pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri

3. The 44th Worldskills Competition (WSC) 2017, Abu Dhabi

Mohd Izuwan bin Mat Rabi telah berjaya mendapat *Medallion for Excellence* dalam bidang yang diwakilinya iaitu *Cabinet Making*. Malaysia menduduki tempat ke-25 daripada 56 negara yang bertanding dengan memperoleh 2 pingat gangsa dan 9 *Medallion for Excellence*.

4. Anugerah E-Usahawan

i. Anugerah eUsahawan Muda Terbaik 2017

Tempat ketiga Wan Mohd Shah Riezal bin Abdullah dari KKTM Pasir Mas.

ii. Anugerah Pensyarah Terbaik e-Usahawan 2017

Tempat ketiga Wan Zaiti Hastuti binti Zahari dari KKTM Pasir Mas

iii. Anugerah TVET Terbaik e-Usahawan 2017

Tempat kedua KKTM

PINGAT EMAS

Cabinet Making

IKM TSYA

Mohd Kamarul Afzan bin Nazri

PINGAT PERAK

i. Electronics

MARA-Japan Industrial Institute

Aiman Fareeq bin Aizam Nor

ii. Mechanical Engineering Design

IKM Johor Bahru

Yusri Shuhairi bin Yaakob

iii. Graphic Design

KKTM Rembau

Mohd Ikhwan bin Isam



2



1. Mohd Izuwan bin Mat Rabi merupakan wakil Malaysia daripada IKM Sungai Petani yang telah memenangi *Medallion for Excellence* di WSC 2017 di Abu Dhabi.
2. Pemenang daripada KKTM Pasir Mas bersama peserta lain di Malam Gemerlap Daya E-Usahawan

Program Berimpak Tinggi

1. Program Khidmat Masyarakat - Hati Emas Kapit

Program Khidmat Masyarakat Hati Emas Kapit ini merupakan program yang dianjurkan oleh IKM Bintulu, Sarawak di daerah Kapit pada 14 hingga 18 Disember 2017. Antara elemen yang menjadi keutamaan bagi pelaksanaan program ini termasuk elemen inovasi dan reka cipta, khidmat masyarakat, sukan dan riadah serta promosi Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

Melalui projek inovasi yang telah dilaksanakan di daerah Kapit seperti *development of urban plantation system, water harvesting & cooling system* dan *installation of an integrated solar flood light/spotlight and street light* ternyata telah memberi sumbangan dan manfaat kepada penduduk Rumah Empawi, Nanga Sekukut, Sg. Yong, Kapit, Sarawak.

2. Program Khidmat Masyarakat - Hati Emas Pendang

Program Khidmat Masyarakat Hati Emas Pendang telah diadakan pada 15 hingga 16 Jun 2017 bertempat di Kampung Kerbau Pendang, Kedah dengan penglibatan penuh daripada *Mobile Technical Services (MTS)*, Institut Kemahiran MARA (IKM) Sungai Petani, Kedah. Sumbangan dan bantuan yang dilaksanakan adalah dalam bentuk membaik pulih rumah, menambah sebuah bilik, mengecat rumah, pemasangan pendawaian elektrik yang baharu dan mendapat bantuan perabot serta bantuan baju hari raya.



Pelajar-pelajar IPMa turut menjayakan Program Khidmat Masyarakat Hati Emas Kapit



Program Khidmat Masyarakat Hati Emas Pendang turut dijayakan oleh *Mobile Technical Services (MTS)*, Institut Kemahiran MARA (IKM) Sungai Petani, Kedah



Program *Creative Industry Festival* (CIF) 2017 mencungkil bakat remaja dan belia dalam bidang industri kreatif

3. *Creative Industry Festival 2017*

Program *Creative Industry Festival* (CIF) 2017 telah dianjurkan oleh KKTM Rembau pada 14 Disember 2017. Sepanjang program CIF ini, EMPAT (4) elemen yang berkait rapat dengan industri kreatif telah diperkenalkan bagi melihat sendiri kemampuan dan kelebihannya dalam menjana ekonomi negara iaitu *Creative Industry Showcase*, *Creativepreneur Talk*, *3i Exhibiton* dan *Creative Corner*. Melalui program seumpama ini, lebih ramai remaja dan belia berminat untuk melibatkan diri dalam bidang industri kreatif.

4. *Industry and Institution Engagement (I2E)*

Program *Industry and Institution Engagement* (I2E) telah diadakan di MARA-Japan Industrial Institute (MJII). MJII merupakan salah satu pusat kecemerlangan industri atau *Industry Centre of Excellence* (ICoE) dalam bidang elektronik. Di samping itu, MJII juga telah mendapat pengiktirafan sebagai Mikrotik Academy yang merupakan hasil kerjasama di antara MARA dan Mikrotik Latvia, dan Labview Academy adalah jalinan antara MARA dan *National Instruments*.

Dengan penubuhan akademi ini, MARA telah dapat menampung permintaan pasaran terhadap tenaga kerja mahir dalam sistem rangkaian khususnya penggunaan routerOS dan routerBOARD.





Perasmian Mikrotik Academy & Labview Academy di MJII oleh YBhg. Dato' Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA

PENDIDIKAN TINGGI

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) bertanggungjawab merancang, mengawal dan menyelia aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) di bawah seliaannya. Matlamat BPT adalah untuk membangunkan modal insan yang berteraskan nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan serta berorientasikan keusahawanan. Kolej MARA (KM) menawarkan program prauniversiti sebagai persediaan pelajar cemerlang lepasan SPM untuk peringkat ijazah sarjana muda di universiti tempatan dan luar negara melalui program *International Baccalaureate*, A-Level, Matrikulasi dan Persediaan dengan kerjasama universiti awam dan swasta. Bilangan institusi, program dan bilangan pelajar di bawah kawal selia BPT adalah seperti yang berikut:

			
Program 17	Program 19	Program 27	Program 7
Institusi 6	Institusi 1	Institusi 8	Institusi 4

			
Program 67	Program 20	Program 137	Program 1
Institusi 231	Institusi 1	Institusi 12	Institusi 1



Pemerkasaan Program Keusahawanan

i. Pencapaian Program e-*Entrepreneurship*

MARA telah melaksanakan kursus e-*Entrepreneurship* dalam sepuluh (10) program diploma Kolej Profesional MARA (KPM) dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC). Melalui aktiviti perniagaan secara talian, jumlah jualan telah mencecah RM1,824,431.90 sehingga Disember 2017.

ii. Konvensyen Daya e-Usahawan

Konvensyen Daya e-Usahawan telah berlangsung pada 30 hingga 31 Oktober 2017. Seramai 4,000 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah daripada institusi pendidikan dan latihan (TVET) di Malaysia, serta jurulatih dan usahawan mikro di seluruh Malaysia telah menghadiri konvensyen ini. Kolej Profesional MARA telah memenangi anugerah TVET Terbaik e-Usahawan 2017. Juara bagi Anugerah Institusi Pendidikan Terbaik e-Usahawan 2017 ialah KPM Seri Iskandar dan Penerima Anugerah e-Usahawan Muda Terbaik 2017 ialah Luqman Hakim bin Marzuki, Pelajar *Diploma in Agrobusiness* dari KPM Beranang.



1. Penerima Anugerah e-Usahawan Muda Terbaik 2017 ialah Luqman Hakim bin Marzuki, Pelajar Diploma in Agrobusiness dari KPM Beranang
2. Juara bagi Anugerah Institusi Pendidikan Terbaik e-Usahawan 2017 ialah KPM Seri Iskandar

iii. Karnival Moh Gogar

Karnival Moh Gogar telah diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2017 dengan tema '*With the community, for the community*' di KPM Beranang. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan untuk semua lapisan masyarakat, antaranya jualan makanan dan minuman, *inflatable playground*, *petting zoo* dan banyak lagi.



Pelbagai program dan aktiviti keusahawanan diadakan sepanjang Karnival Moh Gogar berlangsung di KPM Beranang

iv. Karnival Usahawan Seri Iskandar

Karnival Usahawan Seri Iskandar Siri 6, 2017 telah berlangsung pada 25 - 27 Ogos 2017 di perkarangan Pasar Raya Billion Seri Iskandar yang dianjurkan oleh pelajar Semester 4 Program HND Business Marketing KPMSI. Program ini merupakan platform terbaik untuk penguasaan akademik, pembentukan personaliti dan kerjaya pelajar. Pelajar yang terlibat telah berjaya mengumpulkan penajaan wang tunai sebanyak RM35,000 dan penajaan hadiah keseluruhan berjumlah RM58,000.



Karnival Usahawan Seri Iskandar menonjolkan bakat pelajar dalam bidang perniagaan

v. Konvensyen Keusahawanan Siswa 2017

Pada 17-19 Ogos 2017, Konvensyen Keusahawanan Siswa 2017 telah dijalankan di KPM Bandar Penawar. Konvensyen telah disertai oleh 200 orang pelajar KPM dan KM. Pelbagai pertandingan telah diadakan, antaranya Cabaran Amal Keusahawanan, Desaru Innovation Challenge, Rocket Pitch, Motivasi Keusahawanan, Poster Pemasaran dan Jelajah Usahawan.



Konvensyen Keusahawanan Siswa 2017 di KPM Bandar Penawar berjaya memupuk ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajarnya

Kejayaan dan Inovasi Bahagian Pendidikan Tinggi

Bil	Pertandingan	Peringkat	Institusi	Anugerah
1.	<i>Malaysia Technology Expo 2017</i>	Kebangsaan	KM Kuala Nerang	Perak
2.	<i>National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICOMPEX 2017)</i>	Kebangsaan	KPM Bandar Penawar	Perak
3.	TVET Exposition 2017	Kebangsaan	KM Kulim	1 Emas & 2 Gangsa
4.	<i>Invention, Innovation & Design Exposition 2017</i>	Antarabangsa	KM Kulim	1 Emas & 1 Gangsa
5.	Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Pendidikan Tinggi Peringkat Kebangsaan 2017 (PERISA 2017)	Kebangsaan	KM Kulim	1 Emas & 1 Perak
6.	<i>International Invention & Innovative Competition (INIIC) SERIES 2/2017</i>	Antarabangsa	KM Kulim	2 Emas & 3 Gangsa
7.	<i>Malacca International Intellectual Exposition (MIIEX) 2017</i>	Antarabangsa	KM Kuala Nerang	1 Perak

GiatMARA

GiatMARA adalah institusi pendidikan latihan teknikal dan vokasional yang menawarkan latihan kemahiran kepada belia-belia di bandar dan luar bandar sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal.




	Sasaran	Pencapaian
TRIG Transisi Ke Usahawan Gerakan Pemuda	1,000 Pelatih	780 Pelatih (78%)
RINTIS NIAGA Usahawan Lepasan GiatMARA	250 Pelatih	250 Pelatih (100%)
Groombig	250 Pelatih	466 Pelatih (186%)
mobilepreneur Mobile Services. Everywhere. Everytime	250 Pelatih	466 Pelatih (186%)
eUsahawan	250 Pelatih	450 Pelatih (180%)




Melalui kemudahan *Mobilepreneur*, lebih 450 orang pelatih telah menerima manfaat

Pencapaian Program TVET GiatMARA



Pencapaian Program Tanggungjawab Sosial Korporat GiatMARA



Kerja-kerja baik pulih pendawaian elektrik di pusat tahliz oleh pelajar GiatMARA



Ikon TVET Malaysia



Kursus membaiki motosikal berkuasa tinggi ditawarkan di GiatMARA Batu

Aktiviti dan Pencapaian GiatMARA

1. Ikon TVET Malaysia

Dua (2) orang pelatih GiatMARA telah dianugerahkan Anugerah Ikon TVET Malaysia iaitu:

- Mohd Kamarulhelmy bin Mohd Kamal: Perniagaan Gadgets World 666 (Aksesori telefon) - bekas pelajar GiatMARA Kuala Lumpur.
- Muhammad Nasrullah bin Yahya - *C-Cut Hair Salon* (Seni Reka Gaya Rambut) - bekas pelajar GiatMARA Ampang

2. MoA antara GiatMARA Malaysia dan Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd. serta Perasmian Bengkel Kawasaki Motors GiatMARA Batu

Kerjasama strategik GIATMARA dan Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd. (KMSB) meliputi sumbangan jentera motosikal berkuasa tinggi serta peralatan khas Kawasaki kepada GiatMARA bagi tujuan peningkatan latihan. Selain daripada perkongsian peralatan, KMSB turut menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam konteks *transfer-of-technology* untuk tenaga pengajar dan mewujudkan *Specialized Course* khas bagi meningkatkan pengeluaran tenaga mahir dalam bidang motosikal Kawasaki.

3. Pengenalan Kursus Aerospace Composites Manufacturing

GiatMARA Negeri Melaka telah menganjurkan Majlis Soft Launching Kursus Aerospace Composites Manufacturing pada 25 November 2017 (Sabtu) bertempat di GiatMARA Simpang Ampat, Melaka. Melalui kerjasama ini, kesemua pelatih akan terus ditawarkan bekerja dengan CTRM Aero Composites Sdn. Bhd sebagai Jr Technician setelah berjaya menamatkan latihan selama 12 bulan melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).



Kursus Aerospace Composites Manufacturing turut mendapat penyertaan pelatih tunggal wanita



Majlis Pelancaran Program Latihan Kemahiran Industri ECRL pada 14 Jun 2017

4. Kerjasama Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) - ECRL

GiatMARA terlibat secara terus dalam pelaksanaan latihan kemahiran dan menyediakan fasiliti, pelatih dan tenaga pengajar bagi program Latihan Kemahiran Industri (PLKI)-ECRL. Sepanjang jajaran pembinaan laluan kereta api baru yang menghubungkan negeri-negeri Pantai Timur ke kawasan Lembah Klang, GiatMARA di kawasan pantai timur merupakan kumpulan fokus dalam projek pembinaan ECRL. PLKI-ECRL disasar mampu melatih 3,600 graduan pada peringkat sijil, diploma dan ijazah.

5. Penglibatan GiatMARA semasa Sukan SEA Kuala Lumpur 2017

GiatMARA telah terpilih menjadi rakan kemahiran yang menjalankan perkhidmatan untuk para atlet semasa Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur pada 4 hingga 28 Ogos 2017. Seramai 40 orang pelatih dan juga tenaga pengajar telah berkampung di Hotel Renaissance Kuala Lumpur selaku perkampungan sukan kontinjen Malaysia bagi menawarkan perkhidmatan seperti tatarias, dandan rambut, ubah suai pakaian, juru gambar dan juga penyediaan pastri kepada para atlet yang terlibat.



GiatMARA terpilih sebagai rakan kemahiran di Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur



UNIVERSITI KUALA LUMPUR

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merupakan sebuah universiti teknikal dan keusahawanan terkemuka negara yang diasaskan sebagai salah satu institusi pendidikan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA). UniKL ditubuhkan melalui gabungan tujuh (7) institusi kemahiran MARA pada 20 Ogos 2002 dan telah melalui perkembangan yang pesat untuk menjadi salah sebuah universiti pilihan di Malaysia kini.

Matlamat utama universiti adalah untuk menawarkan persekitaran pembelajaran ijazah dan pasca ijazah yang memenuhi potensi akademik dan intelektual para pelajarnya. Universiti ini menganjurkan budaya yang berusaha untuk mencapai standard pendidikan yang lebih tinggi dalam penyampaian *Higher Technical and Vocational Education and Training* (HTVET) yang menekankan pembangunan kemahiran teknikal dan ilmu pengetahuan.

Dengan konsep "Satu Institusi, Satu Pengkhususan", UniKL kini mempunyai 14 institusi di 12 kampus cawangannya. Berikut merupakan 14 institusi di Universiti Kuala Lumpur dan bidang pengkhususan mereka.

Bil.	Institut	Bidang Kemahiran
a 1.	Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI)	Penyelenggaraan Automasi & Industri
2.	Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL BMI)	Elektrikal, Elektronik & Telekomunikasi
3.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT)	Penerbangan
4.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI)	Automotif
5.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)	Teknologi Maklumat, Animasi dan Multimedia
6.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Chemical and Bio-Engineering Technology (UniKL MICET)	Teknologi Makanan, Kimia & Teknologi Bio
7.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET)	Teknologi Marin
8.	Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP)	Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu
9.	Universiti Kuala Lumpur Institute of Product Design and Manufacturing (UniKL IPROM)	Reka bentuk Produk & Ketepatan Pembuatan
10.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC)	Kejuruteraan Kualiti & Logistik Perindustrian
11.	Universiti Kuala Lumpur Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH)	Teknologi Sains Perubatan
12.	Universiti Kuala Lumpur Business School (UniKL Business School)	Perakaunan, Keusahawanan & Kewangan Islam
13.	Institute of Postgraduate Studies Universiti Kuala Lumpur City Campus (IPS, UniKL City Campus)	Pasca Ijazah
14.	Universiti Kuala Lumpur International College (UniKL ICOLE)	Kejuruteraan



Pencapaian dan Kejayaan UniKL

1. Anugerah Brandlaureate Best Brand Award

Universiti Kuala Lumpur mendapat satu lagi kejayaan kerana dianugerahi Anugerah Jenama Terbaik *BrandLaureate* 2016-2017 dalam Penjenamaan Korporat, dalam kategori *Best Brands in Education - Entrepreneurial Technical Learning*. Anugerah *BrandLaureate* adalah satu-satunya anugerah penjenamaan serantau dengan pengiktirafan global. Anugerah ini merupakan pengiktirafan dan bukti kepada reputasi jenama UniKL yang semakin meningkat dalam bidang pendidikan kebangsaan.

2. Pembangunan Modal Insan Bagi Industri Kereta Api Negara

Universiti Kuala Lumpur terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat kecemerlangan dalam pengurusan dan teknologi rel dengan mewujudkan kerjasama dan perkongsian baru dengan pemain industri utama di seluruh negara. Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara UniKL, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company (CCCC) untuk merealisasikan usaha membangunkan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri kereta api negara. Tumpuan MoU ini mengenai pembangunan sukatan pelajaran bagi program kereta api yang akan ditawarkan di UniKL Asia Rail Institute, latihan profesional dan melahirkan pekerja industri, penyediaan tenaga pengajar, sokongan dari segi kemudahan dan sumber serta penyelidikan dan pembangunan.



1. YBhg. Dato' Salma Hayati binti Ghazali, Timbalan Presiden, Kemampanan dan Kelestarian UniKL mewakili UniKL menerima Anugerah Brandlaureate Best Brand Award
2. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud bertukar-tukar dokumen perjanjian di antara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dan China Communications Construction Company (CCCC)



3. Sambutan UniKL15

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah menganjak usia 15 tahun semenjak penubuhannya pada 20 Ogos 2002. Sambutan UniKL15 telah diadakan pada 21 Ogos 2017 melibatkan semua kampus UniKL. Sambutan di peringkat Kampus Kota menjadi lebih meriah dengan kehadiran RIMAU, maskot Sukan SEA KL 2017.



4. Penganugerahan Status Swa Akreditasi MQA

UniKL Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan UniKL Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT) telah menerima Sijil Status Akreditasi Sendiri yang dianugerahkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Status akreditasi ini adalah autonomi akademik yang membolehkan UniKL memberi akreditasi program sendiri berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh MQA dan MOHE.



5. UniKL CARE- Penang Relief

Program Bantuan Komuniti Universiti Kuala Lumpur (UniKL CARE) melalui Misi Bantuan Banjir Pulau Pinang adalah program tanggungjawab sosial universiti bagi membantu mangsa bencana banjir yang berlaku di Pulau Pinang. Kontinjen UniKL CARE dengan jumlah seramai 300 sukarelawan membawa makanan, barang keperluan dan ubat-ubatan bernilai RM60,000 untuk mereka yang terjejas disebabkan banjir di Pulau Pinang.



1. Maskot RIMAU bergambar bersama barisan pengurusan dan warga UniKL di Kampus Kota Sempena Sambutan UniKL15 pada 21 Ogos 2017
2. Bacaan Deklarasi UniKL semasa Sambutan UniKL15 pada 21 Ogos 2017
3. Penganugerahan Status Swa Akreditasi MQA kepada UniKL MFI dan UniKL MIIT
4. Sukarelawan UniKL membantu mangsa banjir di Pulau Pinang

KOLEJ POLY-TECH MARA

3

Program Sijil

26

Program Diploma

6


Program Ijazah

3

Program Profesional

Cawangan KPTM

- i. Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur
- ii. Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Pahang
- iii. Kolej Poly-Tech MARA Bangi, Selangor
- iv. Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan
- v. Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Kedah
- vi. Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak
- vii. Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat, Johor
- viii. Kolej Poly-Tech MARA Semporna, Sabah
- ix. Kolej Poly-Tech MARA Kesedarn, Gua Musang, Kelantan



Kebolehpasaran Graduan KPTM

73% graduan bekerja dan melanjutkan pelajaran

Kejayaan KPTM 2017

1. Sistem Penilaian Kualiti Kolej Swasta Malaysia (Myquest): KPTM Bangi Terima Penarafan 6 Bintang

KPTM Bangi menunjukkan pencapaian cemerlang dengan menerima Star Rating 6 Bintang bagi Kategori Berasaskan Kolej. Pengiktirafan ini membuktikan KPTM sebagai kolej swasta yang berdaya saing dengan kolej-kolej swasta yang lain.



KPTM Bangi menerima penarafan 6 bintang bagi Kategori Berasaskan Kolej oleh Myquest



Pencipta Logo Sukan SEA 2017 merupakan Alumni KPTM Ipoh



Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dijalankan di Akademi Keusahawanan KPTM Bera adalah selaras dengan tuntutan pembelajaran masa kini

2. KPTM Berjaya Melahirkan Pelajar Profesional Bertaraf Antarabangsa

KPTM Bangi berjaya mengendalikan Program Transnasional KPTM dengan Dublin Business School Ireland menerusi Program *Bachelor of Arts (Honour) in Accounting and Finance* (BAAF). Program BAAF ini adalah sebagai batu loncatan untuk pelajar mendapat kelayakan profesional daripada *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), di mana BAAF telah mendapat pengecualian kepada sembilan (9) daripada empat belas (14) kertas ACCA.

3. Anak Didik KPTM Pencipta Logo Sukan SEA Kuala Lumpur 2017

Logo Sukan SEA ke-29 ciptaan anak kelahiran negeri Perak, Mohd Samsudin Adnan telah dipilih sebagai pemenang daripada jumlah penyertaan sebanyak 174 menerusi pertandingan mencipta logo sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

4. Akademi Keusahawanan KPTM: Lahirkan Modal Insan/Usahawan Berjaya Luar Bandar

KPTM mengambil inisiatif menubuhkan akademi keusahawanan yang menjadi pusat kursus jangka pendek. Penubuhan akademi ini membuka peluang perkembangan ilmu, di samping akses pendidikan dan kemahiran yang dapat dimanfaatkan dalam usaha memperkasa agenda pembangunan modal insan negara. Akademi keusahawanan ini secara langsung dapat meningkatkan minat dalam bidang keusahawanan menerusi latihan e-keusahawanan.



GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE

German-Malaysian Institute (GMI) telah ditubuhkan pada September 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. GMI bermula sebagai sebuah projek usaha sama di antara Kerajaan Malaysia dan Jerman. Matlamat penubuhan GMI adalah untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi menerusi pendidikan dan latihan yang holistik (syumul) kepada keperluan perindustrian negara berpandukan konsep pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET).



GMI menawarkan program latihan berteknologi tinggi bersesuaian dengan kemajuan sektor industri pembuatan, pengilangan dan perkhidmatan. GMI juga merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang menawarkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda kepada lebih 50 rangkaian *Universities of Applied Science* (UAS) di Jerman menerusi program German A-Level Preparatory Programme (GAPP).

Pada tahun 2010, GMI telah mempelopori konsep pembelajaran Pro3BL (*Problem, Project and Production Based Learning*) dan menerapkannya di dalam program Diploma dan persediaan A-Level untuk melahirkan individu terlatih bagi abad ke-21 yang mempunyai ciri-ciri seperti kebolehan berkomunikasi, berkolaborasi, berfikiran kritis dan berkemampuan menyelesaikan permasalahan. GMI menawarkan kursus sepenuh masa dan penawaran pengajian sepanjang hayat menerusi kursus teknikal (jangka pendek), Kursus *Train the Trainer*, Kursus Pembangunan Kurikulum dan Kursus PRO3BL.

Aktiviti dan Pencapaian GMI 2017

1. Penarafan MyQuest Enam (6) Bintang

GMI telah menerima penarafan enam (6) bintang menerusi sijil MyQuest yang diserahkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur pada 18 Disember 2017.



Penarafan MyQuest 6 Bintang kepada GMI



Mohamad Hariz bin Azizan, graduan *Diploma in Mechatronics* mengharumkan nama Malaysia di Kejohanan Kiub Rubik Dunia di Paris Perancis



Perjanjian Persefahaman dan Kerjasama GMI dengan Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)



Tenaga Pengajar GMI menerima "2017: Advance Level Instructor Excellent"

2. Pelajar GMI Pemain Rubik ke-14 Terpantas Dunia

Mohamad Hariz bin Azizan, graduan Diploma in Mechatronics mengharumkan nama Malaysia di Kejohanan Kiub Rubik Dunia di Paris Perancis, Hariz meletakkan dirinya di kelompok 20 terbaik daripada 1,100 peserta yang menyertai pertandingan ini.

3. Anugerah Penyampaian Projek Terbaik IoT (*Internet of Things*)

Dua (2) orang pelajar GMI, Mohd Iqmal bin Sharuazhan dan Amir Firdaus bin Muhammad Fadzli dari program Diploma in Electronics & Information Technology telah mengungguli projek terbaik IoT peringkat Asia Tenggara yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor pada 23 Julai 2017.



Mohd Iqmal bin Sharuazhan dan Amir Firdaus bin Muhammad Fadzli dari program Diploma in Electronics & Information Technology telah mengungguli projek terbaik IoT peringkat Asia Tenggara

4. Perjanjian Persefahaman dan Kerjasama GMI dengan Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)

Pada 4 Mei 2017, GMI menandatangani perjanjian persefahaman dengan Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) dalam usaha mempersiapkan tenaga kerja mahir bagi industri hiliran minyak dan gas yang sedang dibangunkan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC).

5. Pengiktirafan Dunia kepada dua (2) Tenaga Pengajar GMI dari CISCO Networking Academy



Dua (2) orang tenaga pengajar GMI iaitu Razali bin Abu Bakar dan Noormelah binti Shamsul Anuar diiktiraf antara 35 orang di Malaysia yang menerima "2017: Advance Level Instructor Excellent" oleh CISCO Networking Academy iaitu sebuah badan profesional dunia tentang pengamal rangkaian komputer.

PENGANJURAN PELAJARAN

Bahagian Penganjuran Pelajaran memainkan peranan penting untuk melahirkan graduan kompeten bagi membekalkan guna tenaga bumiputera terlatih dalam pelbagai bidang ikhtisas dan separa ikhtisas agar dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara.

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
Penganjuran Pelajaran	2,000,000,000	2,044,020,053	102.20

Skim Pinjaman Pelajaran MARA Tahun 2017



Prestasi Penajaan Pelajar Baharu Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2017 Berbanding Tahun 2016


Bil.	Program	Bilangan Pelajar Baharu	
		2017	2016
1.	Pra-U/Persediaan	635	411
2.	Diploma	4,046	7,776
3.	Ijazah	4,780	6,115
4.	Sarjana	98	920
5.	PhD	29	97
6.	Profesional	475	304
7.	Doktor Pakar	1	0
	Jumlah	10,064	15,623

Prestasi Pelajar Tajaan MARA di Dalam dan Luar Negara Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2017 Berbanding Tahun 2016

Bil.	Program	Jumlah Pelajar			
		2017		2016	
		Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
1.	Pra-U/Persediaan	1,049	0	939	11
2.	Diploma	21,074	19	33,804	38
3.	Ijazah	27,805	7,799	30,712	9,099
4.	Sarjana	276	173	3,150	436
5.	PhD	245	468	381	591
6.	Profesional	1,583	53	1,677	128
7.	Meister	0	2	0	2
8.	Doktor Pakar	3	2	10	3
	Jumlah	52,035	8,516	70,673	10,308
	Jumlah Keseluruhan	60,551		80,981	


Prestasi Pelajar Tajaan MARA Mengikut Bidang Pengajian Tahun 2017 Berbanding Tahun 2016

Bil.	Program	Jumlah Pelajar	
		2017	2016
1.	Doktor Pakar	3	13
2.	Kejuruteraan	22,731	26,757
3.	Matematik, Perangkaan dan Sains Komputer	3,200	4,627
4.	Meister	2	2
5.	Pendidikan	909	1,659
6.	Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang	12,141	18,522
7.	Penilaian dan Penyelidikan	3	5
8.	Perakaunan	4,464	6,169
9.	Pra-U	1,049	950
10.	Sains dan Sains Pertanian	6,488	9,202
11.	Sains Perubatan	5,628	6,986
12.	Sastera dan Kemanusiaan	3,504	5,349
13.	Seni Bina dan Perancangan	429	740
	Jumlah	60,551	80,981



Kejayaan Pelajar Tajaan MARA

1. Nur Adlyka binti Ainul Annuar, pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) jurusan Astrofizik di Pusat Astronomi Ekstragalaktik, Jabatan Fizik, Universiti Durham, United Kingdom, saintis muda negara bersama-sama kumpulannya telah berjaya membuktikan kewujudan lohong hitam supermasif yang tersembunyi di lingkaran kosmik semesta. Nur Adlyka diberi penghargaan oleh MOSTI kerana berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa sekali gus menyuntik semangat anak-anak muda untuk meminati bidang astrofizik dan astronomi.
2. Pelajar tajaan MARA iaitu Safwan Bukhari bin Masnoor telah dinobatkan sebagai graduan terbaik keseluruhan dengan mendapat keputusan CGPA 3.77 (*High Honour*) dalam Majlis Graduasi Pelajar Perubatan Universiti Iskandariah Sesi 2016/2017 pada 28 Disember 2017.



TEKNOLOGI KREATIF DAN MULTIMEDIA

Seminar-seminar yang disertai:

1. *Global Entrepreneurship Community Summit*
2. BETT Asia
3. *Learning Technologies Asia*



4 & 5. Penerapan 21st CLD untuk subjek Bahasa Inggeris kepada pelajar di Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan di MRTC Santubong, Sarawak dan MRTC Menggatal, Sabah

Bahagian Teknologi Kreatif & Multimedia (BTKM) telah mengambil langkah proaktif bagi mempertingkatkan pengetahuan dalam perkembangan proses pendidikan dan kemahiran mengendalikan alatan teknologi terkini melalui kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi pendidikan luar. Pendedahan ini secara tidak langsung dapat menggarap idea untuk merancang program atau aktiviti berkaitan *21st Century Learning Design* (CLD) kepada para pendidik MARA bagi merapatkan jurang perbezaan kepada standard piawaian pendidikan global. Seminar yang dihadiri telah dianjurkan oleh Microsoft Educator Malaysia, BETT Asia, *Learning Technologies Asia*, *Global Entrepreneurship Community Summit* dan *Global Motivator Encik Peter Nixon*.


Melalui perkongsian yang dicerap daripada seminar dan kursus yang dihadiri, tujuh orang tenaga pengajar yang terpilih sebagai *Microsoft Innovative Educator* (MIE) Malaysia untuk bersaing bersama guru Kementerian Pendidikan Malaysia ke peringkat global. Dua (2) orang daripada mereka telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke *MIE Global* atau *Educator Exchange* (E2) yang diadakan di Toronto, Canada pada 21 hingga 23 Mac 2017. Pencapaian yang lebih membanggakan ialah apabila Mohammad Aliff bin Othman daripada MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens telah dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama dan Noor Emly Liana binti Daud daripada MRSM Gemencheh telah mendapat tempat kedua dalam kumpulan masing-masing. Mereka telah lulus dengan cemerlang ujian *Microsoft Certified Educator* (MCE) dan telah diiktiraf sebagai MIE *Global Exchange*. Pencapaian berterusan diraih oleh Muhamad Aliff bin Othman yang mana beliau telah diiktiraf sebagai *Skype Master Teacher*, *Global Minecraft Mentor* dan *Microsoft Surface Classroom Pro Education Community*.

BTKM telah menganjurkan dua (2) pertandingan iaitu RPH Online yang telah disertai oleh 70 orang guru dan *Virtual Project* yang telah disertai oleh 35 orang guru. Empat (4) tenaga pengajar telah dipilih oleh Microsoft Educator Malaysia sebagai MIE *Experts* peringkat kebangsaan dan seorang daripadanya telah terpilih mewakili Malaysia ke *Microsoft Global Educator Exchange* (E2) di Singapura pada 12 hingga 16 Mac 2018.

Sejak program RPH secara online dijalankan bermula dari tahun 2016, BTKM telah memberi latihan kepada 1,000 orang tenaga pengajar untuk 21st CLD. Daripada latihan ini telah melahirkan 186 orang MIE MARA, 16 orang MIE *Expert* Kebangsaan dan lima (5) orang MIE *Expert* Global.

Penerapan 21st CLD turut dikembangkan kepada pelajar-pelajar luar bandar iaitu pelajar di *Mini Rural Transformation Centre* (MRTC) Santubong, Sarawak dengan melibatkan seramai 30 orang manakala di Menggatal, Sabah seramai 17 orang. Pembelajaran difokuskan kepada penerapan 21st CLD untuk subjek Bahasa Inggeris.

Perpustakaan Ibu Pejabat MARA juga dikenali sebagai MARA Knowledge Centre (MKC) menjadi pusat rujukan bagi warga MARA, mempunyai 26,000 item merangkumi buku, tesis, majalah, laporan tahunan dan sebagainya. MKC menggunakan Utiliti Pengurusan Perpustakaan Bersepadu (ILMU) yang mana sistem ini mencatat butiran buku dan maklumat peminjam. ILMU telah digunakan di 36 Institusi Pendidikan MARA (IPMa) dan MKC sebagai projek perintis sejak tahun 2004. MKC juga telah melanggani pangkalan *data online Emerald Insight* yang merupakan platform e-Jurnal, e-Books dan e-CaseStudy. Data penggunaan Emerald Insight bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:



Pelbagai aktiviti juga telah dijalankan oleh MKC sepanjang tahun 2017 termasuk:

- Program Cuti Sekolah
- Pesta Buku MARA
- Program Wacana Ilmu sempena Bulan Kemerdekaan

Pada 2 & 3 Ogos 2017 bertempat di Vistana Hotel, Pulau Pinang seramai 15 orang peserta dari MARA yang terdiri daripada Pustakawan dan Guru Media (perpustakaan) menyertai *International Conference on Libraries* (ICOL) 2017. Program ini adalah anjuran USM dan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan bertemakan *Towards Lean Libraries*. ICOL menjadi satu platform untuk pustakawan seluruh Malaysia dan negara-negara lain berkongsi maklumat dan pengalaman dalam bidang kepustakawanan.



Program Cuti Sekolah adalah antara aktiviti tahunan anjuran MKC



Pesta Buku MARA 2017 anjuran MKC mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan daripada pelbagai penerbit buku se-Malaysia



International Conference on Libraries (ICOL) 2017 yang dihadiri oleh pustakawan dan guru media MARA mampu memperkasakan pengetahuan mereka dalam bidang kepustakawanan

Selain itu, seramai 41 orang Guru Media dan dua (2) orang Pustakawan telah menyertai bengkel *International Asia School Libraries (IASL)*. MARA diwakili oleh Puan Nor Analiza Binti Abdul Azik daripada MRSM Kubang Pasu, Kedah sebagai pembentang kajian bertajuk: *Resource Centre Assistants (RCA) Transformation Towards World-Class Knowledge-Sharing Agents*. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan diadakan di Ancasa Hotel, Kuala Lumpur membolehkan para peserta dari rantau Asia berkongsi idea dan pengalaman serta perkongsian amalan terbaik dalam pembangunan perpustakaan sekolah.



Bengkel *International Asia School Libraries (IASL)* yang dihadiri oleh pustakawan dan guru media MARA turut disertai oleh peserta dari rantau Asia yang lain

Sepanjang tahun 2017, perkhidmatan yang telah disediakan oleh BTKM adalah seperti yang berikut:

Bil.	Perkara	Kuantiti
1.	Pakej Program Rasmi meliputi kad program, bunting & banner	47
2.	Reka Bentuk Grafik dan Poster Program	378
3.	Rakaman Video dan Audio	113
4.	<i>Live Feed</i>	32
5.	Montaj	47
6.	<i>Still Photo</i>	278
7.	<i>Slaid Powerpoint</i>	20
Jumlah Keseluruhan		915

MARA EXCELLENT VENTURES

MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan merupakan anak syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA). MEX mempunyai tenaga pakar yang mahir dalam pembangunan modal insan dan berpengalaman dalam menyediakan latihan terhadap sektor swasta dan kerajaan. MEX menggabungkan konsep teori dan praktikal sebagai metodologi latihan berdasarkan penyelidikan akademik yang telah dibuat bagi memenuhi keperluan industri.

1. Akademi Latihan MEX

Akademi Latihan MEX menawarkan pembangunan latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam pelbagai sektor. Bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan dalam kualiti latihan, MEX bekerjasama dengan rakan strategik di dalam dan luar negara. Langkah ini diambil bagi memberikan kualiti latihan yang memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang pesat. Bagi tahun 2017, Akademi Latihan MEX telah menganjurkan 67 program latihan yang merangkumi aspek keguruan, pengurusan, bahasa dan TVET.

2. MARA KETENGAH International College (MKIC)

MARA KETENGAH International College (MKIC) menawarkan program A-Level untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom (UK). MKIC telah mendapat pengiktirafan sebagai pusat A-Level oleh *Cambridge International Examination* (CIE) pada 20 Ogos 2013. Pada masa ini terdapat tiga (3) program yang disediakan iaitu Perakaunan, Seni Bina dan Ekonomi. Selain memberi tumpuan kepada pencapaian kurikulum dan akademik, MKIC juga memberi penekanan kepada kepimpinan, pembangunan sosial dan keusahawanan di dalam setiap silibus.

Penempatan pelajar MKIC

Negara	Jumlah Universiti	Jumlah Pelajar
United Kingdom	33	187
Australia	1	8
Jumlah	34	195



Program Latihan MEX yang dianjurkan adalah bertepatan dalam memberikan kualiti latihan yang memenuhi keperluan industri dan pembangunan modal insan



Peserta Program Persediaan Jurutera Profesional dan Mentor & Industri



Program Achievement Motivation Training 2017

UNIMARA SDN. BHD.

UNIMARA Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat MARA yang berdaftar pada 29 Februari 2016 bertujuan untuk menguruskan Universiti Majlis Amanah Rakyat (UniMARA) yang telah diluluskan penubuhannya pada 14 Disember 2017. Objektif penubuhan UniMARA adalah untuk melengkapkan ekosistem pendidikan MARA dengan meningkatkan jumlah profesional berdaftar seperti jurutera, akauntan, arkitek dan lain-lain bagi melahirkan pemimpin dalam bidang keusahawanan, korporat, perkhidmatan awam dan politik.

UNIMARA Sdn. Bhd. telah melaksanakan kursus persediaan jurutera profesional dalam kalangan tenaga kerja MARA seramai 24 orang. Selain itu, UNIMARA Sdn. Bhd turut melaksanakan Kursus Motivasi (*Achievement Motivation Training*) sebanyak dua (2) kali dan Program Pembangunan Kepimpinan (*Leadership Development Program*) bersama Sri Lanka Institute of Development Administration sebanyak enam (6) kali. Seramai 310 orang telah menyertai program-program yang dijalankan UNIMARA Sdn. Bhd. sepanjang tahun 2017.

05

Sektor Pelaburan

- Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari
- Kawalan Kredit
- Industri Pengangkutan
- Pelaburan MARA Berhad
- Rural Capital Berhad
- Asia Aerotechnic Sdn. Bhd.
- MARA Incorporated Sdn. Bhd.
- Harta Prima Realties Sdn. Bhd.
- MARA Corporation Sdn. Bhd.

SEKTOR PELABURAN

Bil	Inisiatif	Sasaran 2017	Pencapaian 2017	Peratus (%)
1.	Pendapatan oleh Syarikat Subsidiari	RM1.3 bilion	RM1.66 bilion	128%
2.	Keuntungan Sebelum Cukai Syarikat Subsidiari	RM40 juta	RM50.14 juta	125%
3.	Dividen daripada Syarikat Subsidiari	RM6 juta	RM8.13 juta	136%
4.	Obligasi Sosial	RM3 juta	RM4.92 juta	164%
5.	Peningkatan Kutipan Pembiayaan	RM800 juta	RM810.27juta	101%

Sektor Pelaburan meneruskan fokus kepada dua (2) agenda utama Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) iaitu memantapkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat dan memperkuuh pemilikan aset bukan kewangan.

Dalam memperkasakan impak pertumbuhan pelaburan, MARA memberi fokus kepada pelaburan dalam industri strategik melalui strategi mengenal pasti dan berkerjasama dengan pemain industri serta pengambilalihan dan penggabungan syarikat yang strategik. Fokus ini juga turut diperkasakan dengan penyediaan penanda arasan ekosistem keusahawanan bertaraf global selain membangunkan infrastruktur dan sistem yang mendokong ekosistem keusahawanan ini. Langkah-langkah ini melengkapkan rantaian nilai industri strategik dan membangunkan program vendor terangkum dengan mewujudkan program kerjasama awam swasta seperti yang telah dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS KKLW).

Strategi Lautan Biru Kebangsaan KKLW (NBOS KKLW) dilaksanakan bagi mengenal pasti dan mengatur langkah-langkah strategik penambahbaikan prestasi anak syarikat MARA. Langkah-langkah strategik ini menjadi satu platform pemasaran terbaik kepada Syarikat MARA melalui usahasama antara syarikat dan agensi di bawah KKLW. Strategi ini berjaya memperkuuh operasi perniagaan melalui kaedah-kaedah seperti memberi fokus kepada aktiviti utama syarikat, meneroka dalam bidang baharu yang berbentuk *demand driven* dan berteknologi tinggi, mempergiat *downstream activities* serta memantapkan tadbir urus syarikat.



BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SUBSIDIARI

Setakat 31 Disember 2017, MARA memiliki 17 buah syarikat subsidiari aktif, satu (1) perbadanan, satu (1) syarikat jaminan terhad dan dua (2) syarikat bersekutu yang terlibat dalam pelbagai industri terpilih. Prestasi kewangan syarikat MARA adalah memberangsangkan terutamanya dalam sektor komersial walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi global yang tidak stabil sepanjang tahun 2017.

Pencapaian Kewangan Syarikat Subsidiari MARA Setakat 31 Disember 2017

Bil	Perkara	Pencapaian (RM)/ %	
		2017	2016
1.	Pendapatan	1,698,642,398	1,618,040,716
2.	Untung/ (Rugi) Sebelum Cukai	49,242,283	62,100,108
3.	Jumlah Harta	2,241,994,024	2,188,871,626
4.	Jumlah Ekuiti	1,137,959,256	1,110,268,343
5.	Pulangan ke atas Ekuiti	4.3%	5.6%
6.	Jumlah Modal Berbayar	791,607,202	615,714,808

Nota:

1. Laporan adalah merangkumi 19 Syarikat MARA Berstatus Aktif
2. Pencapaian GMI adalah berdasarkan Laporan Pengurusan setakat 31 Disember 2017
3. Pencapaian 2016 adalah pencapaian yang dinyatakan semula (*re-stated*) dalam Penyata Kewangan Beraudit 2017

Sepanjang tahun 2017, aktiviti komersial Syarikat MARA telah disusun semula melalui penubuhan MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corp.) sebagai sebuah syarikat induk kepada semua Syarikat MARA. Penyusunan semula aktiviti komersial Syarikat MARA berteraskan pelaburan dan berfokuskan empat (4) sektor utama iaitu pendidikan, kewangan, hartaanah dan perkhidmatan. Penyusunan semula ini juga dapat memastikan setiap Syarikat MARA diuruskan dengan baik melalui akauntabiliti dan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA)

MARA telah menyertai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada 21 - 25 Mac 2017 yang berteraskan tema *Holistic Aerospace Supply Chain*. LIMA 2017 dilihat sebagai platform terbaik kepada MARA untuk membuat *positioning* dengan bertindak sebagai penghubung (linkages) dalam industri aeroangkasa dan maritim. Hal ini terbukti dengan kejayaan Syarikat MARA menandatangani *Memorandum of Agreement* (MoA) dan Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan syarikat gergasi dalam industri aeroangkasa dan maritim. MoA dan MoU yang telah ditandatangani menjadi pembuka laluan kepada pembangunan modal insan dalam bidang aeroangkasa dan industri berteknologi tinggi selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

SYARIKAT MARA

7 Pendidikan



2 Kewangan



2 Hartanah



8 Perkhidmatan



Penyertaan MARA dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA)



Seminar Akta Syarikat pada 25 September 2017



Anugerah Ikon Subsidiari MARA merupakan anugerah untuk mengiktiraf usaha dan sumbangan warga kerja subsidiari MARA

Memperkasa Kompetensi dan Pemantapan Tadbir Urus Korporat

MARA sentiasa berusaha memantapkan operasi perniagaan syarikatnya dengan menganjurkan pelbagai program pemantapan seperti Seminar Pembangunan dan Pelaburan Hartanah serta Bengkel Blueprint Pelaburan MARA. Pengiktirafan amalan dan pengurusan kualiti terbaik melalui pensijilan MS ISO 9001:2015, MARA Ecosystem Quality Standard (MQS) dan Indeks Akauntabiliti menjadi penanda aras keutuhan tadbir urus yang diamalkan. Penguatkuasaan Akta Syarikat 2016 (menggantikan Akta Syarikat 1965) dengan menganjurkan Seminar Akta Syarikat 2017 kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Syarikat sebagai langkah mempertingkatkan tadbir urus.

Pengiktirafan dan Anugerah

Sepanjang 2017, Syarikat MARA telah menerima pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara seperti:

- i. *BrandLaureate BestBrands Award 2016-2017 (PMB)*
- ii. *QS Stars: Rated for Excellence In Asia for 2017 (UniKL)*
- iii. *Malaysia Rating For University College Excellence (SETARA) 2017: Rating 4 (UniKL)*
- iv. *Rubber Stamps Digital (RS Digital) - Gold Award of Indonesian Invention and Innovation Promotion Association (GIATMARA)*
- v. *iChef Battle of The Six Continents - Gold Award (GIATMARA)*
- vi. *Sustainable Urban Malaysia Transport Award 2017 (MLSB)*
- vii. *EPH-German Certified Auditor In Furniture Testing For Asian (FITEC)*
- viii. Penarafan *Six Stars in MyQuest Outstanding Award 2017* daripada *GMI-DMG Technology Center And DMG-MORI Certified Trainers' (GMI)*
- ix. *The Longest Operation Unit Trust Management Company In Malaysia oleh The Malaysia Book of Records (PMB).*

Anugerah Ikon Subsidiari MARA

Sebagai mengiktiraf usaha dan sumbangan warga kerja Syarikat MARA, BPPS telah menganjurkan Anugerah Ikon Subsidiari MARA telah dianjurkan pada 28 Februari 2017. Seramai 360 orang warga kerja Syarikat MARA telah diraikan dan menerima penghargaan yang telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

KAWALAN KREDIT

Aktiviti utama Bahagian Kawalan Kredit:

- i. Kutipan dan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman pelajaran.
- ii. Pemantauan kutipan dan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan perniagaan.
- iii. Pemantauan kutipan dan penguatkuasaan bayaran dan sewaan premis perniagaan.
- iv. Pengurangan bayaran balik (*Conversion*).
- v. Menyenarai hitam pelanggan MARA.

Kemudahan/ *platform* kutipan bayaran yang disediakan:

- i. Pembayaran tunai di kaunter bayaran Pejabat MARA, bank-bank terpilih seperti BIMB, Bank Rakyat, BSN dan Pejabat Pos.
- ii. Pembayaran secara atas talian melalui perbankan internet seperti BIMB, Bank Rakyat, Maybank, CIMB, AMBank, Public Bank, RHB Bank, Affin Bank dan JOMPAY.
- iii. Kemudahan potongan gaji, arahan bank dan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Prestasi Kutipan Bayaran Balik

Bil	Jenis kutipan/Tahun	2017	2016
1.	Pinjaman/ Pembiayaan Perniagaan	RM430,465,714	RM613,460,627
2.	Pinjaman Pelajaran	RM340,800,856	RM300,216,013
3.	Sewaan Premis Perniagaan	RM39,011,564	RM38,900,980
	Jumlah	RM810,278,134	RM952,577,620

1. Pemerkasaan Aktiviti Kutipan Hutang

Pinjaman Pelajaran

Tahun 2017 mencatatkan sebanyak 11 inovasi/ inisiatif dalam memperkasakan aktiviti kutipan hutang pinjaman pelajaran seperti yang berikut:

Bil	Inovasi/Inisiatif	Tarikh Mula Dilaksana
1.	SMS <i>Blast</i> Kepada Peminjam	Januari 2017
2.	E-mel <i>Blast</i> Kepada Peminjam	Januari 2017
3.	Cetakan Jadual Bayaran Balik Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	Januari 2017
4.	Cetakan Jadual Semula Bayaran Balik Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	Januari 2017
5.	Cetakan Jadual Penangguhan Bayaran Balik Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	Januari 2017
6.	Cetakan Surat <i>End Of Repayment</i> Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	Julai 2017
7.	Penerimaan Bayaran KWSP Secara Atas Talian melalui e-Pengkreditan	Julai 2017
8.	Permohonan KWSP Secara Atas Talian melalui e-Pengeluaran	November 2017
9.	Cetakan Surat Kelulusan <i>Conversion</i> Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	November 2017
10.	Semakan Status <i>Conversion</i> Secara Atas Talian di Sistem e-Baki	November 2017
11.	Permohonan <i>Conversion</i> Secara Atas Talian	Disember 2017



1. Bengkel e-Pengeluaran/ KWSP Atas Talian Online pada 18 Ogos 2017 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur
2. Sesi Taklimat Pelaksanaan e-Pengeluaran dan e-Pengkreditan KWSP bersama Unit MARA Call Centre (MCC) pada 8 November 2017 di pejabat MCC MARA Kuala Lumpur

Pinjaman Perniagaan

Tahun 2017 mencatatkan sebanyak 11 inovasi/ inisiatif dalam memperkasakan aktiviti kutipan hutang pinjaman pelajaran seperti yang berikut:

i. Mesyuarat Ketua Unit Kawalan Kredit

Mesyuarat Ketua Unit Kawalan Kredit (KUKK) Se-Malaysia telah diadakan pada 20 hingga 23 November 2017 bertempat di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan strategi meningkatkan kutipan dan tindakan penguatkuasaan di samping perkongsian pengalaman.



Pelaksanaan Mesyuarat KUKK pada 20 hingga 23 November 2017, di Hotel Premiera, Kuala Lumpur

ii. Program *Engagement* bersama dengan PMN dan Peminjam

Program ini bertujuan untuk mengesan peminjam perniagaan MARA yang mempunyai tunggakan yang tinggi dan gagal membuat bayaran balik.



1. Program *Engagement* BKK bersama dengan PMN Wilayah Persekutuan pada 23 November 2017
2. Program *Engagement* BKK bersama dengan PMN Sabah pada 27 November 2017

2. Program *Engagement*



Program *Engagement* BKK bersama dengan RCB dan Agensi Kutipan Hutang pada 20 Januari 2017 di Hotel Quality, Kuala Lumpur



Program *Engagement* BKK bersama dengan Felda Global Ventures pada 27 Mac 2017 di Ibu Pejabat FGV, Kuala Lumpur

3. Pembangunan Modal Insan

Bagi meningkatkan kecekapan dan memantapkan kemahiran serta pengetahuan dalam aktiviti kutipan hutang, beberapa kursus telah dilaksanakan kepada warga kerja yang terlibat iaitu:

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Sistem Penguatkuasaan Pembiayaan Perniagaan MARA (SPkPPM)	23 hingga 25 Oktober 2017	ILKM Jawi, Pulau Pinang
2.	<i>Engagement</i> dan Mesyuarat Ketua Unit Kawalan Kredit MARA Negeri (KUKK) Bersama dengan Bahagian Kawalan Kredit MARA 2017	20 hingga 23 November 2017	Hotel Premiera, Kuala Lumpur
3.	Bengkel <i>Retreat and Engagement</i> Bahagian Kawalan Kredit MARA 2017	24 hingga 28 November 2017	Sabah

4. Pemantapan Sistem Penyampaian

Sistem penyampaian perkhidmatan telah dipertingkatkan dengan beberapa aktiviti dan program yang telah dilaksanakan melalui:

i. Perkhidmatan *Call and Care Line Centre*

Unit ini juga berperanan membuat panggilan telefon kepada peminjam akaun pinjaman pelajaran MARA yang tertungggak dari satu (1) hingga lima (5) bulan. Sebanyak 107,211 panggilan telefon telah dibuat pada tahun 2017.

ii. Perkhidmatan Kaunter Pelanggan

Perkhidmatan kaunter pelanggan disediakan bagi memudahkan peminjam untuk membuat pertanyaan, bayaran dan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2017, seramai 19,585 orang telah hadir bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

iii. Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara atas talian

Melalui kerjasama antara MARA dan KWSP, proses pengeluaran KWSP bagi bayaran balik pinjaman MARA dipercepat daripada dua (2) bulan kepada 14 hari bekerja melalui Pelaksanaan e-Pengeluaran dan e-Pengkreditan KWSP. Melalui sistem atas talian ini, KWSP telah meluluskan 5,482 permohonan bayaran balik dengan jumlah bayaran sebanyak RM36,972,325.

5. Pewujudan Jaringan dan Kerjasama

i. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Kerjasama ini adalah untuk memudahkan urusan pengeluaran KWSP pencarum daripada secara manual kepada secara atas talian (*online*).

ii. Program Turun Padang ke Pejabat MARA Negeri dan Daerah Seluruh Malaysia

Pasukan petugas telah dibentuk untuk turun padang bagi memberi taklimat kepada semua PMN dan PMD di setiap negeri bertujuan untuk:

- Memantau tindakan/ aktiviti kutipan dan penguatkuasaan.
- Memberi bantuan dan panduan tindakan kepada pelanggan MARA.
- Menyampaikan hasrat pengurusan dan Bahagian Kawalan Kredit secara terus.

6. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dilaksanakan bagi memastikan kutipan bayaran balik dapat ditingkatkan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan melalui:

i. Pengeluaran Surat Peringatan

Sebanyak 88,705 Surat Peringatan (SP) dan 45,331 Surat Peringatan Akhir (SPA) telah dikeluarkan bagi akaun yang tertunggak selama dua (2) bulan dan ke atas seperti pecahan di bawah:

Bil	Jenis Surat	Jenis Pinjaman	Peminjam	Penjamin	Jumlah
1.	Surat Peringatan	Pelajaran	39,427	44,338	83,765
		Pendahuluan Pelajaran	2,470	2,470	4,940
		Jumlah	41,897	46,808	88,705
2.	Surat Peringatan Akhir	Pelajaran	19,024	22,219	41,243
		Pendahuluan Pelajaran	2,044	2,044	4,088
		Jumlah	21,068	24,263	45,331

ii. Tindakan Senarai Hitam

Sebanyak 65,999 surat makluman tindakan senarai hitam telah dikeluarkan bagi akaun yang tertunggak enam (6) bulan dan ke atas seperti pecahan di bawah:

Bil	Jenis Pinjaman	Peminjam	Penjamin	Jumlah
1.	Pelajaran	20,303	26,943	47,246
2.	Pendahuluan Pelajaran	1,640	1,641	3,281
3.	Pembentangan Perniagaan	7,993	7,479	15,472
	Jumlah	29,936	36,063	65,999

INDUSTRI PENGANGKUTAN

Bahagian Industri Pengangkutan (BIP) MARA melaksanakan tanggungjawab khidmat sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) kepada masyarakat setempat melalui perkhidmatan pengangkutan awam darat sejak tahun 1962. Bermula dengan Kenderaan Bas MARA (KBM), perkhidmatan yang diberikan tidak tertumpu kepada keuntungan semata-mata malah turut memberi tumpuan kepada laluan yang dipinggirkan oleh pengusaha bas yang lain.

Menerusi perkhidmatan yang disediakan oleh MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB), perkhidmatan pengangkutan awam yang ditawarkan menghubungkan penduduk di luar bandar dengan bandar-bandar besar. Secara tidak langsung turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Berikut ialah prestasi bilangan penumpang bagi perkhidmatan bas MARA Liner pada tahun 2017 dan 2016.

Bil	Perkara	2017	2016
1.	Bilangan Penumpang Bas Ekspress	440,483	390,418
2.	Bilangan Laluan Bas Ekspress	28	27
3.	Bilangan Penumpang Bas Luar Bandar	1,957,533	1,916,932
4.	Bilangan Laluan Bas Henti-Henti	126	100

Selain menyediakan perkhidmatan pengangkutan, MLSB turut mewujudkan bengkel penyelenggaraan di beberapa lokasi seluruh Malaysia. Bengkel-bengkel tersebut dilengkapi dengan peralatan untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance, repair and overhaul* (MRO) bukan sahaja untuk kenderaan milik MARA bahkan juga kenderaan komersial yang lain. Terdapat 18 buah bengkel MLSB di seluruh negara dan tiga (3) daripadanya merupakan bengkel MRO.

MARA *Transport Summit 2017* (MATS) telah dilaksanakan pada 30 hingga 31 Oktober 2017 dengan kehadiran peserta melebihi 1,000 orang yang terdiri daripada pembuat dasar, pemain industri dan pengusaha bas. Objektif utama MATS adalah bagi membolehkan MARA menjadi agensi *integrator* kepada semua syarikat pengangkutan awam darat bumiputra melalui pengembelangan aset dan sumber yang terhad.

Bagi menghadapi cabaran dalam industri pengangkutan, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, MARA bakal mewujudkan Pusat Kecemerlangan Pengangkutan MARA (*MARA Transport Excellence Centre*). Pusat ini akan memberi latihan yang lebih khusus berkaitan automotif dan menyediakan kelengkapan bagi keperluan membaikpulih kenderaan. MTEC ini juga bercirikan bengkel pakar bagi kenderaan komersial seperti bas, lori dan kenderaan-kenderaan lain yang berkaitan.

Bahagian Industri Pengangkutan juga telah menunjukkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan tahap kualiti kerja yang tinggi kepada pelanggan dengan mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2015 dan mencapai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lengkap dan menerima Sijil Pengiktirafan MARA *Ecosystem Quality Standard* (MQS): No Sijil 002/2017.



1. Pengajuran MARA Transport Summit (MATS) 2017 pada 30 hingga 31 Oktober 2017 menghimpunkan pemain industri berkaitan pengangkutan awam darat
2. Penerimaan Sijil Pengiktirafan MARA Ecosystem Quality Standard (MQS) oleh Bahagian Industri Pengangkutan

PELABURAN MARA BERHAD

Pelaburan MARA ialah syarikat perkhidmatan kewangan milik MARA yang terlibat secara langsung dalam pelaburan pelbagai aset merangkumi pasaran wang, aset pendapatan tetap, pasaran ekuiti, ekuiti persendirian dan hartanah. Pelaburan MARA mempunyai tujuh (7) anak syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti perkhidmatan kewangan iaitu:

- i. PMB Investment Berhad (PMB Investment) - Pengurusan dana;
- ii. PMB Tijari Berhad (PMB Tijari) - Pembiayaan kewangan;
- iii. PMB Consulting Sdn. Bhd. (PMB Consulting) - Khidmat nasihat korporat;
- iv. PMB Analytics Sdn. Bhd. (PMB Analytics) - Ejen pemasaran Dorsey Wright & Associates dan data raya (*big data*);
- v. PMB Assets Sdn. Bhd. (PMB Assets) - Pelaburan hartanah;
- vi. Edubiz Development Sdn. Bhd. (Edubiz) - Pengurusan projek; dan
- vii. PMB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. (PMB Nominees) - Pengurusan skim simpanan hemat.

Bidang Baharu/ Inovasi Pelaburan MARA

i. Dana Pelaburan Hartanah

Pelaburan MARA telah meneroka peluang untuk menubuhkan Dana Pelaburan Hartanah yang memberi tumpuan kepada pelaburan dan pembangunan hartanah di Malaysia. Setakat 31 Disember 2017, Lembaga Pengarah Pelaburan MARA telah meluluskan penubuhan dua (2) dana pelaburan hartanah yang dikenali sebagai PMB Real Estate Fund I (PMB REF I) dan PMB Real Estate Fund II (PMB REF II).

ii. PMB Analytics

PMB Analytics telah menjalin kerjasama dengan Dorsey Wright & Associates (DWA) menjadikan PMB Analytics sebagai pemegang hak mutlak pemasaran model pelaburan DWA di Malaysia. Syarikat ini memperkenalkan dan mempromosi model pelaburan DWA secara aktif kepada pelanggan korporat dan institusi kewangan di seluruh negara.



Pelancaran PMB Analytics Sdn. Bhd. pada 26 April 2017 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur

iii. Dagong Malaysia

Pelaburan MARA Berhad memeterai kerjasama dengan Dagong Global Credit Rating Co. untuk menubuhkan Agensi Penarafan Kredit Asing pertama di Malaysia, iaitu Dagong Malaysia Rating Services Sdn. Bhd. (Dagong Malaysia). Pelaburan MARA menguasai 30% saham dalam agensi ini dengan modal berbayar berjumlah RM10 juta. Dagong Malaysia berfungsi sebagai hub penyelidikan dan penarafan serta rujukan pelabur-pelabur China dan peminjam ke Malaysia serta pasaran ASEAN.

iv. *Online Sales Leads Management (OSEM)*

PMB Investment, anak syarikat milik penuh Pelaburan MARA telah memperkenalkan aplikasi telefon pintar yang dikenali sebagai atau *Online Sales Leads Management (OSEM)*. OSEM berfungsi sebagai penghubung di antara perunding dengan bakal pelabur. PMB Investment percaya bahawa sistem ini bukan sahaja penting untuk menjana jualan dari saluran digital seperti media sosial dan laman rasmi terpilih malah selari dengan strategi pemasaran media digital PMB Investment. Aplikasi ini tersedia untuk pengguna telefon pintar Android dan IOS.



Pelancaran Aplikasi OSEM pada 21 Disember 2017 di Sheraton Imperial, Kuala Lumpur menjadikan penggunaan aplikasi ini sebagai medium untuk mengukuhkan strategi pemasaran PMB Investment

Kejayaan dan Pencapaian Pelaburan MARA



1. Pengiktirafan *The Malaysia Book of Records* sebagai Syarikat Pengurusan Saham Amanah paling lama beroperasi di Malaysia bagi Kategori Perniagaan
2. Pelancaran PMB Dana Mutiara khusus pada 17 Julai 2017 di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur

RURAL CAPITAL BERHAD

Rural Capital Berhad (RCB) telah dinaiktaraf pada 9 Disember 2016 kepada sebuah syarikat awam subsidiari milik penuh MARA. RCB telah beroperasi sejak 2 Januari 2013 melalui proses rasionalisasi Pengurusan Pembiayaan Perniagaan MARA dan Kawalan Kredit MARA bagi menyediakan perkhidmatan pembiayaan perniagaan dan perkhidmatan pengurusan hutang bagi semua jenis kemudahan pembiayaan MARA.

Aktiviti RCB

i. Pembukaan Cawangan RCB

Pada tahun 2017 RCB telah menubuhkan dua (2) buah pejabat cawangan negeri selari dengan keperluan operasi semasa di Cawangan Negeri Selangor yang telah dilaksanakan pada 20 Julai 2017 dan juga Cawangan Negeri Kelantan pada 12 September 2017. Manakala pejabat Cawangan Pulau Pinang telah mula beroperasi pada 4 September 2017.



Perasmian Pejabat Baru Cawangan RCB di negeri Kelantan dan Selangor yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Abu Seman bin Yusop, Pengurus Rural Capital Berhad

ii. Permerkasaan Kutipan Hutang

Aktiviti kutipan hutang diperkasakan bagi meningkatkan hasil kutipan. Fokus utama RCB adalah untuk meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik semua pembiayaan MARA melalui pembahagian aktiviti kutipan mengikut produk pembiayaan iaitu:

- a. Unit Kualiti dan Pemulihan Kredit (UKPK) bagi Pinjaman Pelajaran MARA
- b. Unit Operasi Cawangan bagi Pembiayaan Perniagaan dan Sewaan Premis Perniagaan



Operasi di Pusat Panggilan RCB

iii. Prestasi Kutipan RCB

Prestasi kutipan RCB bagi tahun 2017 telah meningkat sebanyak 42.89 peratus berbanding dengan prestasi kutipan pada tahun 2016.

Bil	Jenis Kutipan	2017	2016	Peratus Peningkatan (%)
1.	Pinjaman Pelajaran	RM162,228,552	RM119,231,489	36.06
2.	Pembiayaan Perniagaan	RM19,872,701	RM8,212,432	141.98
	Jumlah	RM182,101,253	RM127,443,921	42.89

iv. Pengurusan Pembiayaan Pelajaran RCB

Aktiviti pemprosesan Pinjaman Pelajaran MARA telah beroperasi sepenuhnya di Ibu Pejabat RCB. Sebanyak 10,804 permohonan Pembiayaan Pelajaran telah diproses oleh Unit Pembiayaan Pelajaran (UPP). Daripada jumlah tersebut sebanyak 8,640 pemohon layak menerima Pinjaman Pelajaran MARA.

v. Pelaksanaan Audit ISO/IEC 27001:2013 MARA

UPP RCB telah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan audit ISO/IEC 27001:2013 yang melibatkan sistem pemprosesan Pinjaman Pelajaran MARA menggunakan sistem MyEduloan.

vi. Produk Wasiat Asas

RCB telah melancarkan Kempen Sebarkan Kasih Sayang melalui penjualan Produk Wasiat Asas Amanah Raya Berhad (ARB) untuk mendidik masyarakat membuat penulisan wasiat asas melalui kempen di Portal MARA dan juga MARANet.

ASIA AEROTECHNIC SDN. BHD.

Asia Aerotechnic Sdn. Bhd. (AAT) ditubuhkan pada Mac 2015 dan memulakan operasi secara rasmi pada Oktober 2015. Syarikat ini bergerak aktif dalam bidang *Maintenance, Repair & Overhaul* (MRO) pesawat bagi membantu perkembangan industri aeroangkasa negara di rantau Asia Pasifik dan di peringkat global. AAT juga berperanan penting dalam pembangunan modal insan dan membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada pekerja tempatan seterusnya memenuhi permintaan industri bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju AeroAngkasa Negara 2030 yang bertujuan untuk melahirkan usahawan dalam bidang berkaitan industri aeroangkasa.

Aktiviti AAT

i. Pengiktirafan Antarabangsa

Selain pengiktirafan yang diberikan oleh "Civil Aviation Authority of Malaysia" (CAAM), sehingga kini AAT telah menembusi pasaran antarabangsa dengan mendapat "Certificate of Approval" daripada Gambia CAA, Myanmar DCA, Thailand CAA, Indonesia DGCA, Zimbabwe CAA, Saudi Arabia GACA dan Vietnam DCA.

ii. Pembangunan Modal Insan

Sebagai sokongan kepada Pelan Hala Tuju Aeroangkasa Negara 2030, AAT telah mengambil langkah menyediakan latihan kepada juruteknik pesawat yang berkelayakan untuk mengembangkan kerjaya mereka menjadi Jurutera Pesawat Berlesen (LAE) yang terlatih.



Jurutera Pesawat Berlesen (LAE) sedang melakukan kerja penyelenggaraan pesawat di hangar AAT

MARA INCORPORATED SDN. BHD.

MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) ditubuhkan pada 28 Februari 2008 yang berfungsi sebagai salah satu cabang pelaburan MARA untuk aktiviti-aktiviti komersial dan pelaburan strategik MARA. Dalam jangka masa sepuluh (10) tahun, MARA Inc. telah menceburi beberapa perniagaan strategik seperti pelaburan harta tanah di dalam dan di luar negara, pengurusan hospitaliti dan pengurusan harta tanah serta melaksanakan projek-projek pembangunan harta tanah.

Pasaran Tempatan

MARA Inc. menguruskan salah satu harta tanah MARA iaitu Menara MARA, bangunan 30 tingkat yang terletak di kawasan utama Kuala Lumpur menempatkan tiga perniagaan utama syarikat iaitu hospitaliti, penyewaan komersial dan peruncitan. Menara MARA terdiri daripada Premiera Hotel Kuala Lumpur, pusat beli-belah yang dikenali sebagai BUSANA@MENARAMARA dan ruang pejabat yang disewa kepada syarikat-syarikat yang terkenal di Malaysia.

Pasaran Antarabangsa

Di London, MARA Inc. menguruskan Ashley London Hotel, gabungan tiga buah townhouse (rumah bandar) yang mempunyai 50 buah bilik hotel berkonsepkan reka bentuk Victorian. Manakala Atelier@EC1 ialah sebuah *serviced apartment* perkhidmatan mewah enam (6) tingkat dan Beaumont House iaitu bangunan enam (6) tingkat untuk asrama pelajar yang mempunyai 47 buah bilik.

Di Melbourne, MARA Inc. menguruskan dua (2) harta tanah iaitu bangunan asrama pelajar yang dikenali sebagai Dudley International House; apartmen lima (5) tingkat dan 746 Swanston, bangunan 12 tingkat yang dilengkapi dengan kemudahan am khas untuk para pelajar.

Aktiviti MARA Inc.

1. Pertandingan Instagram Merdeka 2017

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) telah diadakan di Atrium, Aras 1, BUSANA@MENARAMARA. Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan semangat patriotik rakyat Malaysia dalam menyambut Hari Kebangsaan menerusi aplikasi Instagram. Di samping itu, program ini juga dapat mempromosikan penglibatan golongan anak muda dalam merealisasikan dan melaksanakan Program TN50 yang menjadi inisiatif dalam pembangunan negara.



Sambutan Hari Kebangsaan di Menara MARA pada 20 Ogos 2017

2. Festival Hari Malaysia Wilayah Persekutuan

Festival Hari Malaysia Wilayah Persekutuan dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan. Pelbagai acara menarik bagi memeriahkan festival tersebut seperti pertandingan lukisan, persembahan tradisional dan persembahan daripada artis tempatan untuk menarik kira-kira seramai 400 orang pengunjung.



Festival Hari Malaysia Wilayah Persekutuan pada 15 September 2017

3. Instabeez Bazaar - Tahfiz Muda Astro

BUSANA@MENARAMARA telah menganjurkan Instabeez Bazaar seiring dengan program Uji Bakat Astro Oasis Tahfiz Muda yang diadakan di Premiera Hotel Kuala Lumpur.



Instabeez Bazar & Program Uji Bakat Tahfiz Muda anjuran Astro pada 14, 15, 21 dan 22 Oktober 2017

HARTA PRIMA REALTIES SDN. BHD.

Harta Prima Realties Sdn. Bhd. (HPR) telah diberi kepercayaan untuk mereka bentuk dan membina semula bazar MARA bagi merealisasikan hasrat MARA untuk meningkatkan sosioekonomi luar bandar di samping menaikkan imej bazar-bazar perniagaan lama MARA. Usaha ini dilaksanakan melalui Program Transformasi Usahawan Luar Bandar (TRENT) yang memfokuskan pembangunan bazar-bazar perniagaan MARA sedia ada yang usang dan berusia melebihi 20 tahun. Fasa pertama projek TRENT ini dibahagi kepada 4 lokasi iaitu:

- i. Bazar Selendar, Jasin, Melaka;
- ii. Bazar Simpang Gelami, Jelebu, Negeri Sembilan;
- iii. Bazar Bangi Lama, Hulu Selangor, Selangor; dan
- iv. Bazar Batu Laut, Kuala Selangor, Selangor



Cadangan Konsep:

1. Bazar Batu Laut, Kuala Selangor, Selangor
2. Bazar Simpang Gelami, Jelebu, Negeri Sembilan
3. Bazar Selendar, Jasin, Melaka
4. Bazar Bangi Lama, Hulu Selangor, Selangor


MARA CORPORATION SDN. BHD.



MoU antara MARA dan *March Global LLC* (*March Global*) pada 28 Mac 2017 bertempat di Hotel JW Mariott, Kuala Lumpur



MoU antara MARA dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersempena LIMA '17 pada 23 Mac 2017



MoU antara MARA dan General Electric International Malaysia (GE) pada 21 Mac 2017 bersempena LIMA '17

MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corporation) telah melaksanakan aktiviti penyusunan semula di bawah program transformasi pelaburan MARA. Transformasi ini melibatkan penyepaduan program-program berinovasi tinggi dan bertaraf dunia ke dalam portfolio pelaburan sedia ada melalui sektor-sektor utamanya iaitu pendidikan, perkhidmatan kewangan, hartanah, peruncitan, aeroangkasa dan perkhidmatan perniagaan.

1. Memorandum Persefahaman (MoU) antara MARA dan March Global LLC (March Global) pada 28 Mac 2017

Melalui MoU ini, perkongsian kepakaran dalam aspek latihan, penyaluran maklumat, perkongsian teknologi serta usaha-usaha inovasi ke arah meningkatkan kapasiti dan kemampuan kedua-dua pihak dapat dilaksanakan. Usaha ini untuk membangunkan teknologi aeroangkasa terutamanya dalam pembangunan modal insan.

2. Memorandum Persefahaman (MoU) antara MARA dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada 23 Mac 2017

MoU ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam sektor pendidikan bagi keperluan pembangunan modal insan, melalui satu program yang dikenali sebagai *Strategic Talent Accreditation Recognition* (STAR). Program STAR merangkumi beberapa inisiatif yang memberi peluang kepada anggota TLDM untuk mendapatkan kelayakan akademik dan teknikal bertaraf dunia semasa perkhidmatan mereka. MARA Corporation berperanan sebagai pengurus kepada program STAR.

3. Memorandum Persefahaman (MoU) MARA dan General Electric International Malaysia (GE) pada 21 Mac 2017

MoU ini merupakan usaha untuk memperkuuh kerjasama dalam bidang aeroangkasa dan industri-industri yang berkaitan, selaras dengan strategi negara untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah hub pilihan utama industri aeroangkasa global.

4. Memorandum Persefahaman (MoU) antara MARA Corporation dan MOL AccessPortal Sdn. Bhd. pada 23 Disember 2017

Usaha ini merupakan kerjasama antara MARA Corporation dan MOL Access Portal Sdn. Bhd. dalam pembangunan platform e-Pembayaran sebagai salah satu elemen sokongan bagi melengkapkan ekosistem industri peruncitan MARA CORP serta untuk kegunaan dalam kalangan komuniti MARA. Pemeterai MoU itu juga sekali gus membuka ruang kepada MARA Corporation untuk meneroka peluang usaha sama dalam memperkasakan komuniti dan usahawan melalui gerbang pembayaran elektronik dan e-dompet yang disokong oleh teknologi kewangan (Fintech) MOL.

5. Memorandum Perjanjian (MoA) antara MARA dan TAKEX Corporation Ltd. pada 14 November 2017

Kerjasama strategik ini bertujuan untuk pengedaran produk-produk keluaran TAKEX, terutamanya produk halal untuk pasaran Malaysia dan Asian serta pasaran Jepun melalui platform MARA-OISCA. Selain itu, MARA-OISCA juga menyediakan perkongsian perkhidmatan global (*Global Shared Services*) dalam bidang sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat, perundungan dan kesetiausahaan syarikat bagi menyokong usaha-usaha penjenamaan TAKEX di Malaysia.



MoU antara MARA Corporation dan MOL AccessPortal Sdn. Bhd. pada 23 Disember 2017



MoA antara MARA Corporation dan Takex Corporation Ltd. semasa Program MARA-OISCA International Business Forum 2017 pada 14 November 2017 di Magelan Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah



06

Sektor Khidmat Pengurusan

- Pembangunan Sumber Manusia
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Aset dan Perolehan
- Pengurusan Teknologi Maklumat
- Binaan dan Selenggaraan
- Pengurusan Risiko dan Inspektorat

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

Bil	Inisiatif	Sasaran 2017	Pencapaian 2017	Peratus (%)
1.	Latihan Staf	100% staf mengikuti latihan/ kursus tidak kurang dari tujuh (7) hari setahun	100%	100
2.	Pembangunan Bakat	200 orang warga kerja MARA mengikuti pengajian/ kursus (jangka panjang) setiap tahun	775 orang	388
3.	Pembangunan Sistem Pangkalan Data	Penyempurnaan pangkalan data 20% dalam tempoh setahun	20%	100

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Sumber Manusia (BSM) ialah satu bahagian dalam pengurusan yang mempunyai hubungan yang rapat sesama individu. Tujuan bahagian ini adalah untuk membantu organisasi memberi kepuasan kepada keperluan luaran pelanggan. Signifikannya BSM dalam mengatur strategi pembangunan sumber manusia menjadi kunci kepada kejayaan keseluruhan organisasi.

BSM mendedikasikan pelaksanaan amanah rakyat dalam menzahirkan modal insan cemerlang yang bersifat holistik dan bertaraf global. Hal ini bertujuan mencapai keperluan guna tenaga mahir negara ke arah mencipta peluang kekayaan. Kerjasama antara cawangan yang erat dalam sumber manusia dapat meneruskan momentum sinergi kekuatan modal insan MARA. Seramai 11,283 warga kerja yang berkhidmat mengikut sektor dan kumpulan bertanggungjawab menggalas amanah rakyat mendepani aspirasi transformasi MARA.

Kedudukan Pengisian Jawatan Mengikut Sektor/ Bahagian Dalam Perkhidmatan MARA Setakat 31 Disember 2017

Bil	Sektor	Pengurusan Tertinggi		Profesional		Pelaksana		Jumlah	
		Peruntukan	Pengisian	Peruntukan	Pengisian	Peruntukan	Pengisian	Peruntukan	Pengisian
1.	Jabatan Ketua Pengarah	5	6	79	83	96	121	180	210
2.	Pejabat MARA Negeri	6	6	200	195	775	767	981	968
3.	Pendidikan	4	4	5,975	5,701	4,079	3,580	10,058	9,285
4.	Keusahawanan	2	3	70	49	64	45	136	97
5.	Khidmat Pengurusan	2	2	169	189	458	401	629	592
6.	Pelaburan	1	1	46	33	154	97	201	131
	Jumlah Keseluruhan	20	22	6,539	6,250	5,626	5,011	12,185	11,283

1. Pembangunan Staf

Prestasi Program Pembangunan Staf MARA bagi tahun 2017 telah merekodkan 100 peratus warga kerja menghadiri latihan iaitu seperti yang ditetapkan, tidak kurang dari tujuh (7) hari setahun. Hal ini menunjukkan peningkatan 12.6 peratus bilangan program dan 25.3 peratus bilangan penyertaan berbanding tahun sebelumnya. Ringkasan pencapaian bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

Bil	Sektor	2017		2016	
		Bil. Program	Bil. Peserta	Bil Program	Bil. Peserta
1	Fungsional	2,521	49,885	2,213	36,614
2	Generik	2,077	60,193	1,773	50,092
3	Kepemimpinan	284	5,939	349	5,898
	Jumlah	4,882	116,017	4,335	92,604

Peningkatan ini didorong oleh pelaksanaan latihan secara atas talian iaitu *Flexible Learning Environment Experience* (FLEX). Program ini memberi fleksibiliti dan kemudahan kepada para peserta untuk mengikuti latihan kerana boleh diakses pada bila-bila masa.

2. Program Pembangunan Bakat

Pembentukan barisan kepimpinan pada masa hadapan adalah penting bagi menjamin kemampanan sesebuah organisasi. Justeru, MARA telah melaksanakan program kepimpinan yang diharap dapat membentuk barisan kepimpinan yang memiliki kompetensi dalam aspek pembangunan diri dan sahsiah, keusahawanan, pengurusan strategik, kewangan dan komunikasi. Program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. *Emerging Leadership Development Program* (ELDP).
- ii. *Achievement Motivation Training* (AMT).
- iii. *Business Management Training* (BMT).
- iv. *Thinking Tools and Lateral Thinking Edward De Bono*.
- v. Pembangunan Kompetensi Pegawai-pegawai Sektor Keusahawanan.



Emerging Leadership Development Program (ELDP)



Business Management Training (BMT)



Program Pembangunan Kompetensi Pegawai-pegawai Sektor Keusahawanan

3. Program Jangka Pendek Luar Negara

Program ini dirangka bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai dalam aspek kepimpinan, organisasi dan cabaran-cabaran global ketika melalui program di peringkat antarabangsa. Platform ini juga boleh mengeratkan rangkaian perhubungan antarabangsa serta memberi peluang untuk mempelajari, mengamalkan budaya dan etika kerja sektor korporat antarabangsa.



1. 19th International Conference on Management, Finance and Accounting 2017, Spain
2. Capacity Building Program by OECD Korea Policy Centre, Korea
3. ADE Academy Australia 2017, Australia
4. 4th Islamic Practices and Development Training 2017, UAE

4. Program Pembangunan Kerjaya

MARA telah menyediakan ekosistem yang menggalakkan pembudayaan ilmu dan peningkatan kerjaya dalam kalangan warga kerjanya melalui peluang pendidikan. Program pembangunan kerjaya dibangunkan dengan struktur pengajian yang menawarkan fleksibiliti melalui empat (4) kategori iaitu:

- i. Program Pengajian Separuh Masa secara *In-House*
- ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)
- iii. Pengajian Luar Kampus (PLK)
- iv. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Kejayaan yang dicapai sepanjang 2017 memberi gambaran bahawa program yang dijalankan menyuntik semangat kepada semua warga MARA untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*). Pencapaian tersebut adalah seperti yang berikut:

Bil	Program	CBBP	CBTG	<i>In House</i>	PLK	Jumlah
1	Ph.D	3	2	27	12	44
2	Sarjana	-	-	14	85	99
3	Sarjana Muda	-	-	21	64	85
	Jumlah	3	2	62	161	228



Kejayaan-kejayaan warga MARA yang telah tamat mengikuti program secara *In-House*, CBBP, PLK dan CBTG

Pencapaian 2017

Pada tahun 2017, BSM telah meneruskan budaya kecemerlangan apabila menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan selaras dengan transformasi MARA 2.0. Pengiktirafan ini menjadi tunjang ke arah pengukuhan modal insan untuk mencipta inspirasi kejayaan dalam mendepani cabaran yang mendatang.

1. Anugerah *Global Leadership* 2017

MARA telah memenangi award bagi kategori *Leadership Excellence in Community Development* pada 27 April 2017. Pengiktirafan tersebut diberikan kerana kepimpinan yang tulen dan memperkenalkan kecemerlangan individu dan organisasi kepimpinan melalui demonstrasi inisiatif cemerlang, kesan daripada kerja dan inspirasi kepada masyarakat.

2. Anugerah Penarafan Bintang TASKA MARA (KOPUTRI)

Taska MARA (KOPUTRI) telah menerima pengiktirafan Bintang bersempena dengan Majlis Apresiasi & Penarafan Bintang TASKA Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 27 September 2017. Penganugerahan ini memberi pengiktirafan kepada TASKA MARA di bawah seliaan BSM.



Anugerah *Global Leadership* 2017 memperlihatkan kecemerlangan kepimpinan dalam organisasi MARA



Anugerah Penarafan Bintang TASKA MARA (KOPUTRI) menunjukkan kecekapan pengurusan TASKA MARA

PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2017, MARA telah diluluskan Bajet Mengurus berjumlah RM1,509,385,000. Jumlah ini adalah bertujuan memperkuuh tadbir urus untuk memperkasa ekonomi Bumiputera terutamanya dalam aktiviti keusahawanan, pendidikan, pelaburan dan khidmat pengurusan. Jumlah pengurusan kewangan adalah seperti yang berikut:

Perkara	2017			2016		
	Peruntukan	Perbelanjaan	%	Peruntukan	Perbelanjaan	(%)
Penganjuran pelajaran *	-	-	-	2,014,921,400	2,014,921,400	100.00
Belanja operasi	1,509,385,000	1,505,163,891	99.72	1,593,628,847	1,545,868,923	97.00
Jumlah keseluruhan	1,509,385,000	1,505,163,891	99.72	3,608,550,247	3,560,790,323	98.68

* Peruntukan Program Penganjuran Pelajaran bagi tahun 2017 diterima dalam Bajet Pembangunan MARA

Hal ini sejajar dengan hasrat MARA untuk menambah baik dan mengekalkan kecekapan dalam pengurusan kewangan. Fokus MARA tertumpu kepada usaha yang berterusan bagi meningkatkan kualiti dan inovasi dalam pengurusan kewangan dan strategi untuk menjana pendapatan dan penjimatan.

Kualiti dalam Pengurusan Kewangan

- Tahun 2017 ialah tahun kedua MARA menerima pakai *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dalam penyediaan Penyata Kewangan. Pemakaian piawaian perakaunan MFRS ini setanding dengan piawaian antarabangsa iaitu *International Financial Reporting Standards* (IFRS).

Inovasi dalam Pengurusan Kewangan

i. Kemudahan Bayaran Menggunakan Kad Debit

Kemudahan bayaran balik menggunakan kad debit adalah penambahan saluran bagi peminjam membuat bayaran balik pinjaman kepada MARA. Peminjam boleh membuat bayaran balik di semua pejabat MARA Negeri dan MARA Daerah di seluruh Malaysia. Semua *bill collector* di pusat-pusat tersebut juga dibekalkan dengan terminal *Electronic Data Capture* (EDC) bagi memudahkan peminjam membuat bayaran apabila *bill collector* berurus dengan pelanggan.

ii. Kemudahan Pembayaran Yuran Pengajian Secara *Electronic Fund Transfer* (RCM-EFT)

Pelaksanaan bayaran yuran pengajian kepada pihak institusi pendidikan dalam negara dibuat secara berperingkat. Kemudahan ini dapat memantau pengaliran tunai secara terkawal.

iii. Sistem Pelaburan MARA

Sistem ini menyediakan platform bagi aktiviti pelaburan jangka pendek di institusi kewangan oleh Bahagian Kewangan. Sistem ini melibatkan pengurusan tunai keseluruhan MARA merangkumi dua jenis kontrak seperti yang berikut:

- Kontrak mudharabah < 1 bulan
- Kontrak mudharabah 1-3 bulan

Sistem ini telah meningkatkan produktiviti kerana data dapat diperoleh dengan lebih cepat dan tepat sekali gus, meningkatkan kecekapan dalam laporan aktiviti pelaburan jangka pendek dan jangka panjang MARA.

Strategi Menjana Pendapatan dan Penjimatan

Strategi ini telah dilaksanakan melalui inisiatif berikut :

- i. Keuntungan Pelaburan jangka pendek sebanyak RM27,347,374 dan pelaburan jangka panjang sebanyak RM436,653. Manakala keuntungan/hibah bank yang diperolehi adalah sebanyak RM950,550.
- ii. Keuntungan atau hibah yang diperoleh melalui *Sweeping Account* sebanyak RM535,247 dengan kadar faedah harian sebanyak 1% hingga 4%.
- iii. Penjimatan melalui pertukaran mata wang asing untuk penghantaran wang ke pejabat luar negara bagi tahun 2017 sebanyak RM350,470.



Pelancaran Electronic Data Capture (EDC) Terminal bersempena Sesi Townhall bersama Ketua Pengarah MARA pada 19 Julai 2017



MARA telah menerima Sijil Audit Bersih kali ke-16 bagi Penyata Kewangan Tahun 2017

PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN

Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan (BAP) bertanggungjawab dalam menguruskan keseluruhan aset alih dan tidak alih MARA, perolehan, fasiliti di dalam serta di luar ibu pejabat dan pemantauan pentadbiran kontrak MARA (bekalan alatan dan perkhidmatan). Objektif utama bahagian ini dikhususkan kepada empat aktiviti utama BAP iaitu pengurusan aset, perolehan, pentadbiran kontrak dan fasiliti iaitu:

- Memastikan aset diuruskan dengan cekap dan sistematik
- Menguruskan perolehan secara telus dan berintegriti
- Menyediakan fasiliti yang bersih, selesa dan selamat
- Memastikan tadbir urus kontrak secara efisyen dan efektif

1. Pengurusan Aset

Pegangan ekuiti dan pemilikan aset ditingkatkan untuk bumiputera melalui tadbir urus yang profesional serta mengamalkan integriti yang tinggi selain memastikan penggunaan aset milik MARA secara optimum dan memaksimumkan nilai setiap aset tersebut melalui sistem penyampaian yang cekap dan komprehensif. Berikut adalah aset yang dimiliki oleh MARA:

Aset	2016	2017
Tanah	2,994 lot	3,020 lot
Bangunan	2,445 unit	2,458 unit
Kenderaan	761 unit	799 unit
Alatan	217,926 unit	222,924 unit

2. Perolehan

Proses perolehan awam dilaksanakan secara profesional, cekap dan berkesan iaitu adil dan terbuka dengan mengamalkan integriti yang tinggi, kepercayaan awam serta pematuhan kepada dasar/ prosedur yang berkuatkuasa. Berikut adalah perolehan yang dilaksanakan oleh MARA:

Perolehan	2016	2017
Bekalan	59	40
Perkhidmatan	57	37

3. Sistem Perolehan Elektronik (SPE)

SPE membolehkan perolehan dilaksana secara atas talian dan telus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan MARA.

Tahun	Pembelian Terus	E-Bidding
2017	Jumlah Perolehan: 1,223 Nilai: RM3,797,879.82	Jumlah Sesi: 7 Nilai: RM27,549,934.00
2016	Jumlah Perolehan: 1,882 Nilai: RM8,018,815.29	Jumlah Sesi: 7 Nilai: RM22,591,920.00

4. Pentadbiran Kontrak

Menyempurnakan proses perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut ketetapan yang terkandung dalam perjanjian kontrak.

Tahun	Bekalan			Perkhidmatan	
	Engagement	Pemantauan Projek Siap	Kursus/ Bengkel	Pemantauan	Kursus/ Bengkel
2017	50	5	1	43	4
2016	54	8	1	40	1

5. Pengurusan Fasiliti

BAP menyediakan kemudahan-kemudahan untuk warga kerja MARA seperti kuarters, rumah rehat dan kenderaan bagi persekitaran yang kondusif dan selamat.

Fasiliti	2016	2017
Kuarters	144 unit	142 unit
Rumah Rehat	37 unit	39 unit
Kenderaan di Ibu Pejabat	79 unit	79 unit

i. Sistem Tempahan Rumah Rehat

Sistem tempahan rumah rehat adalah suatu kaedah yang memudahkan urusan tempahan rumah rehat dengan telus dan adil. Sejumlah 3,837 permohonan berjumlah RM252,170.00 telah diterima pada tahun 2017.

ii. Sistem Tempahan Kenderaan (e-Fasiliti)

Sistem Tempahan Kenderaan iaitu e-Fasiliti ialah sistem kemudahan yang disediakan kepada warga kerja MARA khusus untuk mengurus tempahan kenderaan guna sama MARA mengikut prosedur yang ditetapkan. Sejumlah 11,285 permohonan telah diterima pada tahun 2017.

6. Senggaraan Ibu Pejabat

Menguruskan fasiliti senggaraan, kebersihan serta landskap di bangunan MARA diuruskan dengan cekap.

Senggaraan Ibu Pejabat	2016	2017
Bilangan Projek	115	113

7. Polis Bantuan

Polis Bantuan bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan Ibu Pejabat MARA mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

Tahun	Pengisian
2017	35 orang pelbagai pangkat
2016	30 orang pelbagai pangkat

MARA telah melaksanakan Kursus Pengendalian Makanan Bermasak MARA 2017 pada 24 hingga 26 September 2017. Kursus yang dianjurkan oleh MARA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai satu usaha berterusan bersama dengan kontraktor untuk menambah baik perkhidmatan penyediaan makanan bermasak halal kepada para pelajar MRSM.



Kursus Pengendalian Makanan Bermasak MARA pada 24 hingga 26 September 2017 dengan Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

MARA telah berjaya mengekalkan kecekapan pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada tahap optimum melalui pelaksanaan inisiatif ICT seperti yang berikut:

1. *Information Security Management System (ISMS)*

Pada 14 April 2017, MARA berjaya memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd. ISO/IEC 27001:2013. Pensijilan ini merupakan satu piawaian bertulis yang mengariskan asas-asas utama bagi mewujud, melaksana, menyelenggara dan menambah baik sistem pengurusan keselamatan maklumat dalam sesebuah organisasi. Pensijilan ini membantu MARA menjadi sebuah organisasi yang mempunyai tahap pengurusan keselamatan maklumat yang cemerlang dengan menyediakan spesifikasi dan kawalan-kawalan bagi melindungi keselamatan aset maklumat dan seterusnya meningkatkan integriti serta keyakinan pelanggan kepada MARA.

2. Aplikasi *Gallery of eMobile Services (GeMS)*

Aplikasi GeMS bertujuan untuk menghubungkan masyarakat awam dengan warga MARA melalui teknologi interaktif aplikasi mudah alih (*mobile apps*). Inovasi yang diperkenalkan oleh MARA ini seiring dengan kepesatan teknologi mudah alih yang menjadi teras kepada Industri 4.0.



Paparan muka hadapan GeMS

3. Sistem Pendaftaran *Online* (e-Daftar)

Bahagian Teknologi Maklumat telah membangunkan sistem Pendaftaran *Online* (e-Daftar) yang berfungsi untuk merekod kehadiran peserta ke kursus dan program. Antara impak positif dalam perlaksanaan sistem ini ialah menjadikan proses pendaftaran lebih efisien dan menjimatkan masa dan maklumat peserta adalah tepat.



Paparan muka hadapan e-Daftar MARA


BINAAN DAN SELENGGARAAN

Fungsi utama Bahagian Binaan dan Selenggaraan (BBS) adalah melaksana dan mengawal aktiviti pengurusan pembinaan dan selenggaraan mengikut dasar dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Fungsi ini dilaksanakan meliputi dua (2) aspek iaitu pembinaan projek baharu dan penyelenggaraan projek baharu/sedia ada.

Pembinaan melibatkan urusan pembinaan projek baharu, pembinaan bangunan tambahan dan menaiktaraf bangunan sedia ada, manakala selenggaraan meliputi skop kerja seperti kerja baik pulih, dan peningkatan imej bangunan. Sepanjang tahun 2017, MARA telah mengurus dan melaksanakan aktiviti projek pembinaan dan selenggaraan seperti berikut:

Bil	Projek 2017	Jumlah Dilaksanakan	Jumlah Siap (CPC)	Jumlah CF/CCC
1.	Pembinaan	90	12	5
2.	Selenggaraan	36	8	1
	Jumlah	126	20	6

Projek Pembinaan




1. Pembinaan GiatMARA Bagan Datuk, Perak
2. Pembinaan Surau IKM Tan Sri Yahya Ahmad (TSYA), Pekan, Pahang
3. Medan Selera Kuala Perlis, Perlis
4. Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Bukit Bunga, Jeli, Kelantan
5. Kerja-kerja mengganti tangki air di MRSK Kuala Berang, Terengganu

Projek Selenggaraan



PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT



1. Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Pegawai Pengelas (PP) dan HIRARC
2. Kursus Pengurusan Risiko
3. Bengkel Klasifikasi Fail MARA
4. Taklimat Sistem e-Vetting

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat (BPIN) berperanan untuk merangka strategi dan menganalisis risiko yang berkemungkinan dihadapi oleh MARA dan seterusnya mencadangkan dan merangka strategi kawalan yang diperlukan. Pengurusan Risiko harus diutamakan dalam usaha MARA untuk mencapai tahap prestasi tinggi dan pematuhan kepada peraturan serta standard yang ditetapkan.

1. Program Keselamatan MARA

Bagi meningkatkan kesedaran dan pembudayaan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, BPIN telah mengadakan sesi perkongsian maklumat bersama pihak berkuasa tempatan seperti Arkib Negara Malaysia (ANM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pemantapan keselamatan diperluaskan kepada semua pusat Pentadbiran MARA melalui kursus, bengkel dan taklimat seperti:

- i. Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Pegawai Pengelas (PP) dan Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) telah dilaksanakan sebanyak tujuh (7) sesi mengikut zon yang melibatkan semua Pegawai Mengawal Pusat (PMP).
- ii. Bengkel Keselamatan Pengendalian Bahan Sulit Peperiksaan dan Dokumen Tender/Sebut harga yang melibatkan bahagian dalaman MARA yang menguruskan peperiksaan dan perolehan.
- iii. Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail MARA yang melibatkan 25 bahagian/unit di Ibu Pejabat MARA.
- iv. Kursus Orang Bertanggungjawab (OB) Zon Selatan di Institut Kemahiran MARA Johor Bahru.
- v. Taklimat Pelaksanaan Sistem e-Vetting yang melibatkan bahagian dan Kontraktor/Vendor di Ibu Pejabat MARA.

Panduan dan arahan kepada warga kerja juga dilaksanakan melalui Pekeling Keselamatan MARA, Pemeriksaan dan Senggaraan Sistem Pendawaian Elektrik di Premis MARA dan mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Juga melaksanakan surat edaran Notis Pendaftaran lesen kelas tempat rawatan kumbahan di pusat pentadbiran MARA juga dilaksanakan.

2. Standard dan Kualiti

2.1 MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)

Pelaksanaan Pensijilan MARA Quality System (MQS) ialah satu inisiatif baharu yang memfokuskan kepada tiga (3) elemen utama iaitu budaya korporat, persekitaran kondusif yang merangkumi komponen keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keselamatan perlindungan serta kreatif dan inovasi.

Pusat yang memenuhi kriteria kualiti standard yang ditetapkan akan dianugerahkan dengan persijilan MQS. Pada tahun 2017, sebanyak tujuh (7) pusat berjaya mendapat pensijilan MQS.

2.2 Penarafan Bintang Institusi Pendidikan MARA (Star Rating in MARA Institution - STRIM)

Penarafan Bintang Institusi Pendidikan MARA (IPMa) merangkumi dua (2) aspek iaitu Penilaian Pengurusan Pendidikan dan Penilaian aspek pengurusan fasiliti dan aset MARA. Objektif STRIM adalah untuk memastikan IPMa mematuhi aspek kebersihan, keceriaan, kesihatan dan keselamatan di samping memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPMa dilaksanakan mengikut standard yang ditetapkan. IPMa yang mendapat markah 90% daripada kriteria yang ditetapkan akan dianugerahkan sijil STRIM – 5 Bintang. Lawatan verifikasi bagi tujuan penarafan bintang untuk IPMa akan bermula pada Januari 2018.

3. Lawatan Inspektorat

Lawatan Inspektorat dilakukan secara berkala dan berterusan untuk memastikan keselamatan, peningkatan kualiti tadbir urus dan imej di pusat Pentadbiran MARA berada di tahap yang memuaskan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 97 pusat telah dilawati.

3.1 Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

- Memastikan dokumentasi rekod persediaan mengajar, refleksi guru, intervensi pelajar dan dokumen yang berkaitan dengan tugas guru mematuhi standard pendidikan MARA.
- Memastikan elemen-elemen yang terdapat dalam Standard Pendidikan MARA (SPMa) dipatuhi oleh pusat pendidikan MARA.



Pemantauan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di IPMa

3.2 Pelaksanaan Program Amal Islami

- Pembudayaan cara hidup berorientasikan islamik dapat diterapkan melalui aktiviti kerohanian seperti pelaksanaan mini ulul albab, solat berjemaah dan bacaan Yasin.



Pelaksanaan program Amal Islami di institusi-institusi pendidikan MARA (IPMa)

3.3 Peningkatan Kualiti Fasiliti dan Selenggaraan

- Penambahbaikan aset dan fasiliti di pusat pentadbiran MARA dapat ditingkatkan
- Pematuhan kepada akta atau peraturan keselamatan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- Memenuhi spesifikasi pembekalan makanan di Dewan Selera seperti yang ditetapkan.
- Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.



Lawatan Inspektorat ke pusat-pusat pentadbiran MARA

07

Penilaian *Outcome* Projek Dan Program MARA

PENILAIAN OUTCOME PROJEK DAN PROGRAM MARA

Penilaian *outcome* ke atas projek dan program merupakan agenda yang perlu dilaksanakan oleh setiap kementerian, jabatan serta agensi kerajaan seperti arahan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 1/2012. Melalui penilaian *outcome*, semua projek dan program dapat dinilai mengikut piawaian yang telah ditetapkan daripada pelbagai aspek terutama spesifikasi kerja, tempoh masa, kos dan kualiti *output* dengan merangkumi *outcome* dan impak yang dihasilkan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Empat (4) kajian telah dijalankan pada tahun 2017 berfokus kepada keberkesanan program keusahawanan dan perkhidmatan MARA iaitu:

1. Program *Mobile Technical Service* (MTS) di Institut Kemahiran MARA (IKM).
2. Program Insentif Inkubator GiatMARA.
3. Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Gemencheh, Negeri Sembilan.
4. Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE).

1. Kajian Penilaian *Outcome* Program *Mobile Technical Service* (MTS) di Institut Kemahiran MARA (IKM)

Objektif kajian program ini ialah:

- i. Mengaplikasikan pembelajaran teknikal secara *experiential learning* di dalam situasi sebenar yang berkonsepkan *Mobile Technical Service* atau (MTS).
- ii. Menyediakan platform teknousahawan kepada pelajar.
- iii. Menghasilkan penjenamaan (branding) perkhidmatan yang tersendiri.

Kajian Penilaian *Outcome* tahun 2017 bagi Program *Mobile Technical Service* (MTS) di Institut Kemahiran MARA (IKM) mendapati:

Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
1.	Menyedia Perkhidmatan MTS dalam bidang terpilih.	Penyediaan perkhidmatan MTS dalam bidang terpilih di IKM.	Lima (5) bidang telah ditawarkan iaitu Mekanikal, Awam, Elektrik, Perabot dan Penyamanan Udara.
2.	Peserta mampu menjana pendapatan bulanan lebih RM3,000.	30% peserta mampu menjana pendapatan bulanan lebih RM3,000.	42% peserta mampu menjana pendapatan bulanan melebihi RM3,000.
3.	Jumlah peserta menceburi bidang perniagaan selepas enam (6) bulan menamatkan pembelajaran.	30% peserta menceburi bidang perniagaan selepas enam (6) bulan menamatkan pembelajaran.	83% peserta menceburi bidang perniagaan selepas enam (6) bulan menamatkan pembelajaran.
Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Kumpulan dan MARA sepanjang tahun kewangan semasa.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan oleh Majlis MARA melalui Resolusi Pekeliling bertarikh 20 Ogos 2018.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**2.1 Piawaian pematuhan**

Penyata kewangan Kumpulan dan MARA telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRSs – *Malaysian Financial Reporting Standards*) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRSs – *International Financial Reporting Standards*).

2.2 Perubahan polisi perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan MARA adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya kecuali Pindaan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti berikut:

Pada 1 Januari 2017, Kumpulan dan MARA telah menerima pakai penambahbaikan kepada Piawaian Perakaunan MFRS, Pindaan dan Interpretasi kepada piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017.

Piawaian	Keterangan
MFRS 12	Pindaan kepada MFRS 12, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2014 - 2017
MFRS 107	Pindaan kepada MFRS 107, Penyata Aliran Tunai: Inisiatif Pendedahan
MFRS 112	Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan: Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian tidak direalisasi

Pemakaian pindaan yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kesan ketara ke atas pendedahan atau amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan MARA belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan MARA bercadang untuk menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, Instrumen Kewangan
- MFRS 15, Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan
- Pindaan kepada MFRS 2, Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Pembayaran berdasarkan Saham
- Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama
- Pindaan kepada MFRS 140, Pindahan Pelaburan Hartanah
- Tafsiran IC 22, Transaksi Matawang Asing dan Pertimbangan Awal

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, Pajakan
- Pindaan kepada MFRS 3, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2017
- Pindaan kepada MFRS 9, Ciri-ciri Prabayar dengan Pampasan Negatif
- Pindaan kepada MFRS 11, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2017
- Pindaan kepada MFRS 112, Penambahbaikan tahunan kepada kitaran MFRS 2015 – 2017
- Pindaan kepada MFRS 123, Kos Pinjaman
- Pindaan kepada MFRS 128, Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama
- Tafsiran IC 23, Ketidakpastian mengenai Kaedah Perakaunan Cukai Pendapatan

Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, Kontrak Insurans

Kumpulan dan MARA akan menerima pakai, yang mana berkenaan, piawaian-piawaian di atas apabila ia berkuatkuasa. Pemakaian piawaian dan pindaan di atas dijangka tidak memberi kesan material ke atas pendedahan atau amaun yang diiktiraf di penyata kewangan Kumpulan.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)****2.4 Asas Pengukuran**

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.5 Mata wang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu mata wang fungsian untuk MARA.

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaiān

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

a. Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan :

i. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang dan Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai samada wujudnya bukti yang objektif bahawa rosot nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan itu adalah tertakluk kepada kajian rosot nilai. Dalam menjalankan semakan rosot nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

ii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke untung atau rugi. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

iii. Rosot Nilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu

Penilaian dibuat samada terdapat sebarang petunjuk bahawa pelaburan dalam syarikat subsidiari dan kepentingan dalam syarikat bersekutu mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Kumpulan menentukan sama ada pelburannya mengalami penjejasan berikutnya tanda-tanda rosot nilai seperti, antara lain, penurunan nilai berpanjangan di antara nilai pasaran atau nilai saksama dan amaun bawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjelaskan pelaburan dan prestasi kewangan pelaburan merosot disebabkan oleh perubahan yang diperhatikan dalam persekitaran ekonomi.

b. Anggaran dan Andaiān

Andaiān utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah bawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang diterangkan di bawah. Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

i. Rosot Nilai Atas Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu

Sekiranya tanda-tanda rosot nilai wujud, pelaburan tersebut tertakluk kepada semakan rosot nilai. Semakan rosot nilai meliputi perbandingan di antara amaun bawa pelaburan dan anggaran jumlah jangkaan pelaburan boleh pulih.

Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan, pertimbangan dibuat untuk memilih kaedah penilaian sesuai seperti, antara lain, nilai aset bersih, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urus niaga yang paling terkini. Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, Kumpulan dan MARA membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh pulih daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap nilai bawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan MARA termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskau yang digunakan untuk mendiskaukan aliran tunai masa hadapan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa hadapan berdasarkan arah aliran tertentu masa lalu.

Oleh kerana kepekaan yang tinggi terhadap perubahan dalam andaian, Kumpulan dan MARA percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan di atas boleh menyebabkan nilai bawa pelaburan melebihi dengan ketara daripada jumlah boleh pulih.

ii. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Untuk menganggarkan kerugian kemerosotan nilai ke atas aset kewangan dipegang sehingga matang, penilaian dibuat sama ada terdapatnya bukti objektif kemerosotan nilai wujud akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku dan peristiwa kerugian yang mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan pelaburan kewangan.

Apabila terdapat bukti objektif rosot nilai, rosot nilai diiktiraf sebagai perbezaan di antara kos perolehan dan nilai semasa aliran tunai pada masa hadapan, ditolak sebarang rosot nilai diiktiraf sebelumnya.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)****2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian****iii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual****Nilai Atas Ekuiti**

Bagi pelaburan ekuiti, rosot nilai tidak dikenal pasti berdasarkan analisa terhadap aliran tunai sebagaimana instrumen hutang di atas. Ia terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjut bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

iv. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Untuk menentukan rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Untuk menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh realis bersih cagaran.

v. Penilaian Hartanah Pelaburan

Taksiran nilai saksama bagi hartaanah pelaburan diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartaanah yang sama dan dilakukan oleh penilai berkelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartaanah yang dimilai.

vi. Cukai Tertunda Dan Cukai Pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

vii. Gantian Cuti Rehat

Nilai semasa obligasi gantian cuti rehat merujuk kepada anggaran perkiraan cuti rehat terkumpul layak dibayar sebagai balasan apabila kakitangan bersara bagi kumpulan kakitangan tertentu yang masih berkhidmat pada akhir tahun kewangan. Anggaran adalah berdasarkan gaji semasa kakitangan pada akhir tahun kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan MARA dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan MARA serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesetengah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status syarikat subsidiari akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.13b.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan syarikat subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, syarikat subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan ditaksir pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya ditaksir mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibbah seperti di Nota 3.8b. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih syarikat subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (sambungan)**

Kepentingan bukan kawalan ditaksir pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti syarikat subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amanah terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikenalpasti dalam MARA ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksama daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan selaras dengan MFRS 139. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berdasarkan ekuiti atau aset kewangan sedia dijual bergantung kepada tahap pengaruh yang dikenalpasti.

3.3 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk muhibbah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rosot nilai terkumpul atas muhibbah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf ke untung atau rugi dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos beserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian aset bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu berkenaan.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.13b.

3.4 Mata Wang Asing**a. Transaksi dan Baki Dalam Mata Wang Asing**

Transaksi dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsian masing-masing bagi syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berakhiri tahun kewangan.

Perkara-perkara bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Lain-Lain pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab terjemahan mata wang asing di penyata kedudukan Kewangan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan ke untung atau rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus ke penyata kedudukan kewangan.

b. Operasi Asing

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan iaitu Ringgit Malaysia (“RM”) dalam penyata kewangan disatukan diterjemah kepada RM seperti berikut:

- i. Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh berakhir tahun kewangan;
- ii. Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata untung rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi, dan
- iii. Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain menerusi rizab pertukaran mata wang asing.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.5 Instrumen Kewangan****a. Pengiktirafan dan Taksiran Awal**

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui untung rugi). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Pegutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

b. Pengelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikut

Pengelasan aset kewangan berdasarkan MFRS 139 adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan dilabur oleh Kumpulan dan MARA. Kumpulan dan MARA menentukan pengelasan aset kewangan pada waktu pembelian dibuat. Aset kewangan yang selain daripada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan deposit dengan institusi kewangan ditunjukkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Semua aset kewangan, kecuali yang ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah tertakluk kepada penilaian semula rosot nilai.

Polisi untuk aset kewangan pelaburan dan liabiliti kewangan adalah seperti berikut: -

i. Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset pelaburan dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan serta mempunyai tempoh kematangan yang juga telah ditetapkan di mana Kumpulan dan MARA mempunyai hasrat positif serta keupayaan untuk memegang aset pelaburan ini sehingga matang. Seandainya instrumen aset pelaburan dipegang sehingga matang dijual pada kuantum yang melebihi daripada amanah yang tidak ketara, maka keseluruhan portfolio aset kewangan ini dikira sebagai tercemar dan perlu dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset pelaburan dipegang sehingga matang adalah instrumen pelaburan berpendapatan tetap seperti sekuriti kerajaan Malaysia, terbitan pelaburan kerajaan, bon dan sekuriti hutang persendirian.

Aset pelaburan dipegang sehingga matang dinilai berikutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah pulangan efektif.

ii. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset kewangan sedia dijual adalah aset kewangan bukan derivatif di mana Kumpulan mempunyai hasrat untuk mengkelaskan instrumen pelaburan di bawah kelas aset kewangan ini sewaktu pembelian dibuat yang mana aset kewangan tersebut tidak dikelaskan di bawah lain-lain kelas aset kewangan di bawah MFRS 139.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual adalah instrumen pelaburan ekuiti yang merangkumi ekuiti tersiar harga dan ekuiti tidak tersiar harga sama ada diuruskan secara dalaman atau pun melalui pengurus dana luar dan instrumen pelaburan berpendapatan tetap.

Penilaian berikutnya ke atas aset kewangan sedia dijual adalah pada nilai saksama yang mana keuntungan atau kerugian dinyatakan ke pendapatan komprehensif lain kecuali untuk rosot nilai, perbezaan pertukaran mata wang asing dari item monetari yang mana diiktiraf ke untung atau rugi.

iii. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Rugi

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini jika ia dibeli untuk tujuan dagangan atau dibeli semula dalam jangka masa yang pendek. Aset kewangan derivatif juga dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Instrumen pelaburan Kumpulan yang boleh dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah instrumen pelaburan berpendapatan tetap yang dikategorikan sebagai portfolio dagangan serta instrumen derivatif sama ada yang dibeli secara terus ataupun yang terbenam dalam kontrak yang dimeterai oleh MARA pada penyata kedudukan kewangan.

iv. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Instrumen pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Aset kewangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana Kumpulan berkomitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos transaksi yang berkaitan jika ada. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Termasuk dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan pinjaman staf dan pendahuluan modal kepada syarikat subsidiari.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (Sambungan)

b. Pengelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikut (Sambungan)

Pinjaman kepada Pekerja

Aset kewangan di bawah Skim Pembiayaan Perumahan dinyatakan pada nilai semasa untuk pembayaran ansuran didiskaun pada kadar kewangan pasaran.

Bagi skim pinjaman lain, tiada kesan material untuk mencatat aset kewangan pinjaman kakitangan pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Terdapat dua (2) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada anggota MARA pada kadar faedah yang diluluskan oleh Majlis MARA berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- i. Skim Pembiayaan Kenderaan dan
- ii. Skim Pembiayaan Komputer

v. Penghutang

Aset kewangan penghutang adalah dinilai pada amaun invoice setelah ditolak eluan rosot nilai. Tiada kesan material untuk mencatat aset kewangan Penghutang pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Eluan rosot nilai diperlukan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal sebagaimana polisi rosot nilai yang dinyatakan dalam Nota 3.13b.

vi. Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan kecuali yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi akan ditaksir pada kos terlunas.

Nilai saksama melalui kategori untung dan rugi terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan), pertimbangan luar jangka dalam gabungan perniagaan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Bagi derivatif yang berkaitan dan perlu diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak tersiar di pasaran aktif untuk instrumen yang sama yang mana nilai saksamanya tidak dapat ditaksir, taksiran dibuat pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi akan ditaksir pada nilai saksama di mana untung atau rugi diiktiraf ke untung atau rugi.

c. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun bawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul b yang telah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan diiktiraf ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun bawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke untung atau rugi.

3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan

a. Pengiktirafan dan Taksiran

Aset-aset dipermodal apabila kos pembelian adalah RM2,000 dan ke atas seunit.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadan dengan fungsi peralatan berkenaan diakdedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartaan, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan diakdedahkan sebagai aset berasingan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartaan, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh ditaksir dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke untung atau rugi.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)****b. Susut nilai**

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilaiakan secara berasingan.

Semua hartaanah, loji dan peralatan lain disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

	Kumpulan	MARA
Bangunan milik bebas	2% hingga 10%	2%
Bangunan pegangan pajak	Sepanjang tempoh pajakan	Sepanjang tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	10% hingga 25%	25%
Alat-alat pejabat, kelengkapan dan komputer	5% hingga 33 1/3%	15% hingga 25%
Mesin, jentera dan alat-alat bengkel	7 1/2% hingga 20%	15%
Ubahsuauan	2% hingga 20%	2%

Tanah dan bangunan pegangan pajak dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

Tanah milik bebas dan bangunan dalam pembinaan tidak disusut nilaiakan.

Pada tarikh berakhir tahun kewangan, nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.7 Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartaanah terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan.

Pelaburan hartaanah asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan.

Pelaburan hartaanah kemudian dinilaikan pada nilai saksama dengan mengiktirafkan perbezaan ke untung atau rugi dalam tempoh kewangan berkenaan.

Sekiranya penilaian nilai saksama tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos atau usaha melampau, aset berkenaan akan diklasifikasi sebagai hartaanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai dan rosot nilai terkumpul sehingga terdapat penilaian yang boleh dipakai. Nilai bawa aset berkenaan kemudiannya diambil sebagai kos.

Keuntungan atau kerugian nilai saksama akibat dari pengelasan semula diiktiraf ke untung atau rugi.

Pelaburan hartaanah dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dihentikan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperoleh apabila dilupuskan. Perbezaan diantara terimaan bersih dan nilai bawa diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh tahun kewangan aset berkenaan dinyahiktiraf.

3.8 Aset Tak Ketara**a. Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat**

Perbelanjaan yang wujud daripada lesen dan perisian teknologi maklumat khusus ditaksir pada kos pengiktirafan. Selepas pengiktirafan awal, aset tak ketara adalah bawa pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Aset tak ketara dilunaskan berdasarkan atas garis lurus di sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi selama lapan (8) hingga (10) tahun (12.5% - 15%) dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset berkenaan mungkin telah mengalami rosot nilai.

b. Muhibbah

Muhibbah pada awalnya ditaksir berdasarkan kos, sebagai lebihan kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi kepentingan bukan kawalan ke atas aset bersih yang dikenal pasti akan diperoleh dan liabiliti yang ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf ke untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah ditaksir pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibbah disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menggambarkan nilai bawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas muhibbah tidak boleh dicatat semula. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 3.13a.

3.9 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos (ditentukan dengan dasar masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai pasaran bersih.

Kos bahan mentah meliputi semua kos belian asal dan kos lain yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Kos kerja dalam proses dan barang siap meliputi kos bahan mentah, buruh langsung dan sebahagian overhead pengeluaran.

Nilai boleh realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan ditolak kos jualan dan hantaran dan lain-lain anggaran kos penyiaian.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.10 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila wujud obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi perundungan, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amanah obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

Apabila pendisksaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

3.11 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.12 Pengiktirafan Pendapatan

- a. Pendapatan yuran diiktiraf apabila yuran dikenakan ke atas pelajar.
- b. Geran kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya. Geran kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
- c. Geran kerajaan berkaitan aset diiktiraf ke untung atau rugi secara asas sistematik sepanjang tempoh penggunaan aset berkaitan dengan geran berkenaan. Geran ditaksir pada nilai saksama aset yang diterima.
- d. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akruan.
- e. Pendapatan dari kutipan sewaan diiktiraf mengikut asas akruan.
- f. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- g. Jualan barang dari aktiviti kebiasaan ditaksir pada nilai saksama balasan yang diterima, bersih dari diskau niaga dan rebat pulak. Jualan diiktiraf apabila wujud bukti meyakinkan, dalam bentuk perjanjian jual beli yang terlaksana, yang mana risiko dan ganjaran signifikan telah diserahkan kepada pelanggan dan penerimaan hasil balasan dijangka akan berlaku.
- h. Jualan dari perkhidmatan diiktiraf ke untung atau rugi berkadar kepada takat siap transaksi pada tarikh berakhir tahun kewangan.

3.13 Rosot Nilai

a. Aset Bukan Kewangan

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan. Aset berkenaan disemak untuk rosot nilai setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan atau susut nilai akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai bawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawa aset bukan kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai (“UPT”), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada muhibbah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai dicatat semula pada setiap tahun pelaporan.

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut.

Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amanah boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amanah boleh pulih. Kerugian rosot nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Rosot nilai akan dicaj ke untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amanah boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada amanah boleh pulih.

Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk aset yang dinilai semula dimana ianya diambilkira ke rizab penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)**3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.13 Rosot Nilai (Sambungan)****b. Aset Kewangan**

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

i. Penghutang Perdagangan dan Aset-Aset Kewangan Lain Dibawa Kos Selepas Pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskau pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaikan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskannya pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

ii. Aset-Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketidaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti ke untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

3.14 Pajakan**a. Sebagai pemajak**

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan ke untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

b. Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundungan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.12.

3.15 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan untung kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

